

DN.13.8.2001

[DOKUMEN INI BELUM DISEMAK]

MALAYSIA  
DEWAN NEGARA  
Isnin, 13 Ogos 2001  
**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**  
DOA  
[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

---

**PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA**

**PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujukan Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat. Saya jemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

**Perutusan Daripada Dewan Rakyat Kepada  
Dewan Negara**

"Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan rang undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya.

1. Rang Undang-undang Kesihatan Mental 2001;
2. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2001) 2001;
3. Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) (No.2) 2001;
4. Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2001; dan
5. Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2001.

Yang ikhlas,

t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT".

### **URUSAN MESYUARAT**

**Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan supaya rang undang-undang yang tersebut di dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di mesyuarat ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

### **JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Puan Jaya Partiban** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan sama ada kementerian bercadang melancarkan program khas untuk menggalakkan belia menyertai kegiatan sihat supaya mereka tidak terperangkap dalam gejala-gejala sosial.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Ong Tee Keat]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin supaya dapat menjawab sekali pertanyaan dari Puan Hajah Safinah binti Jusoh yang akan dikemukakan pada 14 Ogos 2001 kerana kedua-dua soalan ini adalah berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan amat prihatin terhadap peningkatan gejala sosial di kalangan belia khususnya kaum remaja. Sebagai langkah pencegahan pihak kementerian telah melaksanakan pelbagai aktiviti untuk menarik lebih ramai lagi peserta dari golongan remaja untuk mengambil bahagian dalam aktiviti Rakan Muda. Sebagai contoh, melalui pelaksanaan program Rakan Muda mengikut sektor di pelbagai peringkat remaja berpeluang mengikuti program dan melalui pelaksanaan program tersebut unsur-unsur pembangunan fizikal, mental dan spiritual dapat diterapkan dalam setiap aktiviti. Program-program seumpama ini dapat membentuk keperibadian remaja selaras dengan matlamat dan objektif kementerian.

Di samping itu, melalui pendekatan Rakan Muda Alaf Baru beberapa aktiviti baru telah pun diperkenalkan. Antara lain termasuk program pembangunan Sukarelawan Rakan Muda. Program ini memberi penekanan kepada penglibatan belia khususnya golongan remaja dalam aktiviti kesukarelaan yang menjurus kepada aktiviti pembangunan kepimpinan, sosial, fizikal dan spiritual.

Pewujudan sekretariat Rakan Muda di peringkat negeri dan daerah juga akan memberi tumpuan kepada perancangan aktiviti-aktiviti sukarelawan secara luas. Usaha ini sesungguhnya akan dapat menarik lebih ramai lagi beliawan dan beliawanis untuk melibatkan diri dalam kerja-kerja kesukarelaan di peringkat nasional, negeri dan daerah. Dengan cara ini, lebih ramai belia akan berpeluang menyertai dan menyumbangkan tenaga kepada program-program pembangunan belia.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan menyedari bahawa usaha pembangunan belia bukanlah satu tugas yang mudah. Kementerian sentiasa memantau, mengemas kini dan menaik taraf program-program yang sedia ada di samping memperkenalkan program-program baru yang menepati citarasa dan kehendak masyarakat belia dari masa ke semasa untuk menyediakan beliawan dan beliawanis kita yang bertanggungjawab dan beramanah. Misalannya, program yang bersesuaian dengan kehendak semasa, beberapa pendekatan baru program Rakan Muda Alaf Baru telah pun diperkenalkan dengan suntikan dan semangat baru.

Di antaranya termasuk penekanan kepada aspek kesukarelaan dalam penganjuran dan pengurusan aktiviti-aktiviti di bawah sembilan gaya hidup Rakan Muda, penekanan kepada aspek rakan kongsi tulen antara empat pihak, iaitu sektor awam, sektor swasta, sektor NGO dan para sukarelawan. Penekanan mewujudkan dan memperkenalkan konsep role model yang boleh dicontoh dan diteladani oleh golongan muda, penubuhan urusetia Rakan Muda di setiap daerah IPTA dan IPTS dan beberapa sektor yang lain serta pembelaan pusat-pusat Rakan Muda.

Selain daripada itu, aktiviti baru seperti sukan lasak juga diperkenalkan untuk menarik penyertaan pemuda-pemudi kita. Dalam masa yang sama rangkaian jaringan yang sama dengan pelbagai sektor dan agensi turut diperluas dan dipereratkan lagi bagi memberi ruang yang lebih kepada penglibatan belia secara meluas. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan Kementerian Belia dan Sukan juga berusaha untuk memberi latihan kepimpinan kepada 200,000 belia di seluruh negara. Bahkan mulai tahun depan kementerian sedang berusaha menambah jumlah peserta program Khidmat Sosial Negara dari 5,000 kepada 20,000 orang belia yang menunggu keputusan SPM.

**Puan Jaya Partiban:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Banyak kali kita telah pun bangkitkan soalan ini dan penjelasan yang diterima daripada kementerian adalah yang sama. Tetapi bilangan mereka yang terperangkap dalam gejala sosial

makin bertambah terutama di kalangan belia India. Sebab itulah kami sering membangkitkan soalan kenapa Kementerian Belia dan Sukan tidak mengadakan satu program khususnya untuk kaum ini yang memerlukan pertolongan.

Soalan saya, adakah kementerian mengkaji kemungkinan mengadakan satu program khas untuk kaum pemuda dari keturunan India dan juga walaupun semua program ini dilaksanakan sekian lama, apakah kesannya kerana baru-baru ini kita sering mendengar ramai lagi belia yang membangkitkan masalah-masalah sosial. Terima kasih.

**Datuk Ong Tee Keat:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang berkenaan atas keprihatinan beliau terhadap perkembangan semasa tentang program-program anjuran kementerian saya. Walaupun demikian sukalah saya tegas di sini bahawa jawapan yang saya beri itu sebenarnya agak berbeza daripada apa yang pernah saya menjawab di Dewan yang mulia ini. Sebab kiranya kita buat satu bandingan maka jelaslah program-program seperti program Pembangunan Sukarelawan, volunteers, dengan izin, dan program Khidmat Sosial Negara itu merupakan suntikan yang baru seperti mana yang saya jelaskan tadi, dan ini bukan sesuatu yang lapuk ataupun sesuatu yang sudah lama dilaksanakan.

Walaupun demikian, suka juga saya menegaskan di sini bahawa bila kita menyentuh gejala sosial biasanya keberkesanan program Rakan Muda khususnya akan dibangkitkan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sesungguhnya program Rakan Muda serta program-program yang lain yang dianjurkan oleh Kementerian Belia dan Sukan itu hanyalah berunsur pencegah ataupun ianya lebih bersifat satu program yang mencegahkan kaum remaja daripada terjebak kepada unsur-unsur negatif dan bukannya sebagai penawar kepada semua gejala sosial yang sedang berlaku dalam masyarakat kita.

Beralih kepada penglibatan kaum India dalam program-program yang berkenaan suka saya memaklumkan bahawa sesungguhnya dalam program Rakan Muda mengikut sektor memang terdapat satu sektor yang agak spesifik, agak khusus melibatkan kaum India iaitu Rakan Muda untuk peladangan, untuk belia dari ladang-ladang (estates) yang majoritinya terdiri daripada kaum India. Walaupun demikian, saya suka mempelawa juga cadangan dan juga kertas kerja kiranya ada dari kalangan kaum India khususnya dari pihak MIC dan juga badan-badan belia bukan siasah ataupun NGO India supaya mereka dapat merangkakan program-

program yang tertentu mengikut selera kaum India sebab ini pun merupakan satunya cara kita dapat memperluaskan konsep Rakan Muda. Sekian.

**Dato' Charern Intachat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Belia kini dikatakan tidak mempunyai semangat patriotisme yang tinggi. Soalan tambahan saya, di samping program-program yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi tidakkah pihak kementerian dapat mengikhtiaran kursus-kursus yang bertujuan untuk belia-belia kita mempunyai semangat cintakan negara.

**Datuk Ong Tee Keat:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa soalan ini agak tepat pada waktunya khususnya menjelang bulan kemerdekaan yang akan kita mulakan pada 17 Ogos 2001. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, semangat patriotisme walaupun sering kali dikatakan semakin hari semakin pudar tetapi elok juga kita cuba mempertingkatkan semangat patriotisme ini di kalangan kaum belia dengan pelbagai program ataupun menerusi pelbagai kaedah yang baru, antara lain termasuk penglibatan kaum belia dalam aktiviti-aktiviti kesukanan. Biasanya bila kita dapat menyaksikan sesuatu pertandingan sukan dalam temasya sukan kita dapatilah bahawa semangat patriotisme di kalangan beliawan dan beliawenis kita sebenarnya tidak pudar. Mereka bukan sahaja memberi sokongan yang padu dan jitu dengan menerusi tepuk sorak kepada pasukan kita. Malahan mereka juga sedikit-sebanyak akan dapat 'berangsang' daripada acara-acara sukan yang berkenaan dan seterusnya mereka akan dapat menggerakkan program-program kesukanan di peringkat akar umbi. Sekian.

2. **Tuan Zakaria bin Arshad** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian bagi mengatasi masalah 'kemeruduman' harga bahan-bahan komoditi utama negara seperti kelapa sawit dan getah dan adakah subsidi yang telah diberikan kepada peneroka-peneroka FELDA dan FELCRA yang sedang disalurkan kerajaan sekarang ini merangkumi semua pekebun kecil di samping peserta tanah rancangan FELDA dan FELCRA di seluruh negara.

**Menteri Perusahaan Utama [Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, bantuan subsidi yang diberikan kepada pekebun kecil di bawah rancangan tanah FELDA dan FELCRA adalah dikhaskan kepada pihak berkenaan sahaja yang tidak diberikan kepada lain-lain pekebun kecil yang berada di luar rancangan FELDA dan FELCRA. Bantuan subsidi ini adalah merupakan elauan sara hidup kepada pekebun kecil di bawah program

social FELDA dan FELCRA tersebut. Sungguhpun begitu semua pekebun kecil termasuk pekebun kecil di rancangan FELDA dan FELCRA turut mendapat lain-lain bantuan subsidi melalui beberapa langkah kerajaan bagi membantu mengatasi masalah kejatuhan harga kelapa sawit dan getah.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengatasi masalah kejatuhan harga kelapa sawit kerajaan telah dan sedang mengambil beberapa langkah jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang untuk menstabilkan harga komoditi ini. Antara langkah-langkah tersebut ialah:

- (i) membenarkan pengeksportan minyak sawit mentah tanpa duti;
- (ii) menggalakkan penggunaan minyak sawit sebagai bahan bakar;
- (iii) mengadakan skim insentif tanam semula kelapa sawit untuk mempercepatkan tanaman semula 200,000 kelapa sawit yang melebihi umur 25 tahun. Buat masa ini, kerajaan telah berjaya mengurangkan stok minyak sawit ke bawah 1 juta tan metrik daripada 1.5 juta tan metrik pada akhir tahun 2000. Di bawah skim ini kerajaan akan membayar insentif sebanyak RM1,000 sehektar bagi menanam semula dengan kelapa sawit atau RM1,100 sehektar apabila ditanam semula dengan pokok getah. Insentif ini adalah untuk pekebun kecil individu serta pekebun kecil di bawah rancangan FELDA, FELCRA, RISDA serta kerajaan negeri;
- (iv) menawarkan skim kemudahan melalui kredit, dengan izin, Palm Oil Credit Payments Arrangement (POCPA) kepada negara-negara yang berpotensi membeli minyak sawit Malaysia;
- (v) menyediakan perdagangan timbal balas dengan pembayaran minyak sawit. Setakat ini jumlah dagangan melibatkan bayaran minyak sawit adalah USD120 juta;
- (vi) menghantar misi teknikal dan economic commodity sawit ke beberapa negara pengguna dunia. Pada tahun 2001 kementerian merancang untuk menghantar misi ke Afrika Selatan, Mozambique, Colombia, Brazil, Venezuela, Morocco, Libya, Mesir dan Lubnan;

- (vii) mengadakan kerjasama dengan pengeluaran utama seperti negara Indonesia dalam promosi pemasaran bersama pendidikan dan pembangunan dan pelaburan; dan
- (viii) mempertingkatkan kegiatan R&D dan menjurus kepada meningkatkan penggunaan sawit sebagai bahan asas dan meningkatkan kualiti produk yang dieksport bagi memperluas dan mempelbagaikan pasaran.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengatasi masalah kejatuhan harga getah serta membantu pekebun kecil getah kerajaan telah mengadakan beberapa program secara jangka pendek dan secara jangka panjang. Secara jangka pendek kerajaan telah mengambil beberapa tindakan misalnya memberikan bantuan khas bagi meningkatkan produktiviti dan mengurangkan bebanan mereka akibat kejatuhan harga getah. Antara langkah-langkah itu ialah:

- (i) bantuan penggunaan sistem torehan kekerapan rendah (LITS) sebanyak RM1,000 sehektar secara geran kepada pekebun kecil yang memiliki saiz kebun kurang dari empat hektar. Bagi mereka yang memiliki saiz kebun lebih dari empat hektar pula mereka akan diberi bantuan secara geran 70% dan secara pinjaman 30% daripada RM1,000 sehektar yang diberikan;
- (ii) bantuan menggalakkan pekebun kecil mengeluarkan susu getah cair atau field latex sebanyak 30 sen sekilogram dan sebanyak 15 sen sekilogram bagi getah beku sekerap berdasarkan 100% kandungan getah kering (dry rubber content);
- (iii) elauan sara hidup secara pekebun kecil termiskin di bawah program sosial FELDA, FELCRA dan RISDA;
- (iv) menawarkan skim kemudahan melalui kredit, dengan izin, palm oil credit payment arrangement (POCPA) kepada negara-negara yang berpotensi membeli minyak sawit Malaysia;
- (v) menyediakan perdagangan timbal balas dengan pembayaran minyak sawit. Setakat ini jumlah dagangan melibatkan bayaran minyak sawit adalah USD120 juta;

- (vi) menghantar misi teknikal dan ekonomi komoditi sawit ke beberapa negara pengguna dunia. Pada tahun 2001, kementerian merancang untuk menghantar misi ke Afrika Selatan, Mozambique, Colombia, Brazil, Venezuela, Morocco, Libya, Mesir dan Lebanon;
- (vii) mengadakan kerjasama dengan pengeluar utama seperti negara Indonesia dalam promosi pemasaran bersama pendidikan dan pembangunan dan pelaburan; dan
- (viii) mempertingkatkan kegiatan R&D dan menjurus kepada meningkatkan penggunaan sawit sebagai bahan asas dan meningkatkan kualiti produk yang dieksport bagi memperluas dan mempelbagaikan pasaran.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengatasi masalah kejatuhan harga getah serta membantu pekebun kecil getah, kerajaan telah mengadakan beberapa program secara jangka pendek dan jangka panjang.

Secara jangka pendek kerajaan telah mengambil beberapa tindakan misalnya, memberikan bantuan khas bagi meningkatkan produktiviti dan mengurangkan bebanan mereka akibat kejatuhan harga getah. Antara langkah-langkah itu ialah, pertama, bantuan penggunaan sistem torehan kekerapan rendah atau LITS sebanyak RM1,000 se hektar secara grant kepada pekebun kecil yang memiliki saiz kebun kurang daripada 4 hektar. Bagi mereka yang memiliki saiz kebun lebih daripada 4 hektar pula, mereka akan diberi bantuan secara grant 70% dan secara pinjaman 30% daripada RM1,000 sehektar yang diberikan.

Kedua, bantuan menggalakkan pekebun kecil mengeluarkan susu cair atau fuel latex sebanyak 30 sen se kilogram dan sebanyak 15 sen se kilogram bagi getah beku skrap berdasarkan seratus-peratus kandungan getah kering (dried rubber content).

Ketiga, elaun sara hidup secara pekebun kebun termiskin di bawah program sosial FELDA, FELCRA dan RISDA.

Keempat, skim bantuan sara hidup bulanan kepada pekebun getah daif. Di bawah skim ini pekebun kecil dengan keluasan kebun seluas 2.5 hektar ke bawah di beri bantuan di antara RM50 sehingga RM250 se keluarga melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Kelima, bantuan kepada pekebun kecil untuk meningkatkan pendapatan melalui program pertanian intensif dan program tanaman kontan melalui Kementerian Pertanian. Di samping itu, kerajaan juga telah mengadakan skim khas pembelian getah (SKPG) pada masa getah mengalami kejatuhan harga yang teruk, misalnya, dalam tahun 1999.

Tuan Yang di-Pertua, secara jangka panjang pula, kerajaan sedang dalam usaha mengadakan kerjasama dengan negara-negara pengeluar utama getah iaitu Thailand dan Indonesia. Ini adalah kerana Malaysia yang kini merupakan pengeluar keempat terbesar dunia selepas Thailand, Indonesia dan India tidak berupaya mengawal pengeluaran dan mempengaruhi harga pasaran getah dunia secara bersendirian.

Sehubungan dengan itu ketiga-tiga negara telah bersetuju untuk bekerjasama dan melaksanakan antaranya langkah-langkah berikut:

- (i) menubuhkan, dengan izin, Tripartite Rubber Cooperation (TRC) dengan sokongan ketiga-tiga kerajaan untuk menguruskan stok getah secara lebih strategik;
- (ii) menggalakkan penubuhan, dengan izin, trading consortium di kalangan sektor swasta ketiga-tiga negara bagi tujuan pemasaran strategik;
- (iii) mempertingkatkan perdagangan getah di antara ketiga-tiga negara; dan
- (iv) melaksanakan kawalan pengeluaran mulai tahun 2002 dengan tujuan untuk mengurangkan pengeluaran oleh ketiga-tiga negara sebanyak 4% setahun tertakluk kepada kajian semula setiap 2 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, pelbagai usaha yang telah saya nyatakan tadi diharap dapat menyumbang ke arah mengatasi masalah kejatuhan harga komoditi dan harga kelapa sawit yang sudah dinaikkan kepada RM1,300 se tong hampir dua kali ganda dibandingkan dengan harga pada bulan Februari tahun ini di paras RM680 se tong dan haraplah kepada getah, dalam tindakan yang saya sebutkan tadi bolehlah menolong kenaikan harga getah juga. Dalam beberapa tindakan yang telah dibuat, saya harap itu boleh membantu para pekebun kecil berkenaan. Sekian, terima kasih.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang untuk saya berkenaan dengan soalan tambahan dan terima

kasih kepada Menteri kerana memberikan satu pengumuman dasar yang begitu baik.

Soalan saya, adakah tidak merupakan satu paradoks di mana Malaysia yang kini, saya difahamkan mengeluarkan 60% daripada minyak sawit dunia, ini juga menggalakkan pengusaha-pengusaha kita seolah-olahnya menanam modal di negara-negara lain seperti Indonesia dan Afrika.

Saya difahamkan Tuan Yang di-Pertua, di Indonesia pengusaha-pengusaha Malaysia kini telah pun melaburkan antara RM1.9 bilion kepada RM2.3 bilion – Guthrie, Tabung Haji dan banyak lagi syarikat kerajaan di dalam bidang kelapa sawit dan mempunyai masalah. Cuba bayangkan kalau duit ini digunakan di Malaysia, benda itu berjalan dengan baik.

Jadi, soalan saya, adakah ia merupakan paradoks dan adakah mereka berbincang dengan kementerian apabila hendak membuat pelaburan-pelaburan bahan-bahan utama seperti kelapa sawit terutamanya di negara-negara luar supaya strategi kita, negara kita merupakan negara yang merupakan pengeluar utama daripada segi kelapa sawit dengan banyaknya infrastruktur dan sebagainya.

Jadi, macam paradoks ini cuba hendak minta penjelasan sedikit daripada pihak kerajaan.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih atas soalan tambahan itu dan banyak lama saya pun cuba menjelaskan berkenaan masalah ini atas dasar kerajaan. Memang 10 tahun yang lalu kita menggalakkan pelabur-pelabur dari Malaysia pergi melabur dalam ladang-ladang di negara jiran dan juga di negara-negara yang ada tanah dan cuaca yang sesuai untuk ditanam dengan kelapa sawit.

Ini bukan satu paradoks yang mana dalam ramalan permintaan minyak dan lelemak di pasaran dunia akan bertambah lebih dari satu pertiga apa yang digunakan pada masa sekarang dan tambahan itu, patut diambil oleh pengeluar minyak sawit sebab minyak sawit adalah minyak yang boleh bersaing di pasaran antarabangsa dan mengikut sejarah yang mana melalui getah seumpamanya, kita dahulu tidak pergi mana-mana dan akhirnya Thailand dijadikan pengeluar utama dan Indonesia dijadikan pengeluar yang kedua. Kita yang ketiga, kecil sahaja 15% daripada seluruh jumlah pengeluaran di dunia tetapi kita tidak ada apa-apa hubungan dengan pengeluar-pengeluar di Thailand dan Indonesia sehingga apa mereka buat, kita pun tidak tahu sehingga mereka menjelaskan pendapatan pekebun-pekebun kecil kita

yang mana pekebun kecil kita sudah dijadikan dengan izin, high cost producers dan dengan strategi itu untuk menggalakkan pelabur-pelabur kita pergi melabur di dalam ladang di Indonesia dan di lain-lain negara yang sesuai.

Kita boleh mengambil satu strategi. Bukan kita mahu kawal semua pengeluaran tetapi pada masa akan datang ada hubungan antara satu dengan lain untuk menstabilkan dan juga untuk menjamin harga komoditi itu di pasaran antarabangsa, boleh menunjukkan satu harga yang berpatutan, yang adil kepada pengeluar-pengeluar dari negara kita atau dari negara-negara lain dengan satu konsep, pasar adalah cukup untuk kita semua dan pengeluar sawit tidak lawan dengan pengeluar sawit. Pengeluar sawit lawan dengan pengeluar minyak dan lelemak yang lain di pasaran minyak dan lelemak antarabangsa.

Ini konsep kita dan dengan izin, palm don't fight against palm atau sawit tidak lawan dengan sawit tetapi sawit lawan dengan jenis minyak yang lain seperti minyak kacang soya, minyak bunga matahari, minyak biji "rogol" atau rape seed. [Ketawa] Saya tahu ini biji, rape seed - biji rogollah...[Ketawa] Minyak...minyak lain.

Sekian, terima kasih.

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selain daripada hasil getah dan kelapa sawit, soalan tambahan saya, pernahkah kerajaan membuat kajian untuk mengarusperdanakan tanaman kelapa untuk air kelapa dan kelapa pandan supaya dikomersilkan sama ada dalam negara dan di luar negara. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik:** Walaupun ini adalah dalam bidang Kementerian Pertanian, tetapi saya cuba menjawab. Untuk mengkormersialkan tanaman kelapa, ini bergantung kepada kos pengeluaran dan persaingan di pasaran dunia tetapi banyak pengeluar kelapa tidak boleh bersaing dengan kelapa sawit lagi. Minyak yang dikeluarkan oleh kelapa tidak boleh bersaing. Hanya kalau kita mahu minum air kelapa sahaja tetapi berapa orang mahu minum air kelapa dan dengan itulah, kalau kita tanam banyak kelapa, tidak boleh mendapat pasaran. Walaupun saya tahu masa sekarang kita menghadapi kekurangan kelapa muda untuk kita minum air kelapa tetapi pergi beli dari Indonesialah, sangat murah. Macam mana kita keluarkan tidak boleh banding dengan kelapa muda yang diimport dari Indonesia. Itulah saya ingat, sebagai strategi yang mana kita pilih untuk menggalakkan atau meluaskan apa-apa jenis tanaman. Sekian, terima kasih.

**[Soalan No.3. – Y.B. Puan Nosimah binti Hashim tidak hadir]**

4. **Puan Hajah Jamilah binti Ibrahim** minta Menteri Pendidikan menyatakan, apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh pihak kementerian dalam usaha mengatasi masalah kekurangan guru di sekolah rendah dan sekolah menengah kebangsaan sejak tahun 1990 sehingga hari ini.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan sangat peka akan masalah yang diperkatakan. Oleh itu kementerian mengadakan unjuran keperluan guru-guru. Misalnya pada tahun 1990-an kita mengadakan pengambilan guru dua kali setahun selama 3 tahun berturut-turut.

Di samping itu kementerian mewujudkan kursus dalam cuti untuk guru-guru sandaran iaitu guru-guru yang tidak terlatih. Unjuran tertentu juga dibuat untuk guru-guru bahasa Cina, bahasa Tamil dan bahasa Inggeris.

Masalah kekurangan guru sentiasa dipantau dan dibaiki dan masalah sebenarnya bukan kekurangan guru, Yang Berhormat, masalah yang kita hadapi sekarang ialah masalah mismatch iaitu guru sejarah mengajar Ilmu Alam misalnya. Oleh sebab kita mengetahui akan masalah ini, pada tahun 2000 kita mengadakan pasukan petugas khas supaya masalah ini dapat kita atasi dan sekarang untuk menyelesaikan masalah ini kita mengadakan kursus conversion ataupun peralihan supaya subjek-subjek kritikal seperti Matematik, Sains dan Bahasa Inggeris dapat kita pantau dengan cara terperinci. Kursus ini berjalan selama 14 minggu dan kemudiannya pula kita mengadakan kursus profesionalisme untuk guru supaya dapat kita bangunkan pendidikan negara kita dengan cara yang terbaik. Terima kasih.

**Puan See Too Mee:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Baru-baru ini Kabinet telah mengambil keputusan untuk menerapkan bahasa Mandarin dan Tamil sebagai mata pelajaran wajib dalam sekolah-sekolah kebangsaan, adakah ianya akan mengakibatkan perebutan sumber tenaga pengajar yang begitu terhad sekali di antara sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina. Harap mendapat sedikit penjelasan dari pihak kementerian, apakah jangka jumlah kekurangan guru pada tahun 2005 dan apakah langkah-langkah berkesan untuk mengatasi masalah ketidakseimbangan di antara dasar dan implementasi oleh kerajaan. Terima kasih.

**Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin:** Tuan Yang di-Pertua, masalah mewajibkan ini belum timbul tetapi ura-ura untuk menyediakan bahasa Tamil dan

bahasa Cina di sekolah-sekolah memang sedang berjalan. Oleh sebab kita arif akan masalah yang dihadapi, itulah sebabnya kementerian sentiasa mengambil perhatian supaya bilangan guru ini ditambah. Dalam pada itu tidak akan berlaku curi mencuri di antara sekolah jenis kebangsaan Cina hendak masuk ke sekolah kebangsaan dan sebagainya. Cara yang paling baik kepada kita ialah memberi kesempurnaan kepada semua dan insya-Allah, Kementerian Pendidikan akan terus berusaha supaya bilangan ini dapat kita tepati seperti yang dikehendaki. Terima kasih.

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, apakah kementerian dapat mengenal pasti punca yang menyebabkan lepasan daripada pelajar-pelajar kita yang kurang berminat untuk menceburι bidang perguruan dan setakat ini, berapa peratuskah jumlah guru lelaki berbanding dengan jumlah guru wanita yang berkhidmat dalam negara kita.

**Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat. Soalan ini sangat penting kita fikirkan bersama. Oleh sebab kerajaan selama 44 tahun ini telah membangun, kita dapati peluang-peluang pekerjaan begitu luas dan mereka tidak hanya menumpukan untuk menjadi guru. Di kilang-kilang ada, di bahagian swasta yang lain terbuka luas. Oleh sebab itu kaum lelaki ini memilih kursus-kursus ataupun pekerjaan-pekerjaan yang lebih mencabar dan mereka memilih oleh sebab adanya peluang yang lebih luas.

Kalau kita melihat akan kedudukan guru-guru keseluruhannya, saya tidak dapat memberikan secara terperinci tetapi untuk makluman Yang Berhormat, guru besar dan pengetua sekolah-sekolah di Lembah Klang ini, jumlahnya ialah 65% terdiri daripada guru-guru wanita – guru besar sekolah rendah ataupun pengetua di sekolah menengah terdiri daripada kaum wanita dan kalau kita melihat perangkaan guru lelaki dan wanita pula, kita akan melihat sekurang-kurangnya ada 60% guru wanita berbanding dengan 40% lelaki. Itu sebabnya pada masa dahulu saya pernah meminta bukan aturan supaya kita pandai-pandai mencari jalan supaya jangan ada kemalangan berlaku terutama sekali pada musim-musim peperiksaan. Insya-Allah, apabila sampai masanya kita mengubah structure dalam Kementerian Pendidikan mungkin ada tarikan-tarikan baru untuk mengambil golongan kaum lelaki masuk menjadi guru pula. Terima kasih.

**5. Dato' Long bin Jidin** minta Menteri Kewangan menyatakan, tahap keselamatan sistem perbankan Internet yang diperkenalkan oleh bank-bank di Malaysia. Bagaimanakah keyakinan pelanggan tentang sistem tersebut.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Chan Kong Choy]:** Tuan Yang di-Pertua, sejajar dengan perkembangan pesat penggunaan IT di sektor perbankan, Bank Negara Malaysia melalui garis panduan minimum ke atas perkhidmatan perbankan Internet dalam membenarkan institusi perbankan tempatan di Malaysia memperkenalkan perkhidmatan perbankan tersebut mulai 1 Jun 2000. Garis panduan berkenaan menyatakan dengan jelas keperluan-keperluan asas yang perlu dipenuhi oleh institusi perbankan sebelum kelulusan diberi untuk mereka melaksanakan perbankan Internet. Ini termasuklah keperluan amalan-amalan pengurusan risiko yang baik, ciri keselamatan sistem yang tinggi serta juga menitik-beratkan perlindungan pengguna.

Secara amnya tahap keselamatan sistem perbankan Internet yang dilaksanakan oleh institusi perbankan tempatan di Malaysia adalah memuaskan. Walaupun terdapat beberapa percubaan penggodaman - hacking, dengan izin, dan pencerobohan yang hampir keseluruhan dilancarkan dari luar negara yang dilakukan ke atas institusi perbankan Internet tertentu, percubaan tersebut telah dapat dikesan dan dibendung oleh sistem-sistem keselamatan Internet seperti firewall yang terdapat di institusi-institusi tersebut.

Bank Negara Malaysia juga telah menyarankan kepada semua institusi perbankan yang menyediakan sistem perbankan Internet agar sentiasa meningkatkan tahap keupayaan sistem keselamatan Internet masing-masing serta pengetahuan yang diperlukan sejajar dengan perkembangan terkini teknologi tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, keyakinan pelanggan terhadap sistem perbankan Internet adalah menggalakkan. Perkembangan positif ini dapat ditunjukkan melalui pertambahan jumlah pelanggan Internet yang tinggi. Setakat akhir Jun 2001, jumlah pelanggan perbankan Internet yang berdaftar dengan institusi perbankan yang menawarkan perbankan Internet ialah 324,018 orang. Purata pertambahan bulanan pelanggan yang berdaftar adalah 18%.

Transaksi yang popular melalui perbankan Internet ialah untuk mendapatkan status terkini akaun merupakan 80%, pembayaran bil sebanyak 15% dan pemindahan dana sebanyak 5%.

Dengan kawalan keselamatan yang tinggi yang dilaksanakan oleh bank-bank yang berkenaan belum terdapat sebarang laporan penipuan terhadap akaun

pelanggan yang menggunakan perkhidmatan perbankan Internet sejak bulan Jun 2000 hingga sekarang. Sekian, terima kasih.

6. **Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman** minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah dan peratusan hutang negara yang diperolehi mengikut sistem Islam dan berapakah pula nilai dan peratusan mengikut jenis mata wang.

**Dato' Chan Kong Choy:** Sehingga bulan Mac 2001 hutang negara dianggarkan bernilai RM155.4 bilion. Dari jumlah tersebut kira-kira RM147 juta atau 0.095% diperolehi mengikut sistem Islam iaitu dalam Islamic Dinar sebanyak kira-kira 4.7 juta Islamic Dinar dan Dolar Amerika Syarikat sebanyak 32.8 juta. Sekian, terima kasih.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita perhatikan sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, dari segi perdagangan dunia boleh dikatakan kita ada Dolar, kita ada Euro dan yang ketiga saya hendak cadangkan kepada pihak kerajaan di dalam hal ini ialah yang baru sekali Dinar.

Saya ingin hendak mengetahui daripada pihak kerajaan Dinarization kalau dahulu ada Dolarization, Dinarization atau Dinarisasi. Adakah pihak kerajaan kita berdasarkan kepada lawatan baru-baru ini oleh seorang pakar, Syeikh Abdul Razak kalau saya tidak salah, bertujuan untuk mengadakan Dinar sebagai salah satu mata wang dunia terutama sekali bukan sahaja dari segi perdagangan tetapi juga dari segi dengan izin, financing pembangunan.

Kalau ini dibuat dan kalau pihak kerajaan bersetuju dibuat adakah ianya bertujuan untuk hendak mewujudkan sistem ini di peringkat ASEAN atau di peringkat OIC iaitu Pertubuhan Negara-negara Islam ataupun di peringkat ASEAN+3, maknanya kita juga merupakan satu blok selain daripada Euro, Dolar, ada pula Dinar.

Jadi, mungkin kerana itu dapat kita meningkatkan daripada 1% ini kepada tahap yang lebih tinggi dan ianya merupakan satu lagi saingan kepada dominasi Dolar. Terima kasih.

**Dato' Chan Kong Choy:** Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman. Memang Dinarization ini ataupun menjadikan Islamic Dinar ini sebagai mata wang di peringkat dunia yang ketiga memang menjadi satu hasrat antara negara-negara Islam dan selalu menjadi satu isu perbincangan dan perundingan di antara khususnya Islamic Development Bank Conference setiap

tahun dan semua pakar dalam sistem perbankan Islam sedang berusaha menuju ke arah ini.

Walau bagaimanapun, Malaysia seperti mana yang dikatakan oleh Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman bahawa hutang negara pada masa ini yang melalui sistem perbankan Islam masih rendah iaitu merupakan kurang daripada 1%. Ini adalah kerana pada masa ini kebanyakan pinjaman antarabangsa adalah terikat dengan sistem perbankan konvensional dan satu-satunya institusi yang menyediakan pembiayaan ataupun pinjaman secara Islam adalah Bank Pembangunan Islam. Dengan itu pinjaman antarabangsa secara sistem Islam adalah agak terhad.

Walau bagaimanapun, dengan kerjasama yang begitu erat sekarang antara Malaysia dengan khususnya negara-negara dari East Asia, maka beberapa masalah yang masih dihadapi oleh khususnya ada perbezaan pendapat antara Malaysia dengan negara-negara East Asia ini dapat diselesaikan untuk menuju ke satu arah yang sama iaitu menjadi Islamic Dinar sebagai satu jenis mata wang yang terpenting di pasaran kewangan dunia. Sekian, terima kasih.

**Datuk Ghazi bin Haji Ramli:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak kerajaan kerana mengusulkan pendekatan e-dinar ini dan mendapat reaksi dan sokongan yang kuat malah saya ucap tahniah lagi kerana mempunyai perancangan untuk menjadikan Labuan sebagai pusat untuk berkembangnya penggunaan e-dinar. Setakat yang saya tahu hampir 300 buah syarikat yang telah pun menggunakan sistem e-dinar melalui syarikat yang berpusat di Labuan.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, adakah pihak kerajaan bercadang untuk mewujudkan atau memberi insentif tertentu kepada syarikat-syarikat yang menggunakan sistem e-dinar sebab dengan cara ini kita menggalakkan penglibatan yang lebih ramai dan oleh kerana itu ianya akan mempunyai potensi berkembang dengan lebih cepat lagi daripada sejarah kejayaan perbankan Islam yang telah kita alami dahulu. Terima kasih.

**Dato' Chan Kong Choy:** Terima kasih saya mengucapkan kepada Yang Berhormat. Memang sudah menjadi satu hasrat kerajaan untuk menggalakkan pinjaman luar negara dibuat melalui sistem Islam seperti mana melalui sistem di Labuan ini. Pada masa ini terdapat syarikat-syarikat kerajaan dan juga syarikat-syarikat swasta yang telah menyatakan keinginan mereka untuk mendanakan modal

melalui pinjaman secara sistem Islam di luar negara tetapi masalah yang dihadapi oleh Malaysia ialah terdapat perbezaan pendapat antara Malaysia dengan negara-negara di Asia Timur (East Asia) ini khususnya tentang beberapa konsep seperti konsep AFTA dan sebagainya memang ada perbezaan di mana sistem yang diamalkan oleh Malaysia merupakan sistem yang lebih liberal di mana sistem yang diamalkan oleh negara-negara Islam di East Asia ini lebih *rigid*.

Ini kita masih berunding supaya dapat satu penyelesaian, satu cara yang dapat diterima oleh semua. Kalau sekiranya ini dapat diselesaikan, maka kebanyakan syarikat yang ingin mendapatkan pinjaman melalui sistem perbankan Islam dapat dijadikan lebih senang lagi. Walau bagaimanapun, cadangan Yang Berhormat iaitu memberikan lebih insentif kepada syarikat-syarikat yang ingin mendapatkan pinjaman melalui sistem perbankan Islam ini kita akan memberikan perhatian yang serius. Sekian, terima kasih.

7. **Tuan Abdillah bin Abdul Rahim** minta Menteri Kesihatan menyatakan peratusan jenis-jenis ubat-ubat yang dibuat sendiri dalam negeri berbanding dengan yang diimport dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk membanyakkan pembuatan ubat-ubatan yang diimport di dalam negeri.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan S. G. Sothnathan]:**

Tuan Yang di-Pertua, sehingga akhir tahun 2000 terdapat 23,435 keluaran ubat-ubatan yang telah berdaftar. 8,813 keluaran adalah dari jenis ubat terkawal yang hanya boleh diperolehi dari doktor atau melalui farmasi sahaja dan dari jumlah ini 31.11% ataupun 2,742 keluaran adalah keluaran tempatan.

Ubat-ubatan yang boleh diperolehi untuk rawatan kendiri ataupun self-medication seperti ubat untuk sakit ringan yang mengandungi aspirin dan paracetamol pula terdapat sebanyak 6,072 keluaran dan dari jumlah ini 50.72% ataupun 3,080 keluaran adalah keluaran tempatan. Sementara itu terdapat 8,550 keluaran ubat tradisional yang mana 51% ataupun 4,400 keluaran adalah keluaran tempatan.

Kerajaan telah berusaha menggalakkan pembanyakkan pembuatan ubat-ubatan yang diimport di dalam negeri dengan memberi galakan kepada syarikat antarabangsa supaya mereka bekerjasama dengan pengilang tempatan untuk menghasilkan keluaran mereka di Malaysia. Kementerian Kesihatan juga memberi khidmat nasihat kepada industri berkaitan amalan perkilangan yang baik serta

menggalakkan penyelidikan dan pembangunan. Kementerian juga menggalakkan penggunaan ubat-ubat *generic* yang dihasilkan oleh kilang *pharmaceutical*/tempatan dan kementerian akan terus mengamalkan dasar memberi keutamaan produk *pharmaceutical* tempatan dalam rundingan harga di antara kementerian dan syarikat Remedy Pharmaceutical Malaysia Sdn. Berhad dalam usaha mengurangkan keluaran import.

**Tuan Abdillah bin Abdul Rahim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian adakah negara kita mempunyai keupayaan yang mencukupi untuk membuat banyak lagi ubat-ubatan dalam negeri supaya kita tidak bergantung sangat kepada ubat yang diimport walaupun kita mungkin perlu kelulusan daripada pembuat-pembuat ubat daripada luar negara dan juga kerjasama daripada mereka.

Soalan saya hanya bertanya setelah mendapat kelulusan daripada pembuat ubat asal sama ada kita berkeupayaan untuk membuatnya sendiri di negara kita. Sekian, terima kasih.

**Tuan S. G. Sothnathan:** Tuan Yang di-Pertua, memang itulah hasrat kementerian kerana jumlah bilangan ubat-ubatan yang diimport adalah begitu besar. Jadi, kementerian berhasrat untuk mengurangkan pengimportan ubat-ubatan tersebut dan salah satu caranya ialah mendapatkan persetujuan daripada syarikat-syarikat yang mempunyai patent untuk produk-produk tertentu untuk menggalakkan mereka mengeluarkan barang tersebut di negara kita tetapi memang kita menghadapi kesukaran kerana masalah patent ini.

Namun demikian, kalau kita bandingkan di antara tahun 1998 dengan tahun 2000 jumlah ubatan tempatan bernilai sebanyak RM691 juta tetapi jumlah ini telah meningkat kepada RM881 juta pada tahun 2000. Jadi, saya rasa ini akan dibuat perlahan-lahan dan diawasi dengan teliti tentang langkah-langkah tetapi kementerian berhasrat sepenuhnya untuk pastikan kita boleh mengurangkan ubat-ubatan yang diimport.

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, ubat-ubatan tradisional telah mula mendapat tempat di kalangan pesakit sekarang. Sejauh manakah pihak kementerian telah membuat kajian dari segi keberkesanannya setakat ini?

**Tuan S. G. Sothnathan:** Tuan Yang di-Pertua, memang kerajaan telah pun – salah satu caranya ialah untuk memastikan semua ubat-ubat tradisional itu

berdaftar. Daripada jumlah yang saya nyatakan tadi lebih kurang satu pertiga adalah ubat-ubat tradisional yang telah pun didaftar untuk memastikan bahawa ubat-ubat ini adalah selamat digunakan.

Untuk memperkembangkan lagi ubat-ubatan tradisional ini memang kita mempunyai Institute of Medical Research yang sentiasa menjalankan kajian tentang produk-produk herba yang kita ada untuk memastikan bahawa ianya boleh juga digunakan bersama-sama dengan produk-produk saintifik.

8. **Tuan Yew Tuan Chiew** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan tindakan-tindakan yang diambil terhadap pihak polis dan tentera laut yang kerap mengganggu nelayan-nelayan pantai semasa menangkap ikan di laut yang sering dilaporkan dan ini telah menyebabkan ramai nelayan takut turun ke laut.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Chor Chee Heung]:** Tuan Yang di-Pertua, dakwaan mengatakan tindakan-tindakan yang diambil oleh pihak Polis Marin dan Tentera Laut yang kerap mengganggu nelayan-nelayan pantai semasa menangkap ikan di laut adalah tidak benar. Dalam menjalankan tanggungjawab untuk penguatkuasaan undang-undang dan menjaga keselamatan dan ketenteraman di laut semua agensi penguatkuasaan maritim perlulah bertindak dengan berpandu kepada peruntukan undang-undang yang sedia ada di negara. Bot-bot ronda Polis Marin yang menjalankan operasi di laut akan membuat pemeriksaan terhadap bot-bot nelayan untuk memastikan mereka mematuhi syarat-syarat lesen yang ditetapkan dan mempunyai peralatan keselamatan yang mencukupi supaya para nelayan tidak mengabaikan keselamatan semasa berada di laut.

Penguatkuasaan dan pemeriksaan yang berterusan adalah perlu untuk memastikan bot-bot nelayan beroperasi di kawasan-kawasan yang dibenarkan supaya tidak timbul sebarang pencerobohan dan percaduhan di antara para nelayan yang akan menjelaskan keamanan dan ketenteraman di laut. Penguatkuasaan yang tegas perlu diambil terhadap bot-bot nelayan yang menangkap ikan dengan peralatan yang diharamkan di mana ia akan merosakkan alam flora dan fauna maritim serta menjelaskan khazanah sumber-sumber laut di masa hadapan.

Di samping itu, Polis Marin juga sentiasa memantau dan memeriksa bot nelayan yang dicurigai terlibat dalam aktiviti-aktiviti penyeludupan barang-barangan bercukai dan dadah. Sekian.

**Dato' Dr. T. Marimuthu:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan bahawa serangan-serangan yang berlaku atas nelayan-nelayan kita dan juga atas bot-bot kita telah meningkat dan serangan-serangan yang dilakukan di Selat Melaka adalah oleh lanun-lanun.

Saya difahamkan bahawa satu laporan daripada International Maritime Bureau bahawa 40% serangan yang dilakukan di seluruh dunia adalah dilakukan di Selat Melaka dan oleh lanun-lanun. Saya ingin tahu apakah tindakan yang diambil oleh kementerian dengan kerjasama negara Indonesia untuk mengurangkan serangan-serangan ini ataupun menghapuskan serangan-serangan ini.

**Dato' Chor Chee Heung:** Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Dr. T. Marimuthu. Memang benar bahawa dua tiga tahun kebelakangan ini terdapat begitu banyak serangan yang berlaku di Selat Melaka terhadap para nelayan dan hampir semua serangan dilakukan adalah oleh lanun-lanun yang begitu aktif di seluruh Selat Melaka.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan kita memang merasa amat serius terhadap perkembangan serangan di Selat Melaka dan kerajaan kita telah pun melalui Tentera Laut dan juga Polis Marin supaya sentiasa meronda di Selat Melaka iaitu dalam perairan wilayah Malaysia sahaja. Yang di luar daripada perairan wilayah Malaysia, maka sukar sedikit supaya kita dapat menjalankan penguatkuasaan dan juga rondaan.

Walau bagaimanapun, usaha telah pun dipertingkatkan iaitu melalui kerjasama dengan negara-negara jiran khususnya Indonesia dan juga Filipina supaya kita mempunyai satu rondaan bersepada di Selat Melaka. Walaupun demikian, baru-baru ini ada juga masalah yang dikatakan serangan yang dilakukan oleh tentera laut ataupun polis dari negara jiran. Ini adalah satu perkara yang dipandang serius oleh kerajaan kita dan kita sedang dalam siasatan yang rapi supaya kita hendak tahu sebenarnya apa terjadi sama ada serangan dilakukan oleh pihak lanun ataupun oleh pihak anggota penguatkuasaan dari negara jiran. Sekian, terima kasih.

**Puan Hajah Melati binti Ali:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Kementerian Dalam Negeri yang telah menyatakan berhubung dengan penguatkuasaan dalam berhubung dengan masalah dadah di bot-bot nelayan.

Soalan tambahan saya, sejauh manakah keberkesanan yang telah dicapai hasil daripada penguatkuasaan berhubung dengan pengedar-pengedar dadah di bot-bot nelayan di seluruh negara dan saya ingin mengetahui berapa ramaikah jumlah pengedar-pengedar dadah di bot-bot nelayan ini yang telah dapat ditangkap dan diambil tindakan dan berapakah jumlah penagih-penagih dadah daripada nelayan yang telah pun meninggal dunia. Terima kasih.

**Dato' Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat, bagi soalan yang pertama mengenai tindakan-tindakan yang telah pun diambil oleh pihak kerajaan, saya ingin memberitahu Dewan yang mulia ini, iaitu tindakan yang telah diambil amatlah berkesan sekali. Yang pertama, kita dapat melarang nelayan kita menjadi penagih dadah, oleh kerana dua, tiga tahun kebelakangan ini, ramai nelayan kita sentiasa menganggap bahawa pil-pil ecstasy, pil-pil kuda ini boleh memberi mereka lebih kuat tenaga untuk bekerja di sebelah malam semasa mereka menangkap ikan dan ini memang satu anggapan yang salah. Walau bagaimanapun, dengan tindakan yang diambil oleh kerajaan, khususnya Polis Marin maka peratusan para nelayan kita yang mengambil dadah kononnya untuk memberi mereka kekuatan dalam kerja-kerja telah pun banyak turun.

Dan yang kedua, dengan tindakan yang diambil oleh pihak kerajaan, para nelayan dari negara jiran yang ingin menyeludup dadah masuk ke negara kita telah pun banyak turun, walaupun saya tidak mempunyai angka.

Bagi soalan yang kedua, saya tidak mempunyai angka seperti yang diminta oleh Yang Berhormat, jika Yang Berhormat berminat, saya ingin memberi jawapan secara bertulis, berapa orang nelayan dari kalangan nelayan yang telah mati, dan lain-lain semuanya. Saya tidak mempunyai angka tetapi saya bolehlah menghantar jawapan secara bertulis jika Yang Berhormat berminat. Sekian.

**[Soalan No. 9 – Y.B. Dato' Haji Ahmad bin Ismail tidak hadir]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Zainal bin Rampak.

**Tuan Zainal bin Rampak:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengemukakan soalan saya, sedikit buat pindaan tambahan kepada line empat soalan asal iaitu masukkan perkataan selepas kementerian iaitu Kementerian Sumber Manusia kepada Yang Berhormat Menteri untuk penjelasan. Jadi, dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya mengemukakan soalan No. 10.

**10. Tuan Zainal bin Rampak** minta Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga menyatakan memandangkan kaum wanita di negara ini telah mendapat perlindungan cuti bersalin 60 hari di bawah Akta Kerja 1955, apakah kementerian ini bercadang untuk meminta kementerian meminda akta tersebut bagi membolehkan kaum lelaki juga turut menikmati cuti bergaji iaitu Cuti Kebapaan (Paternity leave) selama seminggu bagi membolehkan mereka berada bersama dengan isteri dan anak mereka yang baru dilahirkan.

**Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga [Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Zainal Rampak atas soalan berkenaan yang menunjukkan keprihatinan beliau terhadap pentingnya dipupuk keharmonian dalam keluarga.

Pada masa ini, suami yang menjadi anggota sektor awam layak mendapat cuti kebapaan selama tiga hari semasa isteri melahirkan anak. Cadangan Yang Berhormat Senator mengenai cuti kebapaan untuk pekerja sektor swasta akan dikaji oleh Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga dan cadangan-cadangan ini akan disusuli kepada Kementerian Sumber Manusia untuk tindakan selanjutnya.

**11. Dato' Hamzah bin Zainudin** minta Menteri Kerja Raya menyatakan apakah kaedah dan peraturan yang digunakan untuk menyenaraihitamkan kontraktor-kontraktor yang tidak menunjukkan prestasi yang memuaskan dan berapa lamakah pada lazimnya tempoh penggantungan dikenakan terhadap mereka.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya [Datuk Yong Khoon Seng]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan tidak boleh mengambil tindakan tatatertib ke atas kontraktor-kontraktor yang gagal menunjukkan prestasi yang memuaskan dalam kerja-kerja pembinaan yang dilaksanakan.

Kontraktor yang melanggar kehendak mana-mana undang-undang bertulis semasa melaksanakan projek pembinaan atau telah melanggar mana-mana syarat pendaftaran yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Garis panduan yang digunakan dalam melaksanakan tindakan tatatertib kepada kontraktor-kontraktor adalah berdasarkan surat pekeliling Perbendaharaan Bil.9/1987 pendaftaran pusat

kontraktor kerja perunding, bekalan dan perkhidmatan dan arahan pusat khidmat kontraktor Bil. 3/1993.

Berdasarkan surat pekeliling tersebut, kontraktor yang gagal menunjukkan prestasi yang memuaskan boleh dikenakan tindakan tatatertib, antara kesalahan yang lazim dilakukan oleh kontraktor berkenaan yang gagal menunjukkan prestasi yang memuaskan adalah:-

- (i) kerja atau projek yang dijalankan adalah tidak mengikut jadual;
- (ii) pemansuhan kontrak atau gagal menyiapkan kerja; dan
- (iii) kerja yang dijalankan tidak sempurna atau tidak mengikut mutu yang dikehendaki.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam melaksanakan tindakan tatatertib tersebut, maklumat-makumat dari pegawai penyiasat, surat-surat atau aduan daripada jabatan atau agensi pelaksana seperti aduan orang ramai atau syarikat-syarikat adalah diambil kira.

Kontraktor-kontraktor yang berkenaan akan dihadapkan kepada panel tatatertib kontraktor setelah melalui proses-proses tindakan tatatertib yang ditetapkan. Jika sabit kesalahan, kontraktor boleh dikenakan hukuman sama ada pendaftaran mereka digantung, dibatal atau ditarik balik.

Sebarang hukuman yang dikenakan akan menyebabkan mereka tidak boleh menyertai, menerima, mengaku janji dan menjalankan apa-apa aktiviti atau kerja pembinaan sehingga tarafnya sebagai kontraktor dikembalikan semula atau, dengan izin, reinstated.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada lazimnya tempoh penggantungan dikenakan terhadap kontraktor tertakluk kepada kontraktor yang berjaya memperbaiki dan memperbetulkan kesilapannya. Sekian.

**Datuk Ghazi bin Haji Ramli:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucap tahniah kepada Yang Berhormat kerana memberi penerangan yang jelas tentang tindakan-tindakan mendenda, disiplin, tatatertib dan sebagainya. Saya ingin bertanya, berapakah bilangan kontraktor-kontraktor bumiputera yang terlibat dalam ini mengikut kelasnya, sebab kita hendak tahu ini? Dan soalan yang kedua ialah adakah kerajaan mengambil pendekatan untuk membaik pulih dan menolong dari segi sektor pembinaan ini selain daripada hanya dilihat sebagai kerajaan menolong syarikat-syarikat gergasi dalam bidang-bidang yang lain?

Terima kasih.

**Datuk Yong Khoon Seng:** Tuan Yang di-Pertua, saya perlu notis untuk jumlah kontraktor yang telah diambil tindakan. Dakwaan kerajaan hanya menolong pihak gergasi, saya ingat ini pun tidak benar, kerajaan akan menolong sesiapa kontraktor juga, jikalau mereka menghadapi masalah. Saya akan memberikan jawapan secara bertulis kepada Ahli Yang Berhormat dengan details.

**Dato' Hamzah bin Zainudin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, apabila kerajaan mengambil tindakan terhadap kontraktor-kontraktor yang telah pun disenaraihitamkan, saya hendak tahu apakah bila kita sebut tentang kontraktor, ia mungkin sebuah syarikat yang dipunyai oleh katalah tiga orang ahli lembaga pengarah yang aktifnya mungkin dua, yang satu itu mungkin tidak aktif, apakah ketiga-tiganya kita senaraihitamkan ataupun seorang itu boleh membuka syarikat yang lain, akhirnya memasuki tender-tender kerajaan yang lain. Itu soalan tambahan saya, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Yong Khoon Se ng:** Tuan Yang di-Pertua, di mana kalau tindakan tatatertib telah diambil ke atas seseorang kontraktor, ini memang principal bearer di dalam kontraktor ini akan diambil tindakan juga, sama ada salah satu pengarah dalam syarikat ini jikalau ianya bukan leader dan bukan mengetuai syarikat. Saya pun tidak tahu bagaimana kita akan mengambil tindakan, tetapi kita akan mengambil tindakan ke atas kontraktor ini atas principal bearer. Sekian.

**12. Dato' Poo Yew Choy** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh kerajaan untuk menyelesaikan masalah jerebu dengan negara jiran kita.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Zainal bin Dahalan]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menangani masalah jerebu dengan negara jiran kita, beberapa langkah positif telah dan akan terus diambil oleh kerajaan iaitu antaranya:-

- (i) Malaysia bersama-sama dengan semua negara ASEAN telah merangka dan menerima pakai satu pelan tindakan jerebu serantau ataupun, regional haze action plan untuk mempertingkatkan kerjasama di antara negara ASEAN dalam menangani masalah jerebu. Di bawah pelan tindakan jerebu serantau ini (RHAP), beberapa program dan aktiviti pencegahan dan melawan kebakaran telah dirancang dan

dilaksanakan. Salah satu daripada aktiviti yang telah dilaksanakan ialah aktiviti pengesanan awal dan pengawasan kebakaran melalui satelit dan udara. Aktiviti pengesanan awal kebakaran dan pemantauan kejadian kebakaran hutan serta tanda-tanda perubahan cuaca dan kejadian jerebu dikesan melalui satelit dan maklumat itu disibarkan ke negara-negara ASEAN oleh ASEAN Specialised Metrological Centre (ASMC) Singapura untuk tindakan selanjutnya. Manakala pengesanan melalui udara dengan penggunaan helikopter dan sebagainya dilakukan oleh setiap negara mengikut keutamaan dan kemampuan masing-masing.

- (ii) Malaysia telah mengamalkan teknik pembakaran sifar ataupun zero burning dalam kerja-kerja pembersihan ladang dan hutan. Teknik ini telah turut diperkenalkan kepada negara-negara jiran sebagai langkah mencegah pembakaran terbuka yang lazimnya diamalkan oleh petani-petani.
- (iii) Malaysia sentiasa bersedia memberi kerjasama kepada negara-negara jiran terutama sekali dalam hal ehwal menyediakan program latihan memadamkan kebakaran serta aktiviti penguatkuasaan mencegah pembakaran terbuka dan lain-lain.
- (iv) Satu perjanjian antara negara-negara ASEAN mengenai pencemaran jerebu merentasi sempadan ataupun, dengan izin, ASEAN agreement on trans-boundary haze pollution, sedang dirundingkan bersama untuk ditandatangani dan diterima pakai oleh semua negara ASEAN. Perjanjian ini antara lainnya merangkumi langkah-langkah pencegahan, pemantauan dan juga pengawalan yang perlu dilaksanakan untuk menangani masalah jerebu. Ianya juga bagi memastikan tindakan undang-undang dan polisi diambil kira dalam mengawal aktiviti pembakaran terbuka.
- (v) Satu memorandum persefahaman mengenai kerjasama dan bantuan bencana antara Malaysia dan Indonesia telah ditandatangani pada Disember 1997. Tujuan memorandum

adalah untuk mengambil langkah bagi meningkatkan keberkesanan kerjasama dan bantuan bersama dalam pengurusan bencana.

**[Soalan No. 13– Y.B. Tuan M. Ratnam tidak hadir]**

**14. Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada mempunyai rancangan untuk mengambil bekas-bekas tentera sebagai petugas tabung haji di tanah suci semasa musim haji kerana mereka mempunyai pelbagai kemahiran sesuai bagi melaksanakan beberapa pekerjaan.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, Tabung Haji tidak mempunyai cadangan untuk mengambil bekas-bekas tentera sebagai petugas Tabung Haji di tanah suci walaupun mereka mempunyai pelbagai kemahiran yang sesuai bagi melaksanakan beberapa pekerjaan. Petugas haji yang dipilih untuk berkhidmat di tanah suci adalah majoritinya terdiri daripada anggota yang berkhidmat dengan Tabung Haji.

Petugas yang dilantik adalah diberi latihan yang mencukupi dan berpengalaman serta bermaklumat mengenai ibadah haji, pengurusan haji di tanah air dan di tanah suci. Mulai musim haji 1418 Hijrah dan sehingga kini, Tabung Haji telah mengambil dua orang anggota daripada Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT) untuk berkhidmat di tanah suci dan didapati perkhidmatan yang diberi adalah memuaskan.

Di samping itu juga, anggota sambilan tempatan adalah dilantik bagi menjawat jawatan petugas am dan terdiri daripada penuntut yang menuntut di Arab Saudi di mana mereka adalah mahir dengan lokasi dan pendapatan jemaah haji di tanah suci.

Terima kasih.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, terlanjur kita membincangkan berkenaan dengan Tabung Haji, saya mohon izin untuk membuat soalan tambahan berkenaan dengan kenaikan dari segi mereka yang hendak menunaikan fardu haji ini, jadi saya ingin hendak bertanya pihak kerajaan, berapa sebenarnya subsidi yang diberi oleh pihak kerajaan menerusi Tabung Haji kepada mereka yang menunaikan fardu haji pada waktu dahulu dan kini adakah kenaikan ini

diakibatkan oleh berkemungkinan kurangnya pendapatan Tabung Haji untuk memberi subsidi kepada mereka yang hendak menunaikan fardu haji.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai subsidi yang sebenarnya dianggarkan kurang lebih RM1,200 ini termasuklah dengan belanja makan, dengan menganjurkan kursus-kursus yang dibuat oleh bakal-bakal jemaah haji dan juga kos-kos operasi.

Seperti tahun ini walaupun kita naikkan kos perbelanjaannya 10% tetapi Tabung Haji masih tetap membelanjakan kurang lebih RM22 juta untuk kita menanggung kos perkhidmatan dan kos tetap operasi yang mana di dalam kos perkhidmatan ini ianya termasuk pengurusan jemaah haji di hospital dan klinik, bekalan ubat, petugas kesihatan serta guru-guru agama yang kita bawa bersama ke tahan suci. Jadi perkara mengenai kekurangan wang, kita memberi jaminan bahawa sehingga hari ini Tabung Haji masih mempunyai wang yang cukup. Yang Berhormat jangan risau, hanya mungkin pelaburan-pelaburan yang kita labur - namanya pun pelaburan Yang Berhormat - sudah tentu ianya mengambil masa untuk mendatangkan hasil pulangan kepada Tabung Haji. Tetapi kita yakin dengan pelaburan-pelaburan yang dibuat untuk jangka masa panjang seperti tanaman-tanaman pertanian, ianya mengambil masa tiga, empat tahun baru boleh mendatangkan hasil. Dengan pelaburan jangka panjang dan jangka pendek, kita yakin di masa akan datang ianya boleh memberi hasil yang lebih baik kepada Tabung Haji.

Terima kasih.,

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, adakah kerajaan membuat pemantauan terhadap petugas-petugas Tabung Haji yang bertugas di musim haji, adakah ia mencukupi untuk keperluan jemaah haji di sana dan setakat ini berapa ramai ataupun sebanyak manakah kuota untuk jemaah haji Malaysia mengerjakan haji di tanah suci untuk setiap tahun dan adakah kuota ini dikaji bagi setiap tahun sebab kita melihat bagaimana ramai daripada jemaah haji Malaysia yang meminta kuota daripada negara jiran kerana tidak cukup tempat dan sebagainya. Jadi, sejauh mana pemantauan yang telah dibuat oleh kerajaan?

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Ada dua soalan, yang pertama mengenai petugas haji. Petugas haji ini memang kita berikan latihan, malah kita mengadakan temuduga sebelum kita pilih

petugas-petugas haji ini, kemudian kita juga mengadakan satu seminar kepada petugas-petugas haji supaya memastikan bahawa petugas-petugas haji ini mampu memberi bimbingan dan nasihat serta kaunseling kepada para-para haji kita.

Dan yang kedua, mengenai kuota untuk jemaah yang hendak menunaikan ibadah haji, ini Yang Berhormat kena faham bahawa ini bukan kita tetapkan, ianya ditetapkan oleh Kerajaan Arab Saudi, ertinya rakyat kita ada 22 juta, jadi kita hanya diberi kuota kita kepada 22,000 sahaja, ertinya hanya 1%, jadi kalau Indonesia ada 200 juta, mereka dapat 200,000, jadi ini Yang Berhormat kena beritahu juga orang-orang PAS, sebab kadang-kadang orang-orang PAS bila memberikan ceramah, dia pusing fakta. Dia kata, kerajaan seolah-olah menyekat rakyat hendak pergi menunaikan haji. Dan bila hari ini ada kurang lebih 220,000 orang lagi yang sedang menunggu giliran untuk pergi haji, ini juga harus dijelaskan kepada pengikut PAS, bahawa negara kita aman dan rakyat orang Islam yang sekarang ini yang sudah maju, sebab itu ramai yang hendak pergi haji. Jadi tuduhan yang mengatakan yang miskin bertambah miskin, yang kaya bertambah kaya ini tidak betul, Yang Berhormat. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa bagi Jawab Lisan sudah cukup.

**[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 3, 9, 13 dan 15 hingga 40 adalah dijilid dalam buku yang berasingan]**

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERANCANGAN BANDAR DAN DESA (PINDAAN) 2001**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah "Bahawa Rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". **[9 Ogos 2001]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng.  
**11.20 pagi.**

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada hari Khamis, saya tidak sempat mengambil bahagian, jadi saya ambil kesempatan pada hari ini untuk memberi beberapa pandangan terhadap perbahasan rang undang-undang Akta Perancangan Bandar dan Desa iaitu Akta 172.

Saya ingin merakamkan pujian saya kepada kementerian kerana telah mengambil satu inisiatif yang begitu penting bagi membuat beberapa pindaan kepada akta ini. Sejak akta ini dilaksanakan, maka ada dijalankan beberapa pindaan tetapi pada pendapat saya, pindaan yang dicadangkan pada kali ini adalah pindaan yang sangat-sangat mustahak dan ada banyak implikasi yang penting dan oleh kerana itu saya ingin mengambil sedikit masa untuk menyentuh tentang cadangan-cadangan ini.

Bagi saya, cadangan untuk ditubuhkan Majlis Perancang Fizikal Negara iaitu satu seksyen baru 2A adalah sangat-sangat penting kerana Majlis ini akan dipengerusikan oleh Perdana Menteri sendiri dan majlis ini akan bermesyuarat 4 bulan sekali iaitu tiga kali setahun dan ini akan mengawasi projek-projek yang besar dan majlis ini akan diberi banyak kuasa termasuk kuasa untuk mengambil alih keputusan-keputusan yang dibuat oleh pihak berkuasa negeri pada keadaan tertentu.

Jadi, pada pendapat saya, ini adalah satu cadangan yang sangat mustahak dan ada banyak implikasi. Dari segi pelaksanaan, saya harap bahawa kita tidak akan mengganggu pembangunan akibat daripada masalah jawatankuasa atau majlis ini bermesyuarat kerana ia hanya akan bermesyuarat 4 bulan sekali dan hanya 3 kali setahun dan mungkin ada banyak perkara yang akan dibawa ke majlis ini dan tidak dapat diputuskan memandangkan majlis ini tidak bermesyuarat begitu kerap.

Satu lagi lapisan yang sangat penting yang dicadangkan dalam satu bahagian baru 2A itu ialah untuk menubuhkan satu jawatankuasa perancang wilayah iaitu sekiranya sesuatu projek itu melibatkan dua atau lebih negeri yang duduk di antara sempadan-sempadan negeri, maka akan ditubuhkan satu Jawatankuasa Perancang Wilayah untuk mengawasi perkara-perkara yang ada kaitan dengan perancangan dan Pengerusi Majlis Perancang Fizikal Negara iaitu Perdana Menteri sendiri akan melantik Pengerusi Jawatankuasa Perancang Wilayah ini dan mungkin kalau ada dua negeri yang terlibat mungkin Menteri Besar satu daripada dua negeri itu akan dilantik untuk menjadi pengerusi dan bagaimana mereka buat keputusan nanti, ada banyak implikasi kepada sesuatu hak Kerajaan Negeri itu.

Jadi, ini juga ada banyak implikasi yang penting dan saya harap kementerian itu memberi garis panduan yang mencukupi bagaimana Jawatankuasa Perancang Wilayah ini dapat menjalankan tugasnya supaya tidak timbul masalah. Katakan kalau ada satu pembangunan sekarang di antara Terengganu dengan Pahang, di sempadan mereka dan ada ditubuhkan satu Jawatankuasa Perancang Wilayah ini dan katakan Menteri Besar Terengganu dipilih menjadi pengurus Jawatankuasa Perancang Wilayah ini, maka mungkin ada banyak implikasi dari segi sama ada projek itu dapat dijalankan dengan betul sama ada terdapat pertikaian di antara kedua-dua ini sehingga menjadikan sesuatu projek itu tergendala atau tidak dapat dilaksanakan.

Jadi, untuk melicinkan kerja Jawatankuasa Perancang Wilayah ini, saya harap satu garis panduan yang cukup teliti dan dapat membantu jawatankuasa ini supaya tidak ada masalah sehingga sesuatu pembangunan itu terjejas kerana tidak dapat menjalankan tugas dengan baik dalam Jawatankuasa Perancang Wilayah ini. Tetapi satu daripada pindaan yang amat penting yang saya dapati ialah pindaan kepada seksyen 10, subseksyen (5) iaitu di mana kalau sesuatu Jawatankuasa Perancang Negeri itu tidak dapat membuat sesuatu keputusan dalam masa 6 bulan, maka hak untuk membuat keputusan oleh Kerajaan Negeri iaitu pihak berkuasa negeri itu akan terhilang dan kuasa ini akan diambil alih oleh Majlis Perancang Fizikal Negara.

Ini juga ada satu implikasi kerana kalau sesuatu perkara itu dibentangkan kepada Jawatankuasa Perancang Negeri dan kalau ia perlukan lebih daripada 6 bulan untuk membuat sesuatu keputusan kerana ada banyak perkara yang memerlukan lebih masa untuk membuat kajian dan kalau ini dianggap sebagai keadaan di mana keputusan tidak dapat dibuat selepas enam bulan dan hak untuk membuat keputusan ini sekarang diserahkan kepada Majlis Perancang Fizikal Negara dan terkeluar daripada kuasa pihak berkuasa negeri, maka saya dapati ini kurang arif dan ini tidak harus berlaku.

Kita kena kaji kenapa dalam 6 bulan itu, pihak SPC (State Planning Committee) atau pihak Jawatankuasa Perancang Negeri itu tidak dapat membuat sesuatu keputusan, adakah ini disebabkan perkara itu begitu rumit dan memerlukan lebih daripada 6 bulan dan kalau kita hanya bergantung kepada masa 6 bulan itu dan selepas itu menganggapkan bahawa mereka tidak dapat membuat sesuatu keputusan dan dengan itu, maka kehilanganlah hak mereka atau hak Kerajaan

Negeri untuk membuat keputusan dan sekarang diambil alih oleh Majlis Perancang Fizikal Negara, saya dapat ini amat tidak adil dan tidak harus berlaku.

Jadi, dari segi melaksanakan peruntukan seksyen 10(5) ini, saya minta bahawa satu garis panduan yang teliti itu juga diadakan, bagaimana kita putuskan sama ada mereka telah membuat keputusan atau tidak. Kalau mereka benar-benar cuba mengadakan satu keputusan tetapi tidak dapat dilakukan dalam masa 6 bulan itu, maka kurang adil kalau mereka kehilangan hak akibat daripada itu.

Satu lagi kuasa yang akan diberi kepada majlis iaitu untuk memberi arahan dan nasihat kepada Jawatankuasa Perancang Negeri di bawah seksyen 10(4)(a) itu juga harus dikaji oleh kementerian, apakah jenis arahan dan apakah jenis nasihat yang patut majlis itu memberikan kepada Jawatankuasa Perancang Negeri. Adakah dengan pindaan ini, Majlis Perancang Fizikal Negara diberi terlalu banyak tugas dan adakah ini bermakna tiap-tiap kali Jawatankuasa Perancang Negeri itu akan membuat sesuatu keputusan, ia kena ikut arahan dan nasihat daripada Majlis Perancang Fizikal Negara.

[Timbalan Yang di-Pertua **memperngerusikan Mesyuarat**]

Bagi saya, kalau tiap-tiap kali ini berlaku, maka kuasa di bawah Kerajaan Negeri di bawah Jawatankuasa Perancang Negeri akan terhilang dan banyak akan datang dari pusat iaitu dari Majlis Perancang Fizikal Negara dan ini adalah satu implikasi yang sangat besar kepada sesuatu pihak berkuasa negeri kerana setakat ini, semua keputusan tentang perkara-perkara perancangan negeri itu dilakukan oleh Kerajaan Negeri sendiri di bawah undang-undang yang sedia ada tetapi dengan wujudnya Majlis Perancang Fizikal Negara di bawah pindaan-pindaan yang dicadangkan itu, maka keadaan sudah bertukar sekarang kita ada dua lapisan di atas kerajaan negeri iaitu Majlis Perancang Fizikal Negara dan Jawatankuasa Perancang Wilayah dan kedua-dua ini akan sedikit sebanyak menjelaskan atau ada pengaruh dalam membuat keputusan di peringkat negeri.

Jadi, itu adalah implikasi-implikasi yang sangat besar dan saya harap perkara-perkara yang saya bangkitkan itu dan juga apa yang saya fikir kurang berpuas hati itu juga akan diberi satu perhatian oleh kementerian sebelum ini dilaksanakan.

Dalam pindaan yang dicadangkan itu, saya juga dapat ada banyak kebaikan selain daripada apa yang saya risau tadi dan satu di antaranya ialah untuk menambah keahlian dalam SPC iaitu Jawatankuasa Perancang Negeri di mana sekarang ada peruntukan untuk menambah 3 orang lagi Ahli Exco Majlis Mesyuarat

Kerajaan untuk duduk dalam SPC ini dan satu di antaranya mesti Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan yang memegang portfolio Kerajaan Tempatan iaitu pindaan kepada seksyen 4.

Bagi saya ini sangat tepat oleh kerana sekarang bilangan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan yang boleh duduk dalam Jawatankuasa Perancang Negeri ini sangat terhad dan dengan pindaan-pindaan kepada seksyen 4 itu, maka lebih orang boleh memainkan peranan dalam Jawatankuasa Perancang Negeri kerana keputusan-keputusan Jawatankuasa Perancang Negeri ada implikasi yang begitu luas dan juga implikasi yang begitu penting. Jadi, adalah amat baik dan arif supaya ditambah 3 orang itu kepada SPC dan satu di antaranya ialah Ahli Exco Kerajaan Tempatan.

Pindaan kepada seksyen untuk mengambil alih penyediaan pelan struktur oleh Pengarah Perancang Negeri juga adalah satu perkara yang baik.

Pada masa ini masalah dalam penyediaan pelan struktur di suatu pihak berkuasa tempatan itu bergantung kepada pihak berkuasa tempatan itu sendiri. Dalam banyak kes yang didapati pihak berkuasa tempatan itu dari segi kewangan tidak sanggup mengadakan suatu pelan struktur dan pada masa ini banyak daripada pihak berkuasa tempatan itu mendapat bantuan kewangan dari JPBD di peringkat pusat. Kerajaan negeri dalam banyak kes juga ada menyumbangkan kepada cadangan untuk menyediakan pelan struktur ini. Dengan tugas ini diambil alih oleh Pengarah JPBD negeri pada peringkat negeri saya dapati ada satu kebaikan tetapi dari segi kewangan saya ingin tahu siapa akan membayar. Adakah dengan mengambil alih kerja untuk menyediakan pelan struktur bagi sesuatu pihak berkuasa tempatan itu bermakna Pengarah Perancang Negeri itu juga akan membayar kepada penyediaan pelan ini.

Kalau ini adalah dari segi JPBD sendiri maka ini akan meringankan sesuatu bebanan kepada pihak berkuasa tempatan dan semua kerja yang akan dibuat untuk menguruskan ini juga akan dikawal selia oleh Pengarah Perancang Negeri. Jadi, saya minta penjelasan dari segi kewangan siapa akan membayar kepada penyediaan pelan struktur ini selepas tugas ini diambil alih oleh Pengarah Perancang di peringkat negeri. Bagi saya ini adalah satu kebaikan kerana di peringkat negeri saya dapati kalau di peringkat sesuatu negeri itu ada beberapa badan pihak berkuasa tempatan dan setiap daripada itu membuat pelan struktur mereka sendiri. Mungkin ada unsur-unsur yang penting yang tidak diambil kira

kerana mereka hanya mementingkan apa keadaan dalam pihak berkuasa tempatan itu sahaja, tidak mengambil kira pada keseluruhannya.

Dengan tugas ini dijalankan oleh Pengarah Perancang Negeri bagi saya ini adalah satu kebaikan kerana Pengarah Perancang Negeri ini boleh melihat dari satu pandangan yang lebih luas iaitu pada keseluruhan peringkat negeri dan mungkin juga mengambil kira unsur-unsur nasional, unsur-unsur wilayah dan sebagainya dalam menyediakan pelan ini, tetapi hanya dari segi kewangan siapa kena membayar ini dan adakah Pengarah Perancang Negeri itu membuat keputusan dan selepas itu bil itu akan dijelaskan oleh pihak berkuasa tempatan. Ini bila saya membaca pindaan-pindaan itu tidaklah dijelaskan tentang perkara ini. Perkara ini sangat penting kerana tiap-tiap daripada pelan itu yang setahu saya memerlukan perbelanjaan berjuta-juta. Kalau setiap pelan itu memerlukan RM1 juta dan kalau di peringkat negeri jika kita ada 30 pihak berkuasa tempatan untuk menyediakan semua pelan sekurang-kurangnya memerlukan RM30 juta dan ini adalah satu angka yang besar dan kalau Jabatan Perancang Bandar dan Desa itu sanggup membayar ini adalah satu kebaikan kepada pihak berkuasa tempatan.

Satu pindaan kepada seksyen 15(5) dan 15(6) itu saya dapati dari segi perundungan dari segi legal mungkin ada masalah dan sungguhpun saya bukan seorang peguam maka saya ada mengikuti banyak keputusan yang telah dibuat oleh Lembaga Rayuan berkenaan dengan kes-kes ini. Pindaan-pindaan yang disebutkan dalam seksyen 15(5) dan 15(6) ialah berkenaan kalau ada masalah, kalau ada percanggahan yang mana lebih penting, adakah pelan struktur itu ataupun pelan tempatan itu. Dalam pindaan yang dicadangkan itu ada disebutkan bahawa kalau ada percanggahan berkenaan dengan pelan struktur dan pelan tempatan maka yang akan dipentingkan ialah pelan tempatan.

Bagi saya ini adalah satu percanggahan yang besar dari segi undang-undang. Mengikut struktur pelan struktur adalah satu pelan dasar iaitu berasaskan kepada pelan struktur, pelan dasar itu maka kita menerbitkan pelan tempatan atau local plan. Jadi, sesuatu pelan tempatan itu mesti mengikuti dasar yang telah ditetapkan oleh pelan struktur, tidak boleh lari daripada apa yang telah dicadangkan dan diluluskan oleh pelan struktur. Katakan dalam satu situasi pelan struktur itu telah mengkaji pindaan yang menyatakan dalam sesuatu kawasan itu kita memerlukan lebih rumah kos rendah. Katakan itu yang telah dicadangkan oleh pelan struktur di dalam sesuatu kawasan kita perlukan lebih perumahan kos rendah

dan apabila pelan tempatan itu disediakan maka pelan tempatan itu tidak mengambil kira unsur ini dan telah menyediakan pelan untuk rumah mewah. Rumah mewah ini yang disediakan oleh pelan tempatan sudah bercanggah dengan hasrat pelan struktur iaitu untuk menyediakan pelan perumahan kos rendah.

Kerana percanggahan ini dalam pindaan yang baru ini ada dicadangkan maka cadangan pelan tempatan itu akan menjadi apa yang boleh diterima dan bukan cadangan yang telah diluluskan dan telah digazetkan dalam pelan struktur. Bagaimana ini boleh berlaku sungguhpun sebab yang diberikan dalam pindaan itu ialah kalau dirasai pelan struktur itu sudah terlalu lama, sudah terkeluar masa ini dan oleh kerana itu dianggap out of date. Tetapi kalau sudah out of date pun maka itu sudah menjadi satu pelan yang sah dari segi undang-undang. Kita tidak boleh mengabaikan apa yang telah dikeluarkan sebagai satu dasar. Sebenarnya kalau kita tidak tahu menerima itu kita kena membuat perubahan iaitu review of the structure plan. Itu yang kita patut buat dan selepas itu kita boleh meminda oleh kerana keadaan sudah dipinda maka sekarang kita tidak memerlukan rumah kos rendah lagi dan sekarang dalam kawasan itu adalah lebih baik kalau kita bina rumah mewah.

Kalau itu diluluskan, maka itu akan menjadi satu dasar baru yang berasaskan kepada dasar baru itu maka kita membuat pelan tempatan yang selaras dengan dasar baru yang telah diubah itu. Bagi saya itulah cara yang patut dilakukan dan bukan apa yang dicadangkan di sini bahawa pelan tempatan boleh dianggap sebagai boleh diterima sungguhpun ia bercanggah dengan pelan struktur. Sebenarnya ini tidak patut wujud dan saya minta satu penjelasan diberikan kepada perkara yang dibangkitkan oleh saya ini kerana kalau kita ada test case, kalau dari segi pelaksanaan itu, kalau kita ada kes yang dibawa ke mahkamah, saya pun tidak tahu apa akan menjadi interpretasi kerana pelan struktur itu adalah satu dokumen yang telah digunakan, telah digazetkan dan berasaskan kepada pelan struktur itu baharu kita mencipta mereka bentuk pelan tempatan.

Pada saya pelan tempatan itu tidak seharusnya bercanggah dengan apa yang telah diterima oleh pelan struktur. Jadi, keadaan yang telah dimaksudkan oleh pindaan kepada seksyen ini tidak seharusnya wujud kerana itu adalah satu percanggahan dari segi undang-undang.

Saya juga amat mengalu-alukan satu seksyen baru iaitu 20A, di mana setiap jabatan kerajaan pusat atau jabatan kerajaan negeri atau agensi kerajaan

harus merunding dengan Jawatankuasa Perancang Negeri atau SBC berkenaan dengan kegiatan pembangunan mereka. Ini adalah satu pindaan yang sangat tepat kerana saya ada beberapa kes yang saya pernah kaji di mana ada jabatan-jabatan kerajaan pusat membangunkan sesuatu projek di suatu kawasan kerajaan tempatan tidak mengambil kira keadaan, tidak mendapat kelulusan dan terus dimajukan sehingga ada masalah tempatan. Dengan pindaan yang dicadangkan itu dengan ada satu seksyen 20A yang baru ini saya dapati masalah ini boleh dikurangkan tetapi masih tidak dapat diatasi. Boleh dikurangkan sahaja pada pendapat saya tetapi tidak dapat diatasi oleh kerana apa yang diperuntukkan dalam 20A ini hanya diperuntukkan kewajipan berunding dengan JPN. Iaitu kalau saya pihak polis dan saya hendak membuat satu bangunan yang 50 tingkat di Pulau Pinang, katakanlah saya boleh meneruskan tanpa mengambil kira apa yang berlaku di pihak berkuasa tempatan tetapi dengan pindaan ini saya kena berunding dengan mereka.

Jadi, saya kena membentangkan pelan-pelan dan sebagainya, iaitu kita ada rundingan tetapi selepas diadakan rundingan kalau pihak JPN itu masih berpendapat ini adalah satu projek yang tidak sesuai dan tidak harus dijalankan, maka pihak yang berkenaan boleh mengatakan saya sudah membuat perundingan mengikut akta yang baru ini dan saya telah menjalankan kewajipan saya tetapi selepas perundingan itu apa akibatnya saya tidak mengambil kira dan saya teruskan dengan projek saya.

Jadi dalam keadaan sedemikian bagaimana kita boleh mengatasi masalah yang mungkin wujud. Di dalam satu kes di Pulau Pinang di mana satu pihak telah menjalankan satu projek tanpa dirundingkan dengan pihak berkuasa tempatan dan kemudian pihak berkuasa tempatan telah bercadang mengambil agensi kerajaan ini ke mahkamah oleh kerana melanggar undang-undang. Tetapi ada lagi satu peruntukan dalam undang-undang yang menyatakan sebelum sesuatu agensi kerajaan dapat dibawa ke mahkamah oleh satu agensi kerajaan yang lain maka kelulusan Peguam Negara mesti diperolehi. Jadi apabila kes ini dibawa ke perhatian Peguam Negara, Peguam Negara enggan memberi kebenaran. Jadi pihak itu terlepas daripada apa masalah tetapi masalah yang telah wujud kerana projek itu memang ada dan pada masa ini juga dirasakan oleh penduduk-penduduk di sekeliling projek itu. Jadi perkara seperti ini saya harap bahawa dari segi kewajipan berunding juga ada kewajipan menerima akibat daripada perundingan itu, bukan berunding sahaja dan selepas itu tidak menerima sebarang nasihat dan terus sahaja

dengan keinginan membuat itu tanpa mengira sama ada perundingan itu telah berjaya atau tidak.

Satu lagi kes yang ada di Pulau Pinang, Jabatan Kehakiman Negara telah membuat cadangan hendak buat satu tempat letak kereta di keliling Mahkamah Tinggi Pulau Pinang dan dari segi pandangan dan sebagainya, dari segi bangunan, warisan, sejarah dan sebagainya, semua pihak itu dapat projek tempat letak kereta bertenagat-tingkat itu kurang sesuai dalam keliling Mahkamah Tinggi Pulau Pinang yang begitu canggih, satu bangunan warisan dan sebagainya dan Kerajaan Negeri telah cadangkan beri satu lagi tanah untuk projek ini supaya jangan menjelaskan keadaan di Mahkamah Tinggi itu. Kalau katakan rundingan itu tidak berkesan dan cadangan serta tawaran tanah itu tidak diterima dan projek ini masih dijalankan di sekililing Mahkamah Tinggi itu, pa akan terjadi kerana pihak yang berkenaan telah menjalankan kewajipan di bawah Akta 20A yang baru ini tetapi kalau mereka tidak diikat oleh keputusan perundingan itu, maka saya dapat ini satu kelemahan.

Sungguhpun hasrat yang dicadangkan dalam 20A ini adalah baik dari segi *consultation* tetapi *consultation* itu juga mesti ada satu akibat yang baik dan kedua-dua pihak kena juga terima akibat daripada perundingan ini untuk kebaikan semua pihak maka kita laksanakanlah apa yang kita putuskan boleh dijalankan tetapi bukan mengikut sesuka hati sesuatu pihak sahaja. Dalam cadangan 20A ini saya dapat ini masih kurang pasti, kedua-dua pihak akan mengadakan satu pelaksanaan yang seimbang dengan pendapat kedua-dua pihak.

Pindaan kepada seksyen 21 yang sekarang memberi hak kepada tanah berjiran untuk membuat bantahan atau memberi pendapat kepada sesuatu projek pembangunan itu juga bagi saya satu seksyen yang baik kerana pada masa ini tanah mereka yang bersempadan dengan projek itu, mereka sahaja yang boleh membuat bantahan dan apabila dirujukkan hanya mereka yang bersempadan sahaja dirujukkan tetapi kalau sekarang sempadan itu diasingkan oleh satu jalan sungguhpun satu jalan yang sempit. Tetapi oleh kerana ada jalan yang sempit itu maka mereka sekarang telah diasingkan oleh sempadan itu maka pihak yang berkenaan tidak dijemput untuk memberi pendapat.

Dengan pindaan kepada seksyen 21 ini maka sudah ada peruntukan bahawa tanah yang berjiran itu akan dijemput untuk memberi pendapat tentang sama ada kemajuan itu kurang baik atau baik dan sebagainya. Jadi saya sangat menggalakkan itu tetapi dalam cadangan yang dibuat itu bukan begitu terbuka,

masih ada halangan kerana jarak jauh yang ditetapkan iaitu 200 meter, kalau lebih daripada 200 meter itu tidak perlu dijemput memberi pendapat dan sebagainya. Bagi saya ini juga satu sekatan kepada cadangan yang baik ini kenapa diadakan syarat-syarat. Kalau kita benar-benar mahu semua tempat yang berjiran dengan pembangunan itu supaya ada input kenapa kitaada syarat-syarat tertentu yang akan menghalang peluang kepada jiran-jiran itu mengadakan input. Lebih baik kita jangan tetapkan syarat-syarat sedemikian. Mereka yang tidak jauh dari tanah ini seharusnya diberi satu peluang supaya mereka boleh terima projek ini sebagai satu projek yang baik dan bukan sahaja selepas projek itu dijalankan sudah timbulkan banyak masalah maka kerajaan kena atasi masalah ini.

Seksyen 21A ini di mana sekarang pemajuan tertentu diperlukan termasuk satu analisis tentang implikasi sosial pemajuan itu. Bagi saya, ini satu cadangan yang baik tetapi dari segi pelaksanaan, selepas analisis social implication itu atau selepas analisis implikasi sosial pemajuan itu dikemukakan, adakah ini akan menjadi asas untuk menolak cadangan itu ataupun ini hanya menjadi satu panduan. Bolehkah ini dijadikan satu asas sebagai contoh katakanlah didapati implikasi sosial pemajuan itu akan menyatakan pemajuan ini akan menjelaskan ramai orang yang sedang duduk itu akan terjejas akibat daripada pemajuan ini. Adakah ini akan menjadi unsur untuk menolak pemajuan itu berasaskan kepada implikasi sosial pembangunan kepada sesuatu keping tanah itu.

Jadi saya minta selain daripada membuat satu analisis implikasi sosial kepada pemajuan, maka garis panduan yang jelas tentang adakah ini akan diguna sebagai asas untuk sesuatu pihak berkuasa tempatan menolak cadangan pemajuan itu berasaskan kepada implikasi sosial pemajuan ini.

Berkenaan dengan pindaan 36(2)(a) iaitu tentang Lembaga Rayuan. Sekarang Lembaga Rayuan hanya boleh dipengerusikan oleh seseorang yang ada pengalaman dari segi kehakiman dan setahu saya banyak pihak berkuasa tempatan atau banyak kerajaan negeri semasa menujuhkan Lembaga Rayuan ini telah melantik hakim-hakim atau bekas hakim untuk menjadi pengurus. Dalam banyak kes itu, di Pulau Pinang pengurus yang pertama, Lembaga Rayuan itu ialah bekas Yang Arif Tan Sri Datuk Chan Ming Tat iaitu seorang hakim persekutuan. Beliau telah menjadi Pengurus Lembaga Rayuan yang pertama dan selepas itu pengurus yang kedua, ketiga dan semuanya ialah orang yang ada pengalaman kehakiman. Dengan pindaan yang dicadangkan itu sudah tidak terhad kepada mereka yang

hanya ada pengalaman kehakiman sahaja yang boleh menjadi pengerusi. Sekarang sudah ada dikatakan atau mereka yang ada kelayakan dan pengalaman sesuai yang lain yakni adalah cadangan supaya tidak terhad kepada mereka yang ada kepakaran dalam kehakiman sahaja boleh jadi pengerusi.

Bagi saya ini adalah satu pindaan yang baik oleh kerana ini akan memberi peluang kepada orang-orang lain seperti saya. Sekarang saya juga layak menjadi Pengerusi Lembaga Rayuan. Dahulu saya tidak layak kerana saya bukan seorang peguam tetapi dengan ini maka orang yang ada kepakaran dalam hal ini sekarang boleh menjadi pengerusi dan dengan penglibatan orang yang sangat berhati-hati tentang kemajuan, pembangunan dan sebagainya di sesuatu kawasan, di sesuatu negeri dan sebagainya khasnya anak-anak tempatan, maka ini pada pandangan saya adalah lebih baik dan dari segi pengalaman, ramai orang yang ada perancang-perancang, ada arkitek-arkitek yang sangat termasyhur. Kalau mereka sekarang boleh menjadi Pengerusi Lembaga Rayuan, mungkin mereka akan mementingkan lebih perkara yang ada kaitan dengan pemajuan dan sebagainya.

Dahulu banyak daripada lembaga itu hanya lihat sesuatu dari segi undang-undang sama ada ikut undang-undang atau tidak ikut undang-undang. Banyak kes yang ditolak atau diterima itu hanya berasaskan kepada undang-undang. Mungkin sekarang kita bukalah kepada unsur-unsur lain yang boleh menjadi garis panduan yang lebih baik kepada Lembaga Rayuan semasa mereka membuat sesuatu keputusan tentang kes-kes yang dibentangkan kepada Lembaga Rayuan.

Akhir sekali pindaan kepada Seksyen 26, 27, 28, 29, 30, 35A, 35E, 35H semua ini akan menaikkan penalti kepada kesalahan-kesalahan yang dilakukan dan satu yang penting ialah dengan cadangan ini sekarang sudah termasuk pemenjaraan iaitu sesiapa yang melakukan kesalahan-kesalahan ini bukan sahaja boleh didenda lebih tinggi tetapi boleh juga dimasukkan di dalam penjara.

Bagi saya, sekarang ada banyak perbuatan yang dilakukan kepada alam sekitar kita tidak dapat kelulusan, tidak bentangkan pelan dan buat sesuka hati sahaja. Dengan pindaan-pindaan ini, saya harap orang-orang yang berkenaan seperti ini yang melakukan kesalahan-kesalahan seperti memotong lereng bukit tanpa kebenaran, mereka yang memotong pokok-pokok warisan juga ada terkawal dalam Akta Perancangan ini. Pokok-pokok warisan itu juga sangat penting tetapi ada pihak-pihak yang tidak peduli dan tebang pokok-pokok warisan. Dengan pindaan-pindaan ini pihak ini juga akan dibawa ke mahkamah dan mungkin boleh

dipenjarakan dan mereka yang telah memecah bangunan-bangunan bersejarah, bangunan-bangunan yang berwarisan, semua ini sekarang boleh dikenakan penalti yang lebih tinggi. Saya sangat mengalu-alukan ini dan saya harap pihak-pihak yang setakat ini telah melakukan sesuatu tetapi mengambil risiko dan penalti yang rendah hanya dikenakan kepada mereka. Saya harap semua pihak ini akan berhati-hati dan tidaklah melakukan sesuatu yang akan mengakibatkan mereka dipenjarakan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Datuk Hajah Hazizah bnti Mohd Sultan.

**12.05 tgh.**

**Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut sama membahaskan rang undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 2001. Saya merakamkan ucapan tahniah kepada kerajaan atas cadangan yang dikemukakan semata-mata untuk memperbaiki perancangan yang dirancang agar negara Malaysia menjadi negara yang dapat mencapai kemajuan yang mapan.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam pindaan Akta ini menyebut, sebarang pembangunan yang dijalankan oleh agensi kerajaan perlulah mendapat kebenaran daripada pihak berkuasa tempatan terlebih dahulu. Perkara ini adalah baik memandangkan banyak pembangunan yang dijalankan oleh agensi kerajaan khususnya agensi Persekutuan tidak dirujukkan kepada sama ada kerajaan negeri, Jabatan Teknikal atau pihak berkuasa tempatan. Dengan pindaan ini, akan dapat menyelesaikan banyak masalah berkenaan pembangunan. Masalah yang selalu berlaku adalah banjir lumpur. Dengan adanya pindaan ini, langkah-langkah perancangan dapat dijalankan apabila permohonan pembangunan tersebut dirujukkan kepada jabatan-jabatan teknikal yang berkaitan yang mana lebih memahami situasi tempatan masing-masing.

Walau bagaimanapun, adakah semua pembangunan ini perlu dirujukkan kepada pihak berkuasa tempatan? Ini kerana di dalam pindaan menyebut, sebarang aktiviti yang ingin dijalankan oleh agensi kerajaan, pihak berkenaan perlu mengkaji mungkin daripada segi saiz pembangunan, kos atau lokasi pembangunan tersebut. Misalnya, jika ada mana-mana agensi atau badan-badan ingin membina sebuah

tadika dengan keluasan kurang suku ekar juga, perlu memohon kepada pihak berkuasa tempatan. Daripada segi penyertaan awam, saya perhatikan penyertaan awam di dalam membuat cadangan ataupun bantahan di dalam rancangan-rancangan pembangunan seperti rancangan tempatan dan rancangan struktur adalah amat kurang sekali terutamanya di kawasan-kawasan pedalaman. Malah di daerah-daerah sendiri seperti di daerah-daerah yang kecil.

Saya difahamkan di dalam pameran, draf rancangan tempatan daerah-daerah langsung tidak ada penyertaan awam sama ada untuk memberi cadangan atau bantahan terhadap apa-apa perancangan pembangunan yang dirancang untuk kawasan mereka sendiri. Persoalannya, sama ada mereka benar-benar tidak ada bantahan atau mereka tidak sedar tentang apa yang dilakukan oleh pihak berkuasa tempatan di dalam kawasan mereka. Saya harap perkara ini diberi perhatian serius oleh pihak berkenaan. Ini bagi memastikan kita lebih telus dalam sebarang tindakan yang diambil. Saya juga difahamkan, bagi kawasan-kawasan yang di luar kuasa pihak berkuasa tempatan, Jabatan Perancang Bandar dan Desa akan menjadi pihak berkuasa tempatan.

Ini bermakna sebarang permohonan untuk menjalankan apa-apa pembangunan perlu mendapat kebenaran daripada Jabatan Perancang Bandar dan Desa berkenaan. Adakah ini bermakna sebarang fee permohonan perlu dibuat kepada pihak tersebut, dan adakah ini juga bermakna Jabatan Perancang Bandar dan Desa juga akan menjadi service provider kepada kawasan tersebut seperti penyelenggaraan jalan, penyelenggaraan lampu awam, taman awam, kebersihan dan sebagainya.

Saya berharap rang undang-undang (Pindaan) Akta Perancangan Bandar dan Desa ini benar-benar mendapat keseragaman undang-undang dalam pengawalan kawalseliaan rancangan-rancangan bandar dan desa yang lebih terancang, tersusun, berkesan dan efisien.

Dengan itu, saya turut menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Hassan Shukri.

**12.11 tgh.**

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk turut serta membahaskan Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 2001.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita melihat kepada pindaan-pindaan yang dibuat ke atas sesuatu Akta, maka kita kerap kali bersua ataupun berhadapan dengan banyaknya bilangan pindaan-pindaan tersebut. Saya difahamkan bahawa pindaan ke atas Akta Perancangan Bandar dan Desa ini pernah dibuat pada tahun 1993 dan juga pada tahun 1995. Walau apa pun pindaan yang telah dibuat, saya difahamkan apabila ianya dikuatkuasakan, kesan daripada pindaan-pindaan yang walaupun tentunya pindaan-pindaan yang dibuat itu adalah bertujuan untuk memperbaiki ataupun melicinkan lagi perjalanan yang berkaitan dengan perancangan bandar yang ada sangkut-paut dengan undang-undang tetapi, saya difahamkan setelah dua kali pindaan dibuat apabila ianya dilaksanakan maka didapati kesan terhadap undang-undang yang telah ataupun pindaan undang-undang yang telah dikuatkuasakan tidaklah begitu memberi makna kepada usaha-usaha perancangan bandar itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga melihat bahawa pindaan kali ini seakan-akan memberi suatu gambaran kepada kita bahawa Kerajaan Persekutuan secara halus ingin mengambil alih kuasa yang ada pada Kerajaan Negeri. Di Malaysia ini, terdapat tiga jenis pentadbiran iaitu yang dikelolakan oleh Kerajaan Persekutuan, yang keduanya ialah kerajaan negeri dan yang ketiganya ialah kerajaan tempatan.

Perkara yang berhubung dengan kerajaan tempatan, ialah di bawah senarai negeri dan di dalam senarai perundangan Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan. Usaha untuk mengambil alih kuasa yang ada kepada kerajaan-kerajaan negeri, walaupun ianya untuk tujuan penyelarasaran kegiatan pembangunan tetapi kita lihat pada waktu-waktu kebelakangan ini, ianya seakan-akan lebih rancak daripada masa-masa yang lalu apabila kita membuat perbandingan.

Saya lihat satu contoh di sini, iaitu Akta telah digubal, memberikan kuasa yang agak luas kepada pihak Persekutuan. Contohnya ialah tentang perkhidmatan pembetungan yang mana pada peringkat undang-undang yang ada, undang-undang yang telah lalu, ianya adalah di bawah kuasa kerajaan negeri dan juga kuasa kerajaan tempatan tetapi oleh kerana memerlukan suatu perancangan pembangunan yang lebih licin barangkali, maka kuasa-kuasa yang ada pada kerajaan negeri dan juga kerajaan tempatan itu telah diambil alih oleh Kerajaan Persekutuan.

Pada masa ini kita lihat seakan-akan hanya suatu pindaan yang dibuat untuk memberikan suatu kemudahan kepada sebuah syarikat yang namanya Indah Water

Consortium dan sekarang ini semua kegiatan yang dijalankan oleh kerajaan tempatan telah diambil alih oleh syarikat ini.

Jadi, kita melihat bahawa sebarang perkhidmatan ataupun Akta Perkhidmatan Pembetungan ini dibuat melalui Perkara 74 Perlembagaan dan juga Perkara 80(2) Perlembagaan. Demikian juga dengan rang undang-undang yang dibuat, yang asalnya Undang-undang Perancangan Bandar dan Desa bagi kawasan pihak berkuasa tempatan ini, dibuat melalui Perkara 76(4) Perlembagaan Persekutuan. Oleh yang demikian itulah, kita mengharapkan sebagaimana yang disebut oleh sahabat saya, Dato' Dr. Chin, kita haruslah juga melihat dalam pindaan-pindaan yang kita kemukakan ini supaya tidak begitu banyak pertentangan di antara pihak yang berkuasa Kerajaan Persekutuan dan juga pihak yang berkuasa negeri.

Ini kerana walaupun tujuan pindaan ini adalah mempunyai tujuan yang baik, bagi melicinkan lagi pembangunan bandar dan juga pembangunan desa tetapi apabila ianya ada percanggahan di antara pihak yang berkuasa Persekutuan dan juga pihak yang berkuasa negeri, sehingga melibatkan mahkamah, untuk menentukan sama ada rancangan itu boleh digunakan ataupun tidak.

Saya boleh bersetuju dengan pandangan sahabat saya tadi, di mana kadang-kadang perkara yang telah ada dalam undang-undang, terutamanya yang ada dalam pindaan ini, kemudiannya bercanggah dengan kuasa-kuasa yang ada pada pihak negeri, ianya boleh mencacatkan perjalanan ataupun tujuan yang tadi untuk melicinkan pengurusan dan pentabirannya tetapi ianya boleh mencacatkan ataupun boleh melambatkan sesuatu rancangan ataupun perancangan bandar itu daripada dilaksanakan.

Oleh yang demikian, kita mengharapkan kepada pihak kementerian supaya dalam menguatkuasakan pindaan ini apabila ianya diluluskan haruslah segera melihat dan mengambil kira tentang kuasa-kuasa yang ada pada kerajaan negeri dan membincangkannya supaya ianya tidak akan menjadi suatu alasan bagi mengendalikan sebarang pelan struktur perancangan bandar yang telah disusun oleh pihak yang berkuasa pusat kemudian apabila ianya hendak diturunkan kepada pihak berkuasa negeri. Negeri juga mempunyai hak-hak untuk melihat tentang pelan struktur itu dan sehingga dalam apa yang disebut tadi akhirnya mengambil suatu keputusan sama ada menangguhkan atau boleh jadi menolak pelan struktur yang dikemukakan oleh pihak pusat.

Oleh yang demikian itulah juga saya mengharapkan misalnya dalam fasal-fasal berhubung dengan Fasal 2 dan 3 kita melihat bahawa kesannya boleh menghakis kepada kuasa-kuasa yang selama ini diberikan oleh Perlembagaan kepada kerajaan negeri. Oleh yang demikian itulah saya berharap kepada pihak kementerian supaya dalam melaksanakan akta ini, apabila pindaan ini diluluskan, hendaklah juga mengambil kira tentang kuasa-kuasa kerajaan negeri dan jika sekiranya terdapat ada halangan-halangan yang membolehkan mana-mana pihak yang berkuasa, yang berkaitan dengan pindaan ini hendaklah diadakan suatu panduan yang jelas supaya tidak ada sebarang pertentangan di antara satu dengan yang lain dan dengan yang demikian ianya benar-benar boleh melicinkan rancangan-rancangan yang dirancang sama ada oleh pihak yang berkuasa Persekutuan ataupun pihak yang berkuasa negeri.

Ada pun tentang apa yang disebut dalam pindaan ini iaitu tentang Menteri yang bertanggungjawab misalnya bagi tanah, ia juga merupakan suatu perkara yang perlu diambil perhatian kerana tanah ini biasanya mengikut undang-undang adalah dikuasai oleh pihak yang berkuasa negeri. Maka sebarang rancangan yang diatur oleh Majlis Perancang Fizikal Negara yang akan ditubuhkan dan yang akan dibentuk melalui pindaan akta ini hendaklah juga melihat walaupun ianya sebagai suatu Majlis yang akan menasihati semua pihak yang berkuasa kerajaan negeri dan juga kerajaan tempatan maka jawatankuasa ini ataupun Majlis Perancang Fizikal Negara ini juga hendaklah menasihati kerajaan negeri dan nasihat itu hendaklah diperhatikan dengan sebaik-baiknya supaya perancangan tidak dibuat dahulu sebelum mendapat pandangan daripada pihak kerajaan negeri.

Oleh yang demikian itu kita mengharapkan Majlis ini sebelum melancarkan apa-apa pelan struktur supaya berunding terlebih dahulu dengan pihak kerajaan negeri. Mudah-mudahan dengan yang demikian itu sebarang usaha yang dijalankan tidak akan tergendala di tengah jalan sebagai mana yang disebut oleh sahabat saya Yang Berhormat dari Pulau Pinang tadi.

Saya juga ingin menarik perhatian tentang Fasal 11 rang undang-undang ini iaitu tentang pewujudan Jawatankuasa Perancang Wila yah. Dalam Perlembagaan Malaysia sendiri telah ada Perkara 92 bagi mewujudkan rancangan pembangunan contohnya Putrajaya diwujudkan di kawasan Prang Besar pada tahun 1995 dan di mana Kerajaan Persekutuan perlu mematuhi prosedur yang telah ditetapkan. Di sini Majlis yang berkuasa iaitu selepas berunding iaitu bukannya dengan persetujuan

kerajaan negeri, berunding sekiranya kerajaan negeri tidak bersetuju, Majlis tersebut boleh diteruskan,- bukan begitu, maknanya.

Jadi dengan sebab itulah saya rasa walau apa pun pindaan yang telah dilakukan kerana peruntukan-peruntukan yang diberikan di dalam pindaan-pindaan ini banyak menyebut hal-hal yang berkaitan dengan perundingan di antara pihak-pihak yang berkuasa yang terlibat maka kita harapkan selain daripada penguatkuasaan undang-undang berdasarkan kepada pindaan yang akan diluluskan oleh Dewan ini kita juga mengharapkan supaya perundingan-perundingan itu sentiasa dibuat sama ada oleh pihak Persekutuan dengan pihak negeri ataupun dengan permintaan pihak negeri melalui Persekutuan.

Ada pun mengenai Fasal 21 iaitu kebenaran merancang ianya boleh menjadi lebih ketat kerana pihak yang berkuasa tempatan perlu sampaikan notis kepada pemunya tanah berjiran sebagai mana disebut oleh sahabat kita tadi. Ini juga walaupun ianya suatu peraturan dan ini sebenarnya suatu pindaan yang kita harapkan akan membawa kebaikan. Apabila saya menyebut tentang sempadan-sempadan tanah ataupun berkaitan dengan apa juga perancangan yang hendak dibangunkan oleh mana-mana juga pihak yang berkuasa sama ada oleh pusat atau oleh negeri ataupun Majlis tempatan kita mengharapkan supaya tuan-tuan tanah yang terlibat yang berhampiran dengan kawasan itu hendaklah dirundingkan sama. Dari segi pandangan para fukaha' ada menyebut orang-orang yang ada tanah kemudian tanahnya itu terlibat dalam sebarang apa juga perancangan maka dari segi pendapat ulama-ulama itu memanglah orang yang mempunyai tanah berhampiran dengan rancangan-rancangan itu dia tidak boleh menghalang jika sekiranya ada projek-projek yang besar yang dijalankan oleh pihak yang berkuasa tertentu jika misalnya hendak buat parit terpaksa melalui tanahnya maka dia tidak boleh menghalang.

Begitu juga sekiranya dia ada perancangan tanahnya itu digunakan untuk pembinaan jalan maka tuan punya tanah juga tidak boleh menghalang sebarang perancangan kerana perancangan itu adalah untuk tujuan awam. Walau bagaimanapun pihak yang berkuasa adalah diminta supaya mengadakan perbincangan dengan tuan-tuan tanah. Kita harapkan supaya pindaan ini ataupun fasal ini akan dipergunakan dengan sebaik-baiknya oleh pihak-pihak yang berkuasa , yang terlibat dengan perancangan ataupun pembinaan pelan struktur sebagaimana

yang disebut tadi sebelum ianya dilaksanakan. Saya dengan ini mohon menyokong akta pindaan ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dijemput Tuan Kee Ah Kau.

#### **12.26 tgh.**

**Tuan Kee Ah Kau:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih diberi peluang menyampaikan perbahasan Rang Undang-undang Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 2001.

Pada pendapat saya terdapat banyak perbezaan di antara perancangan bandar dan desa. Daripada segi kemudahan infrastruktur, kita boleh mendapatkan bahawa kemudahan infrastruktur di bandar adalah lebih baik dan sempurna daripada desa. Infrastruktur di desa menghadapi kekurangan daripada segi kemudahan seperti pejabat pos, perkhidmatan kenderaan awam, perpustakaan, tempat-tempat rekreasi, institusi pengajian tinggi dan lain-lain. Kekurangan infrastruktur di kawasan desa mengakibatkan pembangunan luar bandar lambat dan masalah penghijrah ke bandar berlaku dalam perancangan bandar dan desa. Pihak kerajaan sepatutnya memberi lebih perhatian kepada desa daripada segi pembinaan. Infrastruktur sedia membangunkan sektor perindustrian, perkilangan dan pelancongan luar bandar. Sektor industri pelancongan luar bandar dapat menarik minat pelancong juga jika infrastruktur sempurna di tempat-tempat rekreasi yang mempunyai keindahan alam semula jadi pasti berjaya membangunkan ekonomi desa dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, di negeri Selangor terdapat 18 buah kampung nelayan. Di daerah Sabak Bernam sahaja sudah terdapat 10 buah kampung nelayan. Kampung-kampung ini semestinya diberi keutamaan dalam pelancongan bandar dan desa kerana kawasan-kawasan ini terletak di kawasan pedalaman. Infrastruktur yang terdapat di bagan-bagan ini memang kurang. Antaranya banyak bagan yang mempunyai pantai yang cantik, pemandangan semula jadi yang sungguh menarik. Ke semua ini memang mempunyai daya tarikan untuk menarik pelancong jika kawasan ini diberi kemudahan dengan kelengkapan infrastruktur dan menjadikan bagan-bagan ini tempat rekreasi .

Tuan Yang di-Pertua, langkah penting ialah menambah benteng tepi pantai agar hakisan tanah pantai dapat dielakkan dan tempat-tempat rekreasi harus

dilengkapi dengan motel-motel, chalet, bekalan elektrik dan air, kedai-kedai makan, jalan yang baik serta perkhidmatan kenderaan.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya menyokong Rang Undang-undang Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 2001. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dengan ini saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Datuk Peter Chin untuk menjawab bagi pihak menteri.

### **12.30 tgh**

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Peter Chin Fah Kui]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya terlebih dahulu bagi pihak Menteri dan kementerian mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 2001 ini. Secara amnya kementerian saya mengambil maklum dan perhatian daripada teguran-teguran dan pandangan-pandangan serta juga cadangan-cadangan yang telah dikemukakan dalam perbahasan ini.

Tuan Yang di-Pertua, secara khususnya Yang Berhormat Tuan Snniah a/l Raju telah membangkitkan beberapa isu berkaitan dengan pindaan rancangan pemajuan.

Pertamanya berkenaan draf rancangan tempatan dan rancangan struktur tidak memperincikan taburan etnik dalam setiap blok rancangan. Beliau mencadangkan agar setiap blok rancangan dimuatkan dengan data komponen etnik dalam bentuk data unjuran bagi tujuan penilaian.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat tujuan disediakan rancangan struktur dan rancangan tempatan ialah untuk memandu kemajuan pembangunan di dalam sesuatu kawasan pihak berkuasa tempatan. Unjuran dan penilaian penduduk merupakan salah satu komponen dalam rancangan tersebut. Rancangan juga menyentuh mengenai pembangunan ekonomi, guna tanah, kemudahan utiliti, infrastruktur dan sebagainya. Makluman dan data perinci akan dianalisa bergantung kepada keperluan dan kesesuaian pembangunan sesuatu kawasan.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, berkenaan draf rancangan tempatan yang tidak mengambil kira keperluan tempat ibadat dan tanah perkuburan kaum-kaum tertentu yang juga dihuraikan oleh Yang Berhormat, kementerian saya tidak mengabaikan keperluan untuk menyediakan tempat ibadat dan tanah perkuburan untuk berbagai

kaum di Malaysia. Penentuan bagi menyediakan kemudahan awam di sesuatu kawasan adalah berdasarkan piawaian rancangan yang sentiasa dikemas kini. Bagi sesetengah kawasan rancangan yang melibatkan pembangunan kawasan baru tidak dapat ditentukan kemudahan awam yang perlu disediakan mengikut etnik yang akan menjadi komponen penduduk kawasan itu. Oleh itu, kemudahan yang dicadangkan adalah dalam bentuk indicative sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Sinniah juga membangkitkan isu berkenaan bantahan terhadap cadangan rancangan tempatan tidak dimasukkan di dalam laporan dan tempoh 6 bulan yang ditetapkan adalah tidak mencukupi untuk mengkaji rancangan tempatan itu. Dan perkara ini juga dihuraikan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng tadi.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua bantahan yang diterima adalah diambil kira oleh pihak berkuasa perancangan tempatan semasa menyediakan draf rancangan tempatan. Walau bagaimanapun, dalam bantahan-bantahan yang tidak berkaitan dengan rancangan tempatan ianya disalurkan kepada agensi lain yang berkaitan untuk tindakan sewajarnya. Tempoh enam bulan yang disebut itu adalah merupakan tempoh yang minimum. Pihak berkuasa perancangan tempatan boleh melanjutkan tempoh tersebut jika perlu.

Yang Berhormat Tuan Sinniah juga telah membangkitkan isu berkenaan kawasan perumahan yang dibina berhampiran dengan bukit-bukit yang dipotong yang mana kawasan-kawasan tersebut selalu mengalami banjir sekiranya sistem perparitan tidak teratur. Kementerian sedar perkara mengenai banjir kilat dan sistem perparitan yang masih lagi menjadi isu di banyak tempat. Kementerian saya bersama dengan agensi-agensi di peringkat Persekutuan, negeri dan tempatan sedang dan terus memperhebat usaha menangani masalah ini. Undang-undang semasa adalah cukup untuk menangani isu-isu semasa. Walau bagaimanapun, undang-undang peraturan dan penguatkuasaan sahaja tidak mencukupi jika tahap kesedaran orang awam dan sebagai pengguna masih lagi rendah.

Yang Berhormat Tuan Sinniah juga ada mencadangkan kerajaan tempatan mengambil alih penyelenggaraan landscaping di kawasan masing-masing supaya tidak terabai. Pada masa ini kementerian saya sedang memantau kerja lanskap yang dijalankan dalam kawasan pihak berkuasa tempatan. Cadangan untuk mengambil alih penyelenggaraan lanskap memerlukan kajian dan perbincangan yang lebih lanjut dengan pihak kerajaan negeri dan kerajaan tempatan. Walau bagaimanapun,

daripada segi bantuan sama ada daripada segi bantuan wang dan teknikal, kementerian saya melalui Jabatan Lanskap Negara mempunyai skim-skim atau mempunyai rancangan-rancangan tertentu untuk menolong mana-mana pihak berkuasa tempatan yang ingin memerlukan pertolongan daripada jabatan tersebut. Tetapi memandangkan peruntukan struktur ini adalah terhad maka apa yang telah dapat dibantu adalah terhad juga.

Yang Berhormat Tuan Sinniah mencadangkan supaya kementerian atau kerajaan tempatan perlu mengambil alih projek-projek penyediaan kemudahan awam sekiranya pemaju tidak menyiapkannya. Kerajaan sekarang sedang menyediakan garis panduan tatacara, menyediakan kemudahan awam mengikut kategori pembangunan. Cadangan untuk mengambil alih penyediaannya memerlukan kajian dan juga perbincangan yang lebih lanjut dengan pihak kerajaan negeri dan juga pihak berkuasa tempatan.

Mengenai mencepatkan tempoh masa meluluskan sesuatu permohonan pembangunan, ingin saya memaklumkan kepada Yang Berhormat, melalui pindaan Akta Perancangan Bandar dan Desa yang sekarang kita bincang, kementerian akan memperkemas lagi mekanisme bagi mempercepat proses ini. Pada masa yang sama mekanisme ini akan juga memastikan keputusan yang dibuat tidak menjelaskan kualiti pembangunan atau apa yang disebut oleh Dato' Dr. Chin Fook Weng tadi mengenai pemeliharaan alam sekitar. Kementerian saya memang sedar dan juga sedang ambil tindakan untuk melantik pegawai yang berkelayakan supaya proses permohonan atau kelulusan pembangunan itu boleh diteliti dengan pihak yang berkelayakan yang mengadakan kepakaran dan keilmuan yang tertentu. Kementerian sedang membincangkannya dengan Jabatan Perkhidmatan Awam bagi memenuhi keperluan jawatan pegawai-pegawai yang diperlukan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menjawab perkara-perkara yang dihuraikan oleh Yang Berhormat Tuan Abdillah bin Abdul Rahim. Beliau sudah membangkitkan isu-isu berhubung dengan Jawatankuasa Perancangan Wilayah dan perkara yang sama juga dihuraikan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng dan juga Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri.

Jawatankuasa Perancangan Wilayah berperanan memberi nasihat kepada pihak berkuasa negeri dan pihak berkuasa tempatan berhubung dengan pembangunan yang mempunyai kepentingan bersama. Jawatankuasa ini tidak

mengambil alih kuasa sedia ada daripada segi kelulusan dalam hal ehwal pembangunan tanah. Ini saya hendak ulang lagi, segala pindaan dalam akta sekarang tidak ambil alih kuasa yang sedia ada dalam tangan kerajaan negeri atau pihak berkuasa tempatan kerana ini bukan tujuan ia atau matlamat untuk mengadakan pindaan.

Oleh sebab itu, saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian jangan rasa bimbang. Pihak Kerajaan Persekutuan melalui Jawatankuasa Perancangan Fizikal Negara tidak akan mengambil alih mana-mana hak, mana-mana kuasa yang berada di dalam tangan pihak negeri atau pihak kerajaan tempatan. Penubuhan Jawatankuasa Perancangan Fizikal Negara yang akan diketuai oleh pihak Perdana Menteri sendiri dan dianggotai oleh Timbalan Perdana Menteri, Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, semua menteri besar dalam semua negeri dan juga termasuk ketua menteri dari Melaka dan Pulau Pinang dan juga menteri-menteri dalam kementerian yang strategik, yang berkaitan dengan perancangan sama ada perancangan fizikal atau rancangan pembangunan seluruh negara supaya apabila masalah-masalah yang timbul di peringkat negeri atau peringkat Wilayah, Jawatankuasa Perancangan Fizikal Negara ini akan terus bertindak untuk menyelaraskan, untuk berbincang, untuk berunding seperti yang disebut, yang diminta oleh Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri supaya segala rintangan, segala masalah yang timbul itu kita boleh setuju. Melalui proses ini, satu persefahaman boleh dicapai.

Semua pihak boleh bersetuju dan akhirnya perkara itu diusahakan dengan baik dan dengan ada satu penyelaras seluruh negara. Ini juga akan mengelakkan timbul nanti mana-mana projek perancangan tidak teratur, mana-mana perancangan tidak selaras dengan hasrat kerajaan di seluruh negara dan ini saya rasa akan membantu proses pembangunan dan bukan membantutkan proses pembangunan di masa akan datang.

Saya nampak daripada segi dasarnya hampir semua Ahli Yang Berhormat yang berbahas dalam isu ini rasa sedikit sebanyak bimbang tentang hakisan yang akan berlaku terhadap kuasa-kuasa negeri atau kuasa-kuasa kerajaan tempatan apabila ditubuhkan Jawatankuasa Perancangan Fizikal Negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng telah membahaskan banyak perkara dan saya tidak bercadang untuk menjawab semua yang dibahaskan tetapi daripada segi dasarnya saya ingin memaklumkan Yang

Berhormat, pihak Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri dalam banyak bentuk seperti mesyuarat Ketua-ketua Menteri dan Menteri-Menteri Besar dan juga melalui kementerian saya sendiri – melalui Jawatankuasa Majlis Kerajaan Tempatan Negara, perkara-perkara yang tidak ada penyelarasan itu boleh dibincangkan dan boleh dimajukan dengan prinsip yang sama dan matlamat yang sama.

Maksud saya ialah selain daripada pindaan di hadapan kita pada hari ini, pihak kerajaan memang ada banyak saluran lagi untuk mencapai hasrat yang sama . Saya rasa tidak perlu juga kita rasa terlalu bimbang apabila akta ini diluluskan oleh Dewan yang mulia ini, pihak Kerajaan Persekutuan melalui kementerian saya kah atau melalui Jabatan Perancang Bandar dan Desa tidak akan menggunakan kuasanya sewenang-wenangnya. Semua ini akan ditentukan dalam garis panduan dalam undang-undang kecil dan sebagainya dan kalau itulah masih menimbulkan masalah, masalah yang saya sebut tadi boleh dibincangkan di peringkat atasan lagi, yang dihadiri oleh Perdana Menteri sendiri, Timbalan Perdana Menteri sendiri dan juga Yang Amat Berhormat Menteri-Menteri Besar dan Ketua-Ketua Menteri sendiri supaya boleh mencapai satu persetujuan yang saksama bagi semua pihak.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya rasa jawapan yang saya dapat beri. Kalaulah Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian ingin dapatkan jawapan yang lanjut tentang sesuatu perkara yang khusus, saya bolehlah menjawab segala yang dibincangkan tadi atau dibahaskan atau hendak saya jawab lebih teliti, saya akan jawab secara bertulis.

Dengan itu saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian yang membahaskan rang undang-undang (Pindaan) Akta Perancangan Bandar dan Desa pada hari ini. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri Datuk Peter Chin. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

**Fasal 1 hingga 38** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Pendahuluan** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

### **RANG UNDANG-UNDANG BEKALAN GAS (PINDAAN) 2001**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**12.56 tgh.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Douglas Uggah Embas]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Akta Bekalan Gas (Pindaan) 2001 dibaca bagi kali kedua.

Tuan Yang di-Pertua, pertambahan dalam bekalan gas asli telah membolehkan sumber gas asli negara digunakan dengan cekap bagi menjana pertumbuhan ekonomi. Penggunaan gas adalah tertumpu kepada sektor tenaga dan industri. Sebagai contoh, dalam tahun 2000, sektor tenaga telah menggunakan sebanyak 78.7% manakala baiknya digunakan oleh sektor bukan tenaga yang mana sebahagian besarnya digunakan oleh industri petrokimia.

Namun begitu, gas juga dibekalkan kepada Industri Kecil dan Sederhana, pengguna perdagangan dan perumahan menerusi sistem penghantaran gas asli. Ketika ini purata isi padu gas sebanyak 65 juta kaki padu sehari telah dibekalkan kepada pengguna-pengguna di Lembah Kelang, Pasir Gudang, Kluang, Gebeng dan Kemaman. Di sektor perumahan, gas melalui sistem talian paip telah disambung kepada kira-kira 22,000 buah rumah. Adalah dijangka angka ini akan bertambah di masa hadapan. Penggunaan-penggunaan gas yang lain termasuk gas asli untuk kenderaan, sistem penjanaan generation dan peralatan pendingin hawa.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana Tuan Yang di-Pertua sedia maklum, Akta Bekalan gas telah diwartakan dalam tahun 1993 bertujuan untuk mengawal selia industri penyaliran gas. Industri ini juga boleh dikategorikan sebagai industri utiliti seperti juga industri bekalan elektrik. Selaras dengan penubuhan Suruhanjaya Tenaga yang mana rang undang-undangnya telah diluluskan dalam mesyuarat Parlimen pada bulan Disember 2000 yang lepas, beberapa pindaan perlu dibuat ke atas Akta Bekalan Gas 1993. Pada dasarnya pindaan-pindaan yang terlibat adalah pindaan yang consequential dengan izin, yang bertujuan untuk membolehkan

pemindahan fungsi kawal selia daripada Jabatan Bekalan Elektrik dan Gas kepada Suruhanjaya Tenaga. Pada masa yang sama pindaan tersebut akan membolehkan beberapa dasar semasa kerajaan mengenai tenaga dikuatkuasakan.

Pindaan yang lain yang dicadangkan dalam rang undang-undang ini adalah merupakan pindaan yang berbangkit daripada penumbuhan Suruhanjaya Tenaga. Oleh hal demikian, dengan adanya pindaan ini pemindahan tanggungjawab daripada jabatan bekalan elektrik dan gas kepada Suruhanjaya Tenaga dapat dilaksanakan dengan teratur dan menjamin kesinambungan kawal selia.

Di antara aspek-aspek utama pindaan ke atas Akta Bekalan Gas adalah seperti berikut:

Pertama, bagi memperkemas peruntukan bagi skop sistem penyimpanan dan paip gas petroleum cecair di premis pengguna. Subseksyen 1 dan 3B perlu dipinda untuk meliputi daripada sambungan pengisian tangki atau silinder penstoran khas bagi penyeleretan atau penghantaran gas ke mana-mana radas ke mana-mana premis. Perluasan skop ini adalah bertujuan untuk mengatasi kekeliruan tarifnya dengan mengambil kira maklum balas daripada jabatan keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang bertanggungjawab mengeluarkan perakuan kelayakan bagi tangki simpanan pukal dan kandungan tekanan gas petroleum cecair.

Perkataan “Pengarah” di Seksyen 2 perlu dipinda kepada “Pegawai diberi kuasa” untuk membolehkan tanggungjawab pengarah dilaksanakan oleh pegawai diberi kuasa dan seterusnya memansuhkan tarif pengarah dan peruntukan jawatankuasa ketua pengarah bekalan gas memandangkan ia tidak lagi berkenna oleh kerana makna suruhanjaya dalam akta ini merujuk kepada Suruhanjaya Tenaga yang telah ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Tenaga 2000.

Perkataan “Ketua Pengarah dan Pegawai-pegawai lain yang dilantik” di bawah subseksyen 32(2) perlu dipinda dan digantikan dengan perkataan suruhanjaya dan seterusnya menggantikan subseksyen 2 bagi membolehkan fungsi dan tugas suruhanjaya pada bila-bila masa dijalankan oleh mana-mana pegawai suruhanjaya yang dilantik secara wajarnya secara bertulis oleh suruhanjaya bagi maksud sedemikian.

Satu seksyen baru mengenai pegawai diberi kuasa diperkenalkan iaitu seksyen 4A untuk melicinkan penguatkuasaan Akta Bekalan Gas 1993 apabila Suruhanjaya Tenaga ditubuhkan kelak. Pegawai diberi kuasa dalam konteks

Suruhanjaya Tenaga merujuk kepada mana-mana pegawai awam atau pegawai suruhanjaya diberi kuasa secara bertulis oleh Menteri.

Di samping....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, boleh kita sambung selepas rehat nanti. Ahli-ahli Yang Berhormat dengan ini Majlis mesyuarat ini akan ditangguhkan hingga jam 2.30 petang ini.

***Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.***

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyambungkan pembentangan rang undang-undang. Di samping itu beberapa pindaan perlu dibuat kepada peruntukan yang sedia ada yang melibatkan penguatkuasaan dasar baru seperti berikut:

- (a) Akta Ibu perlu dipinda bagi menggantikan Seksyen 9 dengan seksyen baru yang memperuntukkan bahawa tidak ada pendakwaan boleh dimulakan bagi sesuatu kesalahan di bawah akta ini atau apa-apa peraturan yang dibuat di bawah akta ini kecuali oleh atau dengan kebenaran bertulis pendakwanya. Ini adalah bertujuan untuk mengelakkan daripada berlakunya salah guna kuasa oleh pegawai-pegawai suruhanjaya;
- (b) untuk menggalakkan pemegang lesen membuat bayaran mengikut tempoh masa yang ditetapkan serta merangsang perkembangan perusahaan penyeliratan gas di negara ini, satu Seksyen baru dimasukkan iaitu Seksyen 17A yang mengehendaki seseorang pemegang lesen membayar kepada seseorang tertakluk kepada syarat dan kepada kadar yang ditetapkan sejumlah wang yang bersamaan dengan bunga tahunan atas cagaran yang diberikan;
- (c) untuk memberi kebebasan kepada Menteri melantik mana-mana orang kompeten perkataan dengan Ketua Pengarah sebagai pengurus di dalam sub seksyen 3 kepada Seksyen 29

- digantikan dengan perkataan yang diketuai oleh seseorang yang dilantik oleh Menteri; dan
- (d) Subseksyen 2 di dalam Seksyen 34 perlu diganti dengan subseksyen baru untuk memberi kuasa kepada Pengerusi Suruhanjaya Tenaga dengan kebenaran bertulis pendakwa raya mengkompaunkan mana-mana kesalahan yang ditetapkan di bawah subseksyen 1 dengan memungut daripada mana-mana orang yang disyaki telah melakukan kesalahan sejumlah wang yang tidak melebihi 50% daripada amaun denda maksimum untuk kesalahan tersebut. Satu subseksyen baru dimasukkan bagi memperuntukkan semua wang yang diperoleh daripada kompaun bagi sesuatu kesalahan yang dilakukan dimasukkan ke dalam dan menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan.

Tuan Yang di-Pertua, segala pindaan-pindaan lain yang dicadangkan di dalam rang undang-undang ini adalah merupakan pindaan yang berbangkit daripada penubuhan Suruhanjaya Tenaga. Oleh hal yang demikian, dengan adanya pindaan ini pemindahan tanggungjawab daripada Jabatan Bekalan Elektrik dan Gas kepada Suruhanjaya Tenaga dapat dilaksanakan dengan teratur. Ini dapat memastikan kelak pelaksanaan aktiviti pengawalseliaan ke atas bekalan gas melalui sistem penyeliratan akan lebih lancar lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin]:** Saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Bekalan Gas 1993 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Yang Berhormat Dato' Dr. T. Marimuthu.

### **2.35 ptg.**

**Dato' Dr. T. Marimuthu:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberi kepada saya untuk membahaskan rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Bekalan Gas 1993. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Timbalan Menteri yang telah membentangkan akta ini dan saya cuma menyentuh atas satu dua perkara sahaja.

Fasal 3 adalah mengenai sistem penstoran dan talian paip gas dan semua pemasangan gas berpaip termasuk yang bertalian paip tunggal. Ini adalah satu perkara yang penting dan saya khuatir mengenai keselamatan pasangan paip. Oleh kerana kita harus mengawal selia ataupun menjaga dengan ketat mengenai kualiti-kualiti paip yang dipasang. Oleh kerana Tuan Yang di-Pertua, saya masih ingat mengenai satu tragedi yang besar telah berlaku pada beberapa tahun yang lalu di India Utara iaitu tragedi di Bhopal. Tragedi di Bhopal adalah di mana gas racun telah bocor daripada kilang-kilang union carbide dan saya difahamkan bahawa 4,000 orang pekerja dan ahli keluarga telah mati atau telah maut. Oleh kerana itu kita harus mengawal selia dan menjaga pemasangan paip oleh kerana tidak ada kebocoran.

Pada masa sekarang juga ganti rugi yang diberi oleh union carbide belum selesai dan juga saya difahamkan bahawa anak-anak dan waris daripada victim di Bhopal itu masih mengalami beberapa masalah kesihatan. Ini menunjukkan bahawa betapa pentingnya kita harus menjaga kualiti paip oleh kerana saya difahamkan apabila Timbalan Menteri membentangkan rang undang-undang ini beliau telah menyatakan bahawa ini adalah gas cecair ataupun liquid gas dan gas cecair ini akan diberi kepada beberapa buah rumah. Saya difahamkan 22,000 buah rumah telah mendapat gas ini.

Perkara yang lain ialah bolehkah kita mengelakkan apabila kita pasang paip itu bolehkah kita mengelakkan paip-paip ini tidak dipasang dalam kawasan yang can we avoid highly populated areas oleh kerana jika ada kebocoran tragedi seperti di Bhopal akan berlaku. Lagi satu perkara ialah kesan atas persekitaran apabila kita memasang paip-paip ini, adakah kementerian telah menjalankan satu Environmental Impact Assessment (EIA) di mana kita harus menjaga environment kita. Oleh kerana rang undang-undang ini adalah merupakan satu rang undang-undang consequential dengan itu saya ingin menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

#### **2.40 ptg.**

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin memberi sedikit pandangan terhadap pindaan yang dicadangkan kepada Akta 501 ini. Tadi kita telah mendengar pandangan-pandangan daripada Yang Berhormat Dato' Dr. T. Marimuthu tentang keselamatan. Memandangkan begitu ramai orang kelak akan menggunakan gas asli ini sama ada dalam bentuk gas atau dalam bentuk

yang cecair, maka ini masih merupakan satu perkara yang sangat penting daripada segi keselamatan.

Saya juga difahamkan paip Petronas yang membawa minyak dari Port Dickson ke tempat storannya di Kajang pun ada beberapa kali telah menghadapi masalah daripada segi kawalan keselamatan oleh kerana pembinaan-pembinaan di laluan itu telah membahayakan keselamatan paip -paip itu.

Jadi, kalau kita juga ada satu sistem pemasangan di premis itu, maka keselamatan juga akan menjadi satu perkara yang penting dan saya minta perhatian yang serius diberi kepada perkara ini memandangkan tadi kita telah mendengar lebih daripada 22,000 buah rumah telah dipasangkan dengan peralatan supaya dapat menerima gas-gas ini. Makin lama mungkin makin lebih rumah yang akan terlibat dan daripada segi pengawasan itu akan menjadi satu perkara yang lebih besar, daripada segi pengawasan saya sangat menyokong cadangan dalam pindaan 34 di mana amaun kompaun yang boleh dikenakan telah ditingkatkan daripada RM1,000 pada masa sekarang tetapi hanya satu yang saya ingin tanya iaitu kenapa kita telah menaruh had kepada 50% daripada denda maksimum yang boleh dikenakan. Apakah rasionalnya untuk mengehadkan sebarang kompaun itu kepada 50% sahaja tidak boleh melebihi 50% amaun denda maksimum yang boleh dikenakan.

Kalau sesuatu pihak itu boleh dikenakan lebih daripada 50% kompaun mungkin ini akan menyelesaikan kes-kes kecuaian dan masalah-masalah lain dengan lebih cepat dan tidak payah tunggu sehingga kes-kes itu dibawa ke mahkamah. Kalau kita hadkan kepada 50% daripada denda maksimum sahaja itu bermakna hanya kes-kes yang kurang daripada 50% itu telah dikompaunkan boleh diselesaikan dan kes-kes yang melebihi had itu kena dibawa ke mahkamah dan ini akan membawa masalah-masalah kepada semua pihak daripada segi masa, daripada segi kena hadir mahkamah dan daripada segi pembicaraan kes-kes itu. Mungkin itu akan melambatkan proses-proses penyelesaian. Apa yang saya bimbang kalau kes-kes itu melibatkan keselamatan pengguna dan itu kita tidak dapat selesaikan kerana kompaun yang kita akan kenakan lebih daripada 50% dan kes ini kena dibawa ke mahkamah.

Saya khuatir sama ada ini akan memberi satu penyelesaian yang munasabah kepada semua pihak khasnya kepada pengguna-pengguna gas ini. Saya juga sangat mengalu-alukan satu seksyen baru iaitu 17A dan seksyen ini memerlukan

semua duit yang dikutip oleh pelesen itu diberi semua faedah itu atau semua bunga yang akibat daripada kutipan ini akan disalurkan kepada pengguna.

Ini memang satu perkara yang baik dan saya harap dengan berbuat demikian, maka lebih ramai orang akan digalakkan supaya memasang bekalan gas kepada premis mereka. Dengan adanya peruntukan ini saya juga harap bahawa semua bunga itu tidak perlulah tolak caj servis atau caj pentadbiran dan sebagainya, maka semua yang diberi kepada pengguna itu harus dipulangkan kepada pengguna itu. Itulah pendapat-pendapat saya Tuan Yang di-Pertua, dan dengan itu saya menyokong pindaan-pindaan kepada Akta 501 ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Charern Intachat.

#### **2.45 ptg.**

**Dato' Charern Intachat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin turut bersama untuk membahaskan Rang Undang-undang Akta Bekalan Gas (Pindaan) 2001. Rang undang-undang ini bertujuan untuk meminda Akta Bekalan Gas 1993 yang berkaitan dengan pembekalan gas pada harga munasabah, kawalan, talian paip, pemasangan dan perkakas bekalan gas berkenaan dengan perkara yang berhubungan dengan keselamatan.

Selain dari memperkemaskinikan lagi Akta Bekalan Gas 1993, pindaan-pindaan yang dicadangkan ini ialah pindaan-pindaan berikut dengan pengubalan Akta Suruhanjaya Tenaga 2001 yang telah diluluskan oleh Dewan ini baru-baru ini. Saya menyokong pindaan-pindaan di dalam rang undang-undang ini dengan mengambil peluang ini untuk memohon penjelasan daripada pihak kementerian tentang beberapa perkara berkaitan dengan pembekalan gas di negara kita.

Setakat Akta Bekalan Gas 1993 ini dikuatkuasakan, adakah terdapat apa-apa kemalangan atau kebakaran yang melibatkan mana-mana talian paip atau pemasangan gas di negara kita. Adakah kita bercadang membekal dan menjual gas melalui talian-talian paip ke negara-negara jiran.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan projek usaha bersama di antara Malaysia dengan Thailand berkenaan dengan bekalan gas dan pembinaan saluran paip dari Teluk Siam melalui selatan Thailand dan negeri Kedah telah tergendala disebabkan beberapa pihak yang membantahnya di Thailand. Bolehkah pihak kementerian memberi penjelasan tentang masalah yang menyebabkan bantahan-bantahan ini berlaku dan pihak mana yang akan menanggung kerugian sekiranya projek tersebut tidak dapat dilaksanakan.

Sekian sahaja perkara-perkara yang saya ingin bangkitkan di dalam membahaskan rang undang-undang ini. Saya menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Siti Zailah.

#### **2.47 ptg.**

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Rang Undang Akta Bekalan Gas (Pindaan) 2001.

Kita sepatutnya bersyukur kepada Allah kerana Allah telah menganugerahkan kepada kita negara yang mempunyai hasil bumi yang kaya dengan sumber asli dan semula jadi untuk keperluan rakyat dan negara. Sepatutnya amanah dan khazanah kekayaan negara ini diuruskan dengan lebih baik dan sempurna supaya ia dapat dinikmati oleh semua lapisan masyarakat. Pindaan Bekalan Gas 2001 ini diharapkan menjadi pemangkin ke arah meningkatkan lagi hasil gas negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh Fasal 7 Seksyen 4B yang menyentuh tentang fungsi dan tugas Suruhanjaya. Jadi, saya ingin tahu siapakah sebenarnya orang-orang yang berhak menjadi ahli Suruhanjaya ini supaya keberkesanannya dapat memberi kesan dan manfaat kepada semua pihak.

Yang kedua, kalau dilihat dalam tugas ini disebutkan bahawa fungsi dan tugas Suruhanjaya di mana Suruhanjaya boleh pada bila-bila masa dijalankan oleh mana-mana pegawai Suruhanjaya dilantik dengan sewajarnya. Jadi, kita mengharapkan agar pindaan ini dapat menjadi sebagai pengawalseliaan terhadap pengaliran gas yang lebih efektif lagi. Begitu juga saya mencadangkan agar penggunaan gas di negara kita ini dimaksimumkan penggunaannya, bukan hanya terhad kepada gas yang untuk ke rumah-rumah sahaja.

Saya juga ingin menyentuh Fasal 21 Seksyen 34 di mana disebutkan bahawa Pengerusi boleh dengan kebenaran bertulis Pendakwa Raya mengkompaunkan mana-mana kesalahan yang ditetapkan di bawah subseksyen (2) dengan memungut daripada orang yang secara munasabah disyaki telah melakukan kesalahan itu dengan sejumlah wang yang tidak melebihi 50% daripada amaun denda maksimum bagi kesalahan itu. Persoalannya apakah maksud orang yang munasabah yang disyaki itu. Kenapa ia boleh dikompaunkan sedangkan belum terbukti orang itu bersalah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang persoalan gas sebagaimana yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat tadi tentang gas usaha sama Malaysia-Thailand, yang sebelum ini diberitahu bahawa Malaysia akan mendaratkan gas di Songkla walaupun Kerajaan Kelantan telah menyediakan lebih daripada 5,000 hektar tanah di Pantai Chenuk. Dan kita difahamkan juga bahawa jarak antara tempat keluaran gas dengan Songkla memakan jarak lebih kurang 260 kilometer dan jarak melalui pantai Kelantan hanya 140 kilometer sedangkan saya buat kajian juga bahawa satu kilometer memakan belanja dekat dengan RM1 juta, bermakna apabila kita melalukan gas melalui Songkla, kerajaan terpaksa membelanjakan pembaziran lebih dari RM100 juta. Jadi, apa rasional tindakan kerajaan dibuat dan kita lihat hari ini sebagaimana kenyataan Yang Berhormat tadi, bagaimana apabila hak rakyat dinafikan Allah telah mentakdirkan sesuatu yang di luar dugaan, kita dapat tahu bahawa rakyat Songkla membantah hebat dan Kerajaan Thailand kurang senang dengan apa yang telah dicadangkan oleh Kerajaan Malaysia tentang pendaratan gas di Songkla.

Jadi, kita mahu mendapat penjelasan yang sejelas-jelasnya kenapa tindakan ini diambil oleh pihak kerajaan, kenapa hak rakyat Kelantan dinafikan dan apabila gas ini mendarat di Thailand bermakna seolah-olah kita tidak memberi peluang kepada rakyat kita pekerjaan, sedangkan berapa banyak industri hilir yang dapat diwujudkan apabila terhasilnya pendaratan gas.

Jadi, itulah kita mengharapkan apabila setiap rang undang-undang yang kita hendak buat, Suruhanjaya yang kita buat benar-benar memberi manfaat kepada rakyat yang terbanyak bukan sahaja kepentingan kepada golongan yang tertentu.

Jadi, dengan itu sahaja saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Jamilah.

#### **2.50 ptg.**

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya juga turut untuk mengambil bahagian dalam masa yang saya rasa paling pendek untuk membincangkan mengenai Rang Undang-undang Bekalan Gas (Pindaan) 2001.

Usaha bagi mewujudkan Suruhanjaya Tenaga yang sama-sama kita mengambil bahagian untuk perbahasan dalam memberi pandangan kepada Rang Undang-undang Bekalan Gas (Pindaan) 2001 ini, saya merasakan Tuan Yang di-Pertua, yang pertama saya ingin menyentuh mengenai sumber gas yang terdapat di

bumi ini seperti kami sama sejiwa, sepandangan yang telah diperkatakan oleh adinda saya Yang Berhormat Puan Siti Zailah tadi bahawa satu nikmat yang telah sedia ada dibumi dalam negara kita yang diciptakan oleh Allah untuk dikeluarkan oleh hamba-hamba di bumi Malaysia ini di mana Allah kasih kepada kita, kerana kita yakin bahawa gas merupakan faktor dan aspek ekonomi negara yang cukup penting dan tinggi nilainya.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya harapkan di sisi supaya Suruhanjaya Tenaga menggunakan peluang dalam operasinya untuk memasangkan paip-paip yang dipenuhi kepada permintaan rakyat di dalam negara ini.

Yang paling penting kepada kita ialah kualiti paip itu seperti mana kawan-kawan kita perkatakan di sini bahawa mestilah menjaga keselamatan pengguna itu yang paling utama, kerana saya yakin bahawa gas-gas ini kalau kita melihat untuk jangka pendek dan jangka panjang penggunanya ramai daripada kalangan ibu-ibu yang menggunakan dapur gas ataupun hawa dingin di rumah. Jadi, pada seorang ibu juga tentulah melihat kepada keprihatinan, keselamatan, kawalan di bawah pangkuannya.

Maka yang keduanya, saya mengharapkan kepada Suruhanjaya ini supaya caj ataupun kos yang akan dikenakan kepada pengguna melalui saluran paip direct kepada rumah-rumah dan juga industri dan sebagainya supaya kos itu dipertimbangkan, janganlah dicaj kepada harga yang terlalu mahal kerana kita mengambil akur seperti mana kami berdua sebutkan ini sebagai rahmat dan nikmat pemberian Allah yang telah sedia ada di bumi cuma bagaimana kita menggunakan operasinya sahaja.

Jadi, yang ketiganya ialah kebimbangan, saya pun agak terlupa di dalam pernah kita belajar mengenai kategori gas itu sendiri, saya yakin bahawa gas mempunyai satu kategori yang ada keracunan, oksijen dan sebagainya, jadi kategori gas yang hendak diguna pakai ini haruslah dijaga, dikawal selia dengan begitu baik. Jangan sampai seperti mana dikatakan oleh beberapa orang Senator tadi pernah menimbulkan suatu bahaya yang cukup besar di negara lain, maka baru negara kita yang baru dalam peringkat awal untuk mengoperasikan gas ini maka tentulah kawal selia dan keselamatan keracunan itu, saya mintalah supaya dijaga dengan begitu baik daripada awal lagi supaya tidak menjadi mangsa pada sepuluh tahun ataupun pada masa-masa akan datang dengan kita menggunakan nikmat gas yang sedia ada.

Saya rasa dengan kata-kata itu saya turut menyokong, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz.

## 2.52 ptg.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya juga ingin mengambil bahagian dari segi menyokong pembentangan Rang Undang-undang Akta Bekalan Gas (Pindaan) 2001 yang maksudnya amat jelas tetapi implikasinya juga amat meluas.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat dari segi sumber tenaga untuk negara kita ini, kita difahamkan 80% daripada sumber tenaga kita adalah daripada gas. 10.6% daripada hidroelektrik, 6.6% arang dan 3% daripada bahan-bahan lain termasuklah *bio mass* dan juga mungkin suria, matahari.

Dan kini kita ingin hendak membekalkan gas ini menerusi paip-paip kepada rumah-rumah yang dahulunya saya difahamkan sepatutnya dibuat secara besar-besaran, saya difahamkan apabila wujud suatu saluran paip besar antara Terengganu dengan Pahang, saya tak tahu kalau sudah siap atau belum paip yang besar itu mengalir ke selatan, tujuannya ialah untuk menentukan bekalan gas sebagai alternatif kepada sumber elektrik, sumber tenaga untuk kegunaan domestik, untuk kegunaan rumah-rumah.

Jadi, kita hendak mengetahui daripada pihak kerajaan, kalau benarlah ini harapan kita adakah kita mempunyai perancangan dari segi tahun ke tahun berapa buah rumahkah yang akan dibekalkan sumber elektrik baru, sumber tenaga ini menerusi pembekalan gas terutama kegunaan-kegunaan domestik seperti yang dinyatakan oleh sahabat-sahabat kita, untuk kegunaan-kegunaan dapur dan sebagainya. Jadi, kalau wujud unjuran ini mungkin kita dapat mengetahui bagaimana bekalan reserve gas kita yang kini bukan sahaja wujud di perantaraan perairan tetapi juga wujud di negara-negara jiran, di mana pihak kerajaan telah pun mengadakan satu kerjasama antara kita dengan kerajaan-kerajaan jiran seperti Thailand, Vietnam dan baru-baru ini saya difahamkan pihak kerajaan juga mengambil bahagian untuk membeli sedikit sebanyak, untuk membuat sedikit sebanyak pelaburan di dalam Natuna Gas Area dengan Indonesia dan Singapura pun hendak masuk dari segi melaburkan wang ringgit untuk mendapatkan reserve di Indonesia yang difahamkan begitu banyak untuk kegunaan pada masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, kita mengeksport banyak gas kita dari segi cecair gas, *liquid form* kepada negara-negara seperti Jepun dan sebagainya, kalau inilah tahap pencapaian pengeluaran hasil gas yang kita sudah buat sekarang ini, adakah pihak kerajaan telah membuat kajian supaya dapat menentukan cost per unit (CPU), adakah ianya lebih murah kalau kita buat secara besar-besaran dengan secara bersekala besar, dengan wujudnya, mohon izin, *economic of scale* supaya pengguna-pengguna yang menggunakan sumber tenaga menerusi pembekalan gas ini mungkin dapat membayarnya dengan harga yang lebih murah, kalau sekiranya dibuat secara besar-besaran ataupun adakah ianya lebih murah kalau digunakan dengan kegunaan secara konvensional di mana tenaga elektrik yang di bawa oleh Tenaga Nasional Berhad, yang dibawa oleh IPP, yang menjualkan tenaga mereka kepada TNB, kalau sekiranya kita dapat berasaskan kepada jumlah pengguna, menggunakan gas sebagai sumber tenaga yang lebih murah, saya mengharapkan supaya kajian ini dibuat dan kita gunakan gas, bekalkan kepada setiap rumah dan elektrik ini kita gunakan untuk tujuan-tujuan lain.

Begitu juga, Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan gas ini juga digunakan sebagai alternatif, pembekalan kuasa, tenaga, kepada unit-unit perindustrian tertentu sebagai satu alternatif kepada saluran konvensional yang dibawa oleh TNB. Saya bermaksudkan kepada *cogeneration (cogen)*. *Cogeneration* ini adalah penggunaan gas sebagai sumber tenaga yang diletakkan pada sesuatu pengguna yang besar, yang boleh mengeluarkan 15, 20, 30 kilowatt kegunaan. Saya difahamkan Universiti Malaya pada satu ketika bertujuan untuk mengadakan pembekalan kuasanya sendiri, menggunakan sistem *cogeneration* di mana gas menjadi sumber tenaga dan ianya juga kalau kita gunakan secara *cogeneration* ini, boleh membekalkan kuasa-kuasa pendinginan kerana ia menggunakan air yang sama, ia buat cycle menggunakan gas ada dia punya tong besar-besar ini, dibuat diberi elektrik dan air yang digunakan ini juga boleh mengelilingi bangunan untuk menghasilkan dari segi pendinginan tempat hawa dingin.

Jadi, dari segi ekonominya saya difahamkan kalau berasaskan kepada kos gas per unit antara RM12 ke-RM15 setiap BTU ianya akan menguntungkan. Jadi, sekarang saya hendak bertanya IPP membayar berapa kepada gas yang digunakan untuk menzahirkan tenaga yang dijual kepada TNB, berapakah kos per unit yang dibayar oleh IPP yang ada sekarang ini. Adakah RM12, RM13, RM15 ataupun

mengikut harga pasaran, saya difahamkan Tuan Yang di-Pertua, harga pasaran berkemungkinan sampai RM18 atau RM20 tetapi mungkin wujud sistem “subsidi” kepada IPP-IPP dan adakah perbezaan wujud di antara satu IPP dengan satu IPP yang lain dari segi harga. Apakah harga itu sama, kita beri kepada YTL harganya RM12, RNM13 per BTU ataupun kita beri kepada banyak lagi SKS dan banyak lagi syarikat-syarikat - Malakoff dan sebagainya yang dijadikan sebagai independent Power Producing Company (IPP) ini.

Jadi, adakah harga yang kita jual kepada mereka itu serupa dan berapa ataupun berbeza-beza dan kenapa dan dengan harga yang sama boleh atau tidak untuk hendak mewujudkan sistem secara bebas di mana *cogeneration* ini diwujudkan di pusat-pusat pembangunan yang sekarang ini hendak kita buat. Saya terima kasih - Timbalan Menteri Pendidikan pun ada di sini, di mana universiti-universiti yang akan dibuat di Pahang saya difahamkan, di Perlis, di tempat-tempat dan di institusi-institusi pendidikan yang tinggi yang lain, jadi universiti-universiti ataupun kawasan-kawasan ini tidak perlu mengambil elektrik daripada TNB, kita berikan dia harga gas mengikut harga yang kita beri kepada IPP, mereka buatkan dari segi generator turbine sendiri dan menggunakan secara bebas tenaga yang boleh diusahakan sendiri menerusi sistem *cogeneration* dan pada masa yang sama akan mendapat dari segi kemudahan-kemudahan sampingan seperti pendinginan dan juga *coolant system* dan juga air bekalan dan sebagainya.

Jadi, ini mungkin ekonominya lebih menguntungkan kita dan memperluaskan kegunaan gas supaya kita tidak hanya bergantung kepada satu sumber iaitu Tenaga Nasional dan apabila *black-out* kah, *brown-out* kah, mereka mempunyai sistem penjanaanya sendiri. Begitu juga, Tuan Yang di-Pertua, syarikat-syarikat besar yang banyak menggunakan gas dan tenaga. Saya difahamkan sebuah syarikat aluminium di Perak yang telah pun diberikan lesen untuk mengusahakan janakuasanya sendiri tetapi ini saya diberitahu menggunakan arang batu, bukan gas. Jadi, mungkin arang batu lebih murah tetapi Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun lebih murah, impaknya kepada alam sekitar lebih teruk. Arang batu merupakan *not environmental friendly*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, kalau kita guna arang batu bererti kita lebih banyak memberikan effect yang *green house gas effect* ini di mana Kyoto Protocol siapa yang mengakibatkan alam sekitar daripada pengeluaran-pengeluaran gas *carbon dioxide* yang terperangkap, menerusi *green house effect* ini, mereka mungkin terpaksa membayar

denda menerusi *carbon credit*. Jadi, kita tidak mahulah Malaysia kalau menggunakan sistem penjana kuasa yang tidak mesra alam, mungkin pada masa akan datang kita dibebankan dengan satu bebanan di mana kita membayar, kalau kita Tuan Yang di-Pertua, *a net producer of carbon dioxide* dan kita tidak ada satu sistem untuk menentukan *oxygen lung* negara kita ini dapat mengimbangkan *carbon dioxide* yang dikeluarkan dengan *oxygen* yang dikeluarkan itu seimbang, kita mungkin kena bayar denda pada masa akan datang.

Jadi, untuk mengurangkan itu, saya rasa arang batu dan bahan-bahan yang tidak begitu mesra alam ini sepatutnya kita kurangkan, kita banyakkan penggunaan-penggunaan secara bersih dan juga nuklear. Saya tidak tahu apa jadi kepada Tun Ismail Nuclear, pusat nuklear yang kita ada dulu. Dulu bukan main apabila kita umumkan, saya ingat lagi Dato' Ghazali yang menjadi Ketua Tun Ismail Nuclear Centre (Pusat Nuklear Tun Ismail), apakah itu untuk kegunaannya sekarang ini. Adakah kita mengkaji?

Saya terbaca dalam surat khabar baru-baru ini, Tuan Yang di-Pertua, bahawasanya sekarang ini mereka telah memikirkan nuklear sebagai sumber tenaga yang semakin mendadak memandangkan ianya lebih jernih, lebih mesra alam. Saya difahamkan dari segi seluruh dunia ini, jumlah kapasiti simpanan yang boleh digunakan untuk tenaga nuklear ini ialah 182,250 metrik tan, yang digunakan hanya 81,616. Jadi, banyak lagi kapasiti ini boleh digunakan. Amerika pun ada, Perancis pun ada, Jepun ada, Kanada ada, Britain, Korea Selatan, Sweden, Jerman, Sepanyol, Belgium dan termasuklah kita dengan Pusat Nuklear Tun Ismail, kalau ia digunakan untuk itu ataupun untuk kajian lain, saya tidak tahu.

Jadi, adakah kemungkinan kita di Malaysia ini memikirkan untuk kegunaan masa akan datang, kuasa daripada nuklear pun kita gunakan. Jadi, kita pelbagai sumber. Gas kita tahu, Tuan Yang di-Pertua, Allah S.W.T memberikan kita banyak. Kita ini terapung atas minyak dan gas. Dunia pun tahu. Brunei pun terapung atas minyak dan gas. Singapura sahaja yang tidak terapung atas minyak dan gas. Indonesia pun terapung atas minyak dan gas. Begitu juga negara-negara Islam di Timur Tengah. Begitu juga negara-negara Islam di Asia Tengah (Central Asia), semuanya terapung.

Soalnya kalau kita gunakan kuasa-kuasa ini sekarang, rizab kita akan menurun. Amerika sekarang, Tuan Yang di-Pertua, ia memang banyak rizab. Ia sekarang ini menengokkan keadaan bagaimana orang lain menggunakan rizabnya.

Ia senyap-senyap sahaja simpan dia punya. Ini satu perkara yang patut diteliti. Kita bimbang negara-negara Arab mengeluarkan minyak berjuta-juta tan terutama Saudi Arabia, minyak dan gas dia keluarkan, berebut-rebut hendak mengeluarkannya. Selepas itu, huru-harakannya kawasan di sana, harga minyak meningkat, turun, dia keluarkan lagi banyak minyak, meningkat lagi. Jadi, kita ini dipermain-mainkan. Pasaran minyak dan gas ini dipermainkan oleh politik antarabangsa tanpa kita sedari dan senyap-senyap, negara ini simpan dia punya rizab. Dia simpan sahaja. Apabila negara kita habis punca tenaga, minyak, gas dan sebagainya, mereka pun mengeluarkan hak dia.

Ini, Tuan Yang di-Pertua, Presiden Bush amat agresif dari segi cuba untuk mengeluarkan tenaga menerusi minyaknya sendiri iaitu di Alaska dan cuba hendak buat satu *exploration* di sana. Jadi, menunjukkan rizab di Amerika ini sebenarnya amat besar dari segi punca tenaga tetapi dia membiarkan negara-negara seperti kita ini berlumba-lumba mengeluarkan hasil bumi yang pada satu ketika terhakis dan pada waktu itulah kita tidak mempunyai tenaga yang berpunca dari segi gas, minyak dan sebagainya.

Jadi, kita kena berhati-hati merancang dan saya minta perancangan kerjasama antara negara Malaysia dengan negara-negara jiran dapat diteruskan dengan sebaik mungkin dan menggunakan secara efisien tenaga yang diberikan daripada Allah S.W.T. ini kerana ianya berasaskan satu sumber yang boleh dihakis dan terhakis. Jadi, kita kenalah berhati-hati.

Jadi, saya hendak tahu berapa rizab gas kita sekarang ini? Adakah ianya mencukupi untuk cucu cicit kita pada masa akan datang ataupun hari esok sudah hendak habis, kita tidak tahu. Jadi, adakah kita mengeksport sekarang ini dengan begitu banyak menerusi Petronas Cagali sehingga kita lupa bahwasanya ianya pada satu ketika nanti akan pupus dan waktu itu hanyalah matahari ada pada kita, angin ada pada kita, Terengganu, Kelantan dan Pahang pun ada angin. Pantai Barat pun berangin, jadi gunakanlah sumber-sumber ini seperti yang saya nyatakan tempoh hari, tenaga-tenaga baru termasuklah hampas *biomass* dari kilang-kilang kelapa sawit yang tidak digunakan sekarang ini.

Saya difahamkan bahawa 0.95% sahaja di mana sumber tenaga berasaskan kepada *biomass*. Jadi, *biomass* juga patut kita terokai sebagai sumber yang boleh menggalakkan kita berjimat untuk mengurangkan kegunaan sumber-sumber yang boleh terhakis pada masa akan datang. Saya menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Safinah.

### 3.13 ptg.

**Puan Safinah binti Jusoh:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya turut sama menyentuh Akta Bekalan Gas (Pindaan) 2001.

Tuan Yang di-Pertua, dahulu kita mendengar betapa nikmatnya rakyat negeri jiran kita iaitu Brunei mendapat bekalan saluran gas dan lebih-lebih lagi bekalan itu dihantar dengan percuma kepada pengguna-penggunanya. Sekarang dengan penemuan sumber-sumber gas di Malaysia sendiri, perkhabaran di sana akan menjadi satu realiti pula kepada pengguna kita sendiri di Malaysia ini.

Namun begitu, adalah diharapkan pemasangan sesalur gas ke rumah-rumah pengguna adalah benar-benar selamat dan tidak memerlukan *gadget* tambahan, dengan izin, bagi menjamin taraf keselamatan yang sebenar seperti yang berlaku di atas penggunaan gas silinder iaitu *cooking gas*, dengan izin, yang mana bagi para pengguna yang mahu selamat benar-benar ada ejen-ejen yang datang membuat promosi menjual alat-alat tersebut. Dengan itu, saya mencadangkan supaya satu garis panduan keselamatan pemasangan sesalur gas hendaklah diwujudkan.

Juga di sini, saya ingin menyentuh berhubung dengan seksyen baru 4A iaitu disebutkan bahawa pegawai diberi satu kuasa untuk masuk menyiasat dan mendakwa. Jadi, di sini saya ingin tahu apakah kesalahan-kesalahan yang boleh diberikan kuasa kepada pegawai-pegawai ini untuk membuat tindakan.

Sekian, saya menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, sila menjawab.

### 3.15 ptg.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Douglas Unggah Embas]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada beberapa Ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan, cadangan dan idea kepada rang undang-undang ini, mereka adalah Yang Berhormat Dato' Dr. T. Marimuthu, Yang Berhormat Dato' Dr. Chin, Yang Berhormat Dato' Charern, Yang Berhormat Siti Zailah, Yang Berhormat Puan Jamilah, Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz dan Yang Berhormat Safinah.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa perkara telah disentuh dan beberapa isu telah dibangkitkan termasuk untuk meminta beberapa data. Pada petang ini saya

tidak berhasrat untuk menjawab semua soalan tetapi semua perkara tersebut akan diambil perhatian oleh kementerian dan data-data yang kita tidak sampaikan petang ini, kita akan sampaikan kepada yang berkenaan secara bertulis. Tuan-tuan dan puan-puan - sorry, Yang Berhormat Datuk, inilah sibuk berkempen - mengikut rekod kita kemalangan gas yang dilaporkan dari 1993 hingga 2001 adalah sebanyak 25 kes yang serius dan kebocoran yang telah dilaporkan kepada jabatan. Antara kejadian-kejadian tersebut ialah kebocoran merupakan 30%, kerja pihak ketiga 26%, pelepasan tidak sengaja 22%, 'ketepatan' hakisan 9%, salah guna peralatan 9%, blocken merbahaya 4%. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, tepatlah apabila beberapa Yang Berhormat telah menyentuh mengenai menekankan bahawa masalah keselamatan haruslah dititik beratkan oleh Suruhanjaya ini.

Maka untuk menjawab beberapa soalan mengenai ini, yang pertama mengenai kualiti paip. Kualiti paip yang dipasang akan ditentukan dengan ketat di bawah Akta Bekalan Gas, ianya termasuk mengawal kod-kod reka bentuk yang digunakan, mengawal semua pekerja terlibat dalam pembinaan, penyelenggaraan dan pembaikan sistem paip melalui perakuan. Kita juga menguasai semua kontraktor melalui pendaftaran kontraktor gas. Kita juga mengawal selai syarikat pembekal gas melalui pengeluaran lesen pembekal gas serta meluluskan syarikat yang terikat dengan mengilang, memasang dan mengimport barang-barang.

Tuan Yang d-Pertua, kajian juga keselamatan ke atas laluan paip yang menyeluruh dan detail perlu dibuat dan ini adalah beberapa cara untuk menentukan keselamatan paip-paip tersebut. Sebelum sesuatu projek reka bentuk dan diluluskan selaras dengan kehendak kod antarabangsa yang digunakan oleh pihak penguasa akta ialah American Standard National Institute, dengan izin B31.8 dengan kod MS 830 Sirim.

Tuan Yang di-Pertua, ada persoalan mengenai kompaun tadi mengapa ia terhad kepada 50% daripada amaun yang didenda maksimum. Had ini dilakukan kerana di dalam mengenakan kompaun seseorang itu belum dibuktikan dalam mahkamah sebagai pesalah tetapi secara munasabah disyaki telah melakukan kesalahan dan waran kompaun dibuat kepada orang yang disyaki melakukan kesalahan ini. Jika dia mahu mengaku telah melakukan kesalahan mesti membayar kompaun tersebut dan dia tidak perlu menunggu tuduhan. Had maksimum 50% kompaun merupakan amalan yang biasa dilakukan dalam kebanyakan perundangan di Malaysia pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan membekal gas ke negara-negara jiran buat masa ini gas di eksport ke Singapura sejak tahun 1990. Pada masa hadapan kita berharap terbina rangkaian Trans ASEAN Gas Supply, urusniaga gas antara negara-negara ASEAN akan lebih berkembang.

Tuan Yang di-Pertua, soalan mengenai apakah rasionalnya dibuat oleh kerajaan untuk tidak mendaratkan gas di Kelantan, perkara ini sentiasa dan beberapa kali dijelaskan di Dewan ini dan bagi kerajaan ianya tidak mengetepikan kepentingan mana-mana pihak, lebih-lebih lagi tidak menge tepikan kepentingan rakyat Kelantan kerana rakyat Kelantan juga rakyat Malaysia. Tetapi keputusan ini dibuat berdasarkan bahawa projek ini adalah kerjasama antara Malaysia dan Thailand dan ianya harus dibina untuk kepentingan bersama.

Mengenai cadangan penggunaan sistem cogeneration di sektor komersial dan industri yang dicadangkan oleh Dato' Abdul Aziz tadi Yang Berhormat, konsep cogeneration ini sedang digunakan KLIA, KLCC dan Putrajaya. Sektor industri di kilang-kilang konsep ini semakin meluas digunakan untuk meningkatkan kecekapan pengguna tenaga dari 40% hingga 70%.

Mengenai soalan rizab gas kita, rizab gas asli negara adalah kira-kira 84.2 trilion kaki persegi pada tahun ini. Jumlah ini terdapat di luar pantai Sarawak Semenanjung dan di Sabah.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dan segala perkara yang saya belum jawab tadi, kita akan mengambil perhatian oleh kementerian. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

**Fasal 1 hingga 27 -**

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Pengerusi, saya hendak bertanya berkenaan pindaan seksyen 1, Fasal 3 (b) "Dari sambungan pengisian

*tangki atau slender pengstoran yang digunakan khusus bagi penyeliratan atau penghantaran gas ke mana-mana radas di mana-mana premis.”.* Sebenarnya saya tidak berapa faham dengan perkataan ‘radas’. Walau bagaimanapun, cuba jelaskan sedikit kerana terlalu teknikal sangat perkataan ini, dari segi (b) itu.

**Datuk Douglas Unggah Embas:** Tuan Pengerusi, ini adalah satu panduan di mana ianya untuk memberi penerangan mengenai sambungan dari pengisian tangki atau slender pengstoran yang diguna khusus bagi penyeliratan dan ini adalah nama-nama alat perkakas gas yang digunakan, disambung ke rumah-rumah.

**Fasal 1 hingga 27** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan, dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN (PINDAAN) (NO.2) 2001

### Bacaan Kali Yang Kedua

**3.25 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan dibacakan kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi negara memerlukan Perlembagaannya dipinda. Ini bukanlah kerana sengaja hendak meminda undang-undang yang sepenting Perlembagaan Persekutuan. Sebenarnya sudah timbul beberapa keadaan yang memerlukan kita membuat perubahan dasar tentang beberapa perkara pokok. Tepat benarlah ungkapan lama iaitu sekali air bah, sekali pula pantai berubah, tetapi perubahan itu adalah perubahan yang memperbaiki negara dan yang memaparkan kepentingan rakyat. Kerap kali perubahan dasar berkait rapat dengan undang-undang tubuh sesebuah negara itu. Sesungguhnya undang-undang tubuh atau perlembagaan sesebuah negara itu tidak statik malah ini harus

mengalami perubahan ke arah yang lebih sempurna, ke arah keadaan yang lebih baik dari masa ke semasa.

Negara telah merdeka lebih 43 tahun dan selama itulah Perlembagaan Persekutuan telah dipinda sekitar 36 kali secara amnya termasuk pindaan terakhir tahun ini yang mewujudkan Putrajaya sebagai sebuah lagi Wilayah Persekutuan. Pada kali ini pula sejajar dengan perkembangan dan kemajuan negara, perkara-perkara berikut adalah mendapat perolahan beberapa pindaan Perlembagaan yang dikemukakan bagi dipertimbang dan diluluskan oleh Dewan yang mulia ini. Antara beberapa perkara yang penting itu ialah:-

- (i) memberi peluang kerja sosial atau perkhidmatan terawas kepada banduan;
- (ii) kesamarataan bagi hak wanita dari segi undang-undang;
- (iii) memperjelaskan kesahihan status pemilih;
- (iv) memperakukan *tenure*, dengan izin atau pelunasan tempoh khidmat yang berterusan bagi seseorang Senator atau Ahli Dewan Negara;
- (v) pemberian status sepenuh masa ganjaran dan kedudukan yang setimpal kepada Tuan Yang di-Pertua serta Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Dewan Rakyat;
- (vi) memperkasakan Bahasa Melayu sebagai bahasa undang-undang sahih bagi Akta Parlimen termasuk Perlembagaan Persekutuan;
- (vii) menambah bilangan anggota Suruhanjaya Pilihan Raya atau (SPR) dan beberapa aspek kecil yang bersifat turutan atau *consequential*, dengan izin;
- (viii) memperjelaskan takrif 'kelayakan mengundi' bagi mereka yang mencapai umur 21 tahun serta kesan permohonan yang dibuat sendiri oleh seseorang pemilih semasa namanya hendak didaftarkan atau semasa bila ia hendak pindah dari satu kawasan ke kawasan pilihan raya yang lain;
- (ix) menyelaras tempoh khidmat bagi seseorang Setiausaha Dewan Rakyat dan Dewan Negara supaya selaras dengan dasar kerajaan berkaitan persaraan wajib apabila mencapai had umur yang tertentu dan beberapa aspek pindaan turutan

atau pindaan *consequential* yang lain berkaitan dengan jawatan Ketua Turus Tentera.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang izinkan saya menghuraikan butir-butir pindaan yang dimaksudkan itu. Perkara 6 Perlembagaan Persekutuan sekarang ini hanya memperuntukkan bahawa kerja yang bersampingan dengan hukuman pemenjaraan sahaja yang tidak dikira sebagai kerja paksa atau *force labour*, dengan izin.

Oleh yang demikian, undang-undang yang membolehkan mahkamah memerintahkan seseorang pesalah melakukan kerja seperti khidmat masyarakat tidak dapat diperbuat. Untuk menghapuskan halangan ini dicadangkan supaya Fasal 3 Perkara 6 Perlembagaan Persekutuan dipinda agar kerja atau khidmat yang dikehendaki dilakukan akibat sesuatu sabitan bersalah yang dijatuhi oleh mahkamah tidaklah dikira sebagai kerja paksa bagi maksud perkara tersebut jika dilaksanakan di bawah pengawasan dan kawalan sesuatu pihak berkuasa awam. Tentunya apabila pindaan ini berkuat kuasa kerajaan akan menghalusi Peraturan-peraturan Penjara 2000 supaya disesuaikan dengan kehendak peruntukan baru ini, misalnya amaun ganjaran atau elau yang kena dibayar kepada seseorang banduan, soal-soal keselamatan dan lain-lain perkara yang mungkin timbul.

Tuan Yang di-Pertua, kedudukan kaum wanita di negara ini sudah lama setanding dengan kaum lelaki. Wanita di Malaysia telah memberikan sumbangan yang sangat besar dalam pembangunan negara dan masyarakat dan dalam pelbagai bidang. Pada masa ini wanita sedia menduduki pelbagai tempat dan ketinggian dalam perjawatan awam. Kerajaan berpendapat sudah sampailah masanya kedudukan seimbang warganegara wanita dengan warganegara lelaki di negara ini dicerminkan dan diperkuuhkan. Pada masa ini Perkara 8(2) Perlembagaan Persekutuan hanya memperuntukkan bahawa di sisi undang-undang hendaklah tidak ada diskriminasi atas bangsa, agama dan tempat lahir. Dengan memasukkan perkataan ‘jantina’ ke dalam Fasal 2 Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan maka sebarang diskriminasi atas alasan jantina akan dengan sendirinya terhenti.

Sesungguhnya Malaysia sudah lama mengamalkan dasar positifnya mengenai hak asasi. Cuma ada segelintir puak yang sentiasa tidak mahu menerima kenyataan bahawa kita sebenarnya sudah jauh lebih progresif dalam soal memberi hak kepada semua kaum, budaya, agama dan pelbagai lagi. Sekarang kaum wanita pula beroleh saham kenegaraan. Memang diakui selepas ini akan

muncul banyak tuntutan agar wanita diberi itu dan ini, menduduki di tempat-tempat tertentu, menerajui sesuatu institusi dan sebagainya. Pokoknya ialah konsep hidup berkongsi adalah hak perlu yang harus diperluaskan.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang mengenai ‘tenure’ atau bidang perkhidmatan yang memakan masa bagi seseorang Yang Berhormat Senator pula. Mengikut peruntukan yang sedia ada, dalam Perlembagaan Persekutuan jika seseorang Senator meninggal dunia atau terhenti memegang jawatan sebelum tamat tempoh penuh jawatan Senator itu maka orang yang dipilih atau dilantik untuk menggantikannya hanya boleh memegang jawatan selama baki tempoh jawatan orang yang digantikannya itu. Pindaan yang dicadangkan dalam Fasal 4 dan 13 rang undang-undang ini akan membolehkan orang yang dipilih itu atau dilantik sedemikian memegang jawatan selama tempoh tiga tahun iaitu tempoh jawatan penuh seseorang Senator.

Kerajaan juga berpendapat bahawa Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat sekarang ini menghadapi beban kerja yang kian bertambah. Oleh itu wajarlah jawatan itu dijadikan semula jawatan sepenuh masa. Bagi maksud itu Perkara 56 dan 57 Perlembagaan Persekutuan wajar dipinda supaya Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat akan berkhidmat sepenuh masa. Dengan pindaan ini segala larangan tentang penglibatan dalam aktiviti perniagaan yang sekarang ini terpakai bagi Yang di-Pertua Dewan Negara dan Dewan Rakyat akan juga terpakai bagi Timbalan mereka. Apabila urusan pindaan ini selesai kerajaan akan mengemukakan pula pindaan kepada Akta Ahli Parlimen (1980) supaya beberapa pindaan mengenai Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan Dewan Negara dikemukakan bagi kelulusan Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang diketahui oleh semua Ahli Yang Berhormat, Setiausaha Dewan Negara dan Setiausaha Dewan Rakyat dilantik dari kalangan anggota perkhidmatan awam Persekutuan. Perkara 65 Perlembagaan Persekutuan menetapkan bahawa mereka tidak lagi memegang jawatan itu apabila mencapai umur 55 tahun iaitu umur persaraan wajib anggota perkhidmatan tersebut. Kerajaan bercadang untuk menaikkan umur persaraan wajib anggota perkhidmatan awam mulai 1 Oktober tahun ini. Oleh itu dicadangkan supaya umur 55 tahun yang disebut dalam Perkara 65 itu digantikan dengan apa-apa umur persaraan wajib bagi

anggota perkhidmatan mereka. Peruntukan dalam pindaan ini digubal dengan sebeginu cara untuk dapat mengelakkan keperluan meminda perkara itu pada masa - masa hadapan seandainya umur persaraan wajib bagi anggota perkhidmatan awam diubah lagi.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Suruhanjaya Pilihan Raya terdiri daripada seorang Pengurus, seorang Timbalan Pengurus dan tiga orang anggota lain, menjadikan lima orang semuanya. Untuk membolehkan Suruhanjaya itu menjalankan fungsi dan tanggungjawab yang diamanahkan kepadanya di bawah Perlembagaan Persekutuan dengan lebih lancar dan mudah lagi, maka dicadangkan supaya Perkara 114 Perlembagaan Persekutuan dipinda agar keanggotaan Suruhanjaya itu menjadi tujuh orang kesemuanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan dipinda dengan menambahkan perenggan baru (c) kepada Fasal 1 perkara tersebut. Perkara itu untuk memperjelaskan bahawa seseorang mestilah telah berdaftar sebagai pemilih dalam sesuatu bahagian pilihan raya tempat dia bermastautin pada tarikh kelayakan sebelum dia boleh mengundi dalam sesuatu pilihan raya.

Di samping itu dicadangkan juga supaya takrif ‘tarikh kelayakan’ dalam Fasal 4 Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan dipinda supaya tarikh kelayakan bukan lagi tarikh yang dengan merujuk kepadanya daftar pemilih yang disediakan atau disemak semula tetapi merupakan tarikh seseorang memohon supaya didaftarkan atau untuk mengubah pendaftaran sebagai pemilih di sesuatu bahagian pilihan raya. Adalah diharapkan bahawa dengan pindaan ini kelincinan urusan pendaftaran pemilih dan perjalanan pilihan raya akan dapat diperingkatkan dan dengan itu juga berkuranganlah sungutan dari segi kesahihan seseorang menjadi pemilih.

Tuan Yang di-Pertua, gelaran jawatan ‘Ketua Tulus Angkatan Tentera’ yang terdapat dalam senarai anggota Majlis Angkatan Tentera dalam perenggan 3 (c) Perkara 137 Perlembagaan Persekutuan sudah digantikan dengan gelaran jawatan ‘Panglima Angkatan Tentera’. Oleh yang demikian, pindaan dicadangkan kepada perenggan itu untuk mengemas kinikan gelaran jawatan yang berkenaan. Fasal 10 rang undang-undang ini yang mengandungi pindaan ini juga mengandungi peruntukan yang bertujuan untuk mengesahkan apa-apa tindakan yang mungkin telah diambil dengan menggunakan gelaran jawatan Panglima Angkatan Tentera sebelum pindaan yang dicadangkan ini mula berkuat kuasa.

Tuan Yang di-Pertua, ketika ini Perlembagaan Persekutuan dicetak semula dari semasa ke semasa oleh pencetak kerajaan dengan kuasa daripada Pesuruhjaya Penyemak Undang-undang mengikut Akta Penyemakan Undang-undang 1968. Walau bagaimanapun, memandangkan bahawa Perlembagaan Persekutuan adalah undang-undang tertinggi Persekutuan, sudah sepatutnya satu peruntukan yang khusus bagi percetakan semula sedemikian dimasukkan ke dalam Perlembagaan itu sendiri. Bagi maksud itu, saya mencadangkan supaya satu peruntukan baru iaitu Perkara 160A dimasukkan ke dalam Perlembagaan Persekutuan. Pindaan itu terkandung dalam Fasal 11 rang undang-undang ini. Walau bagaimanapun salinan yang dicetak semula di bawah Akta Penyemakan Undang-undang 1968 akan terus menjadi teks sahih Perlembagaan Persekutuan sehingga digantikan oleh salinan yang dicetak semula di bawah Perkara 160A yang dicadangkan ini. Selain Perkara 160A itu dicadangkan juga supaya perkara baru 160B dimasukkan ke dalam Perlembagaan Persekutuan. Perkara baru 160B yang dicadangkan itu akan membolehkan Yang di-Pertuan Agong menetapkan terjemahan Bahasa Kebangsaan Perlembagaan Persekutuan sebagai teks sahih.

Dengan cadangan itu, Jadual Kesebelas kepada Perlembagaan Persekutuan juga perlu dipindah untuk memotong Seksyen 46 Ordinan Tafsiran dan Fasal-fasal Am 1948 yang menjadikan teks Bahasa Inggeris sebagai Perlembagaan Persekutuan teks yang sah. Dengan lain perkataan, apabila percetakan ulangan yang disahkan oleh pihak berkuasa maka Bahasa Melayu akan menjadi bahasa yang sah dalam teks-teks undang-undang negara pada dekad-dekad dan juga tahun-tahun akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, dengan hormatnya saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Abdul Aziz Shamsuddin]:** Saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis adalah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan dibacakan kali yang kedua dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz.

### 3.43 ptg.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak kerajaan kerana telah pun dapat

menggubal beberapa pindaan kepada Akta Perlembagaan (Pindaan) No. 2 2001 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi.

Saya awal-awal lagi mengucapkan tahniah kerana di Dewan Rakyat baru-baru ini, pindaan-pindaan ini diluluskan oleh semua pihak termasuk ahli-ahli parti pembangkang dan ini merupakan sejarah bagi saya dan bagi Dewan ini juga kerana menunjukkan apa yang kerajaan buat adalah semata-mata bagi kepentingan rakyat dan kepentingan negara. Tidak ada, Tuan Yang di-Pertua, agenda politik yang dimaksudkan di dalam pindaan-pindaan sungguhpun pihak kerajaan mempunyai kuasa mutlak kerana telah pun mendapat 2/3 daripada jumlah Ahli-ahli Dewan Rakyat.

Mohon izin, Tuan Yang di-Pertua, *notwithstanding* 2/3 pun pihak kerajaan tidak secara melulu mengubah Perlembagaan. Jadi inilah sebenarnya keikhlasan kerajaan Barisan Nasional apabila membuat sesuatu perkara memikirkan tentang keperluan semasa, tentang perubahan semasa bagi menentukan semuanya ini dapat dicerminkan dan memang benar kata Yang Berhormat Menteri tadi setiap air bah, maka pasir berubah. Tetapi sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, bukan lagi sekarang ini air bah dalam Bahasa Inggerisnya *sea change*, pertukaran laut, begitu besar perubahan dari segi zaman dengan wujudnya globalisasi, dengan wujudnya liberalisasi tetapi kita melihat kerajaan tidak mengubah dengan sewenang-wenangnya bahkan mengubah mengikut peringkat-peringkat dan ditentukan oleh keperluan semasa, ia tidak mendadak.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan tahniah kerana beraninya pihak kerajaan terutama sekali dalam Perkara 8, Fasal 2, "keturunan atau tempat lahir" ditambah dengan perkataan "*jantina*". Jadi, kalau-lah parti PAS misalnya di Dewan Rakyat meluluskan ini, bererti kita semua gembira kerana pilihan raya yang akan datang, insya-Allah 2004, calon-calon wanita pun terpaksa dipertimbangkan dan sahabat-sahabat saya di hadapan mungkin menjadi calon berasaskan kepada sumbangan yang telah mereka buat di Dewan Negara ini begitu baik sekali, tidak mengkritik kerajaan secara sewenang-wenangnya tetapi memberikan buah pemikiran yang luas, yang boleh digunakan secara positif.

Jadi, perkara semacam ini saya minta Ketua Parti Pembangkang sekarang ini, yang terdiri daripada PAS menimbangkan perkara semacam ini kerana kalau tidak, kalau mereka mengatakan kerana dia perempuan, kerana dia wanita tidak

boleh bertanding, bercanggah dengan perlombagaan yang diluluskan sendiri oleh pembangkang pada tempoh hari.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya kepada pihak kerajaan. Kalau sekiranya wujud lagi perkara-perkara yang melanggar peraturan dan perundangan seperti yang termaktub dalam perlombagaan ini, iaitu jantina, adakah mungkin class action dengan izin, iaitu wanita, dia sebagai satu kumpulan, dia mengambil tindakan mahkamah kepada pemimpin-pemimpin parti yang tidak membenarkan wanita bertanding semata-mata berasaskan kerana mereka itu tidak serupa dia, tidak serupa lelaki, mereka itu wanita. Dia tidak fikir bijaknya orang itu, berpengalamannya dengan rakyat jelata tetapi semata-mata wanita, tidak dapat bertanding. Jadi, saya minta Tuan Yang di-Pertua, pihak parti pembangkang mestilah berwaspada dengan tuntutan perlombagaan pada masa akan datang dan tidak membuat perkara-perkara yang bercanggah seperti mendiskriminasikan wanita dalam apa bidang sekali pun kerana wanita sebenarnya, mempunyai kemampuan tersendiri yang setanding dengan lelaki.

Saya lihat daripada segi sejarah Tuan Yang di-Pertua, daripada segi pendidikan, kalau pada tahun 1957, 1960, lelaki yang masuk dalam pendidikan ialah 77.8%, perempuan hanya 22.2% tetapi ianya berkembang daripada tahun 1957, 1960, ia meningkat. Daripada tahun 1977, lelaki menurun sampai 1996 hingga 1998, hanya 47.3% sahaja lelaki, 52.7% wanita di dalam arus perdana pendidikan. Di universiti pun begitu. Kita lihat di peringkat universiti sekarang Tuan Yang di-Pertua, wanita melebihi lelaki, rationya, nisbahnya mungkin antara 60:40. Saya pun rasa malu sebagai seorang lelaki melihatkan keadaan yang amat mencemaskan. Jadi, tidak hairan kalau kita pergi ke bank, kita lihat CEO, sahabat saya Ivon Chea, CEO RHB. Kalau kita pergi ke Bank Negara, Tan Sri, siapa nama dia? Lupa dah. *[Bertanya kepada Ahli Yang Berhormat di belakangnya] [Ketawa].*

**Tuan Yang di-Pertua:** Zetty.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Zetty, anak Profesor Ungku Aziz, Tan Sri Zetty Akhtar, KSU.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Attorney General.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Attorney General, wanita.

**Tuan Yang di-Pertua:** Solicitor General.

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** *[Bangun]*

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Solicitor General, wanita. Wakil PAS daripada Kelantan di sini, wanita. [Ketawa]

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat.

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Dato' Abdul Aziz. Saya rasa kami, wanita dalam PAS ini, kalau *dimotivate* macam mana pun, dia ada pendirian dia sendiri. [Ketawa]. Pertama, saya ingin bersamalah dengan Dato' Abdul Aziz memperlihatkan budaya dalam Islam dan keharmonian yang cukup tinggi. Berlaku satu peristiwa di zaman Rasulullah SAW, iaitu Qaulah dan Aus. Aus ini suaminya, Qaulah ini isterinya. Jadi, dalam memahami situasi yang belum ada lagi pengetahuan, knowledge dalam lembaran Al-Quran itu, maka suaminya mengatakan kepada isterinya, "*kamu ini seumpama ibu aku*" dalam menyifatkan anggota isterinya. Jadi, Qaulah bimbang sebab Aus menyamai sebahagian daripada anggota beliau, anggota isterinya dengan emaknya. Jadi, Qaulah terus pergi mengadu kepada Rasulullah SAW dan Allah menurunkan jawapan yang dinamakan itu hukum zihar, tidak boleh menyamai sebahagian anggota isteri dengan suami.

Jadi, apa yang saya hendak perlihatkan di sini bahawa Allah menjawab spontan suara wanita itu. Permasalahan itu berlaku antara lelaki dengan perempuan. Di sini, maknanya Islam telah memperkasakan wanita itu daripada awalnya lagi dan juga peristiwa yang kedua, untuk knowledge kita bersama berlaku kepada Saidina Umar r.d., sahabat Khalifah yang kedua, senarai ahli syurga. Pernah wanita Ansar menegur Saidina Umar, "*Ya Umar, jangan mengambil hak kami di dalam menentukan mahar*". Maknanya Saidina Umar cuba hendak campur tangan dalam soal mahar, mas kahwin kepada wanita Ansar. Jadi, wanita Ansar menyebut, jangan campur tangan. Ini bermakna suara wanita itu sudah lama diperkasakan. Peristiwa yang ketiga, wanita di zaman Rasulullah SAW diberi peluang bukan setakat di kuliah-kuliah Baginda Rasulullah dalam masjid, hingga ke medan perang sekali pun. Tetapi, masalah dalaman kami yang nampaknya bertubi-tubi Dato' menyerang tadi kerana ini perlembagaan, perubahan untuk hendak menyamakan keadaan dan sebagainya, itu terletak kepada kami wanita PAS. Mungkin kami bersedia jika dipelawa, mungkin kami tidak bersedia jika ditawarkan. Itu adalah hak wanita di dalam PAS itu. Terima kasih.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Terima kasih Yang Berhormat Puan Jamilah. Saya hairanlah, maknanya di dalam contoh-contoh yang diberi, semuanya

bersetuju, menunjukkan bahwasanya wanita mempunyai suara yang didengar tetapi suara itulah juga yang kita minta dapat didengar oleh Presiden PAS pada masa-masa yang akan datang di dalam kegiatan-kegiatan hendak menjadi calonkah, hendak bekerjakah. Ini kalau hendak disebut Tuan Yang di-Pertua, hanya wanita yang cantik molek sahaja boleh bekerja, itu bukan suruhan Tuhan, rasa saya kerana itu pun sudah mendiskriminasi, yang comel-lote dengan yang tidak comel-lote. Comel-lote Tuan Yang di-Pertua, yang cantik daripada segi sana. Jadi, kita tidak boleh diskriminasi. Jadi, soal ini.....

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** *[Bangun]*

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** ..... kalau penjelasan kemudian sikitlah pasal banyak lagi contoh akan diberikan, tidak sempat saya hendak – banyak lagi ini, sampai 9 bab. Yang diceritakan oleh menteri tadi, saya hendak ulas sedikit demi sedikit sahaja kerana banyak sahabat yang akan memberikan pandangan-pandangan yang lain. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf. Kak, lepas ini, kak ya. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi, di peringkat universiti pun, sudah ramai wanita daripada lelaki. Jadi, perlombagaan ini hanya hendak memberikan pengiktirafan sungguhpun kita telah mengiktiraf. Kerajaan Barisan Nasional telah mengiktiraf awal-awal lagi, pada mula kita merdeka sehingga kini, ramai wanita diberi peluang sampai menjelak kepada profesor-profesor, menjelak kepada peringkat Bangsa-bangsa Bersatu, ada wakil-wakil wanita di sana. Sebenarnya salah seorang daripada Assistant Secretary General adalah wanita daripada Malaysia, human resource, wanita. Saya sudah pernah berjumpa.

Juga sekarang ini, Profesor Mazlan, nama sahaja Mazlan tetapi, dia wanita, pun diberi tempat di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu khusus untuk sains. Dahulu dia menjadi Ketua Pengarah Pusat Sains di sini, sekarang ini, Profesor Dr. Mazlan, wanita itu, telah pun diberi tempat. Tadi, sebelum Dewan ini Tuan Yang di-Pertua, saya ada bercerita sedikit kepada menteri yang bentangkan tadi. Saya kata, suatu ketika dahulu, kita ada seorang High Commissioner, nama dia Tan Sri Zaitun, dia sudah Allahyarham. Jadi, bila nama itu disebut di New Delhi, orang di New Delhi cuba menunggu seorang wanita turun daripada kapal terbang, rupa-rupanya Tan Sri Zaitun. Jadi, nama-nama. Ini soal nama ini tadi. Sungguh pun Zaitun tetapi, lelaki. Jadi, Mazlan ini tadi, dia wanita.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, wanita telah diberi tempat dan baru-baru ini, majalah *Malaysian Business*, "Women Power" *[Menunjukkan majalah Malaysian*

*Business]* ia tunjuk gambar-gambar wanita telah pun diberi tempat di setiap lapisan. Penguasaan kepada wanita Tuan Yang di-Pertua, jelas. Tidak ada lagi boleh menyangsikan kita daripada segi kerajaan Malaysia yang memberikan peluang kepada wanita sehingga wujud satu kementerian khusus bagi menentukan hak-hak wanita dapat kita jamin dinikmati.

Tetapi Tuan Yang di-Pertua, di dalam akta ini, di dalam akta yang lain, kita juga mohon pihak kerajaan menyelaraskanlah akta-akta berkaitan sungguhpun sudah ada daripada segi pindaan-pindaan kepada Akta Pembahagian Harta Pusaka, Akta Cukai Pendapatan, Akta Keganasan Rumahtangga, sudah ada perubahan-perubahan tetapi, kita hendak menentukan supaya semangat yang menempatkan jantina sebagai satu daripada teras perlembagaan kita yang kita tidak wujudkan diskriminasi dapat juga dicerminkan dalam akta-akta yang berkaitan di mana wanita dan perempuan diberikan tempat yang sama juga.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya juga amat berterima kasih kepada pihak kerajaan kerana menyentuh tentang Ahli-ahli Senator, Ahli-ahli Dewan Negara. Ahli-ahli Dewan Negara Tuan Yang di-Pertua, ramai sahabat saya sebelum wujudnya pindaan perlembagaan ini terpaksa bersara sebelum habis tempoh kerana menyambung, bukan sahaja Ahli-ahli Senator yang meninggal dunia tetapi, Ahli-ahli Senator yang berhenti kerana menjadi calon untuk pergi ke Dewan Rakyat, bila dia sambung, dia hanya dapat memenuhi sebahagian daripada masa yang belum dihabiskan oleh bekas Ahli-ahli Senator itu. Jadi, kalau dahulu Ahli-ahli Senator yang hanya dapat menghabiskan dua tahun di sini, selepas itu terpaksa pindah atau pindah ke Dewan yang lain, orang yang menyambungnya hanya dapat satu tahun sahaja daripada yang ditinggalkan dan kalau dilantik semula, hanya dapat tiga tahun lagi, jadi empat tahun. Walhal sepenuhnya enam tahun, tiga tahun dengan tiga tahun.

Jadi, dengan adanya pindaan semacam ini, kita merasakan tidak ada Ahli-ahli Dewan Negara yang akan datang yang tersisih daripada memenuhi syarat untuk diberi tanggungjawab menjadi Ahli Dewan Negara selama tempoh dua penggal atau sepenggal sekurang-kurangnya tiga tahun. Pada masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak menyarankan kepada pihak kerajaan. Baru-baru ini kita bertemu dengan Ahli-ahli Senator daripada Filipina. Dia mengunjungi hormat kepada Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara, lima, enam orang dan mengikut sistem di Filipina, ini satu sistem. Banyak lagi sistem yang lain, yang

agak-agak serupa. Di sana, di Filipina, Ahli-ahli Senat boleh bertanding. Di sana bertanding Tuan Yang di-Pertua, sebanyak dua kali. Setiap satu kali, tempohnya enam tahun. Ini bererti, dia boleh menjadi anggota Senat di Filipina selama dua penggal, maknanya 12 tahun. Ahli-ahli Dewan Rakyat, dipanggil di sana Kongres, bertanding maksimum tiga kali, setiap penggal tiga tahun. Tempoh penuhnya 9 tahun, dia tidak boleh sudah menjadi Ahli Kongres. Kalau dia hendak masuk politik lagi, dia kena masuk pula ke Ahli Dewan Negara atau pun Senat dia, macam kita ini. Dia pergi Senat, pergi Kongres dan sebagainya.

Saya berpendapat Tuan Yang di-Pertua, untuk memberikan keseimbangan daripada segi masa yang boleh kita samakan, mencadangkanlah supaya Ahli-ahli Dewan Negara diberi satu tempoh sekurang-kurangnya lima tahun, kalau tidak enam tahun satu penggal. Jadi, kalau maksimum dua penggal, bererti dia boleh menjadi Ahli Dewan Negara setinggi-tingginya 12 tahun, kalau 6 tahun sepenggal. Selepas itu, tidak ada lagi dah. Jadi ini Tuan Yang di-Pertua, boleh menentukan Ahli-ahli Dewan Negara berterusan sungguhpun sudah wujud pilihan raya dua, tiga kali di peringkat Dewan Rakyat. Maknanya dia boleh menentukan supaya wujudnya satu kesinambungan yang berterusan sekurang-kurangnya 12 tahun di Dewan Negara. Maknanya Dewan Rakyat pukul rata, sungguhpun lima tahun setiap pilihan raya, pukul rata empat tahun. Maknanya bolehlah dua kali pilihan raya di bawah sana dan di sini, mereka terus menjadi Ahli Dewan Negara untuk meneruskan kesinambungan pengurusan legislative di negara kita.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang Ketua Turus Tentera yang kini akan dipanggil Panglima Angkatan Tentera. Saya mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua, setiap ketua perkhidmatan, kita ada tiga cabang angkatan, tentera darat, angkatan laut, angkatan udara. Jadi, sekarang ini, kalau dahulunya Tuan Yang di-Pertua, hanya Ketua Panglima Angkatan Tentera, Chief of the Army, Ketua Angkatan Tentera yang diberi menjadi Full General, empat bintang dan Ketua Turus Tentera, Chief of the Arm Forces, yang juga daripada angkatan tentera, army pun dapat empat bintang.

13 OGOS 2001

Jadi, dalam kumpulan-kumpulan angkatan tentera, dua orang sahaja yang boleh mendapat empat bintang iaitu:-

- (1) Chief of the Armed Forces atau Ketua Turus Angkatan Tentera;
- (2) Chief of the Army.

Tetapi kini - ini kita ucap terima kasih kepada pihak kerajaan - ketua di peringkat tentera laut, tentera udara dan tentera sendiri pun semuanya empat-empat bintang belaka. Bererti mereka ini berpeluang untuk dilantik sebagai panglima angkatan tentera dan tidak semestinya terikat hanya kepada tentera atau army sahaja.

Jadi saya minta pihak kerajaan menimbangkanlah dalam kecanggihan ketenteraan di mana kita ada wujud cyber war dan sebagainya, pemikiran lebih penting daripada kudrat, ilmu pengetahuan lebih penting daripada muscles. Jadi, kita perhatikan kecanggihan angkatan udara, angkatan laut dan juga angkatan tentera meningkat. Soalnya sekarang, apabila kita pilih siapa hendak jadi panglima angkatan tentera mestilah kita buka peluang ini kepada ketiga-tiga cabang angkatan tentera, angkatan laut dan angkatan udara. Dan perkara ini berlaku Tuan Yang di-Pertua: Di Amerika ada giliran, di Great Britain ada giliran, di Australia ada giliran, di mana kadangkala angkatan tentera chief dia dipanggil "Chairman of the Joint Defence Forces". Kadang-kadang ketua udara, kadang-kadang ketua laut mendapat peluang untuk mengetuai. Saya lebih suka dari segi perkataannya dalam bahasa Inggeris kerana Chief of the Defence Forces ada bezanya, Tuan Yang di-Pertua, dalam bahasa Inggeris. Kalau ikut perlombagaan ini, the Chief of the Armed Forces staff dulunya dan sekarang kita panggil "Chief of the Defence Forces", tetapi kalau bahasa Inggerisnya dia serupa sahaja tentera. Panglima Angkatan Tentera yang dulunya dipanggil Ketua Turus Angkatan Tentera ini untuk kedua-dua tentera iaitu tentera dari segi tentera darat, tentera laut, tentera betul juga tentera ya, tetapi defence itu tidak ada. Mungkin kalau direct translation, mohon izin Tuan Yang di-Pertua, kita panggil dia "Chief of the Armed Forces" atau "Chief of the Defence Forces" maknanya ketua anggota-anggota pertahanan atau semacam itulah. Saya tidak tahu dari segi translation. Maknanya kalau hendak membezakan, ini mungkin menaikkan lagi semangat. Jadi bukan lagi tentera laut dan sebagainya tetapi defence forces.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang sama, saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana memberikan perhatian khusus kepada pengurusan pilihan raya. Terlalu banyak yang dipertikaikan termasuklah satu kes di Likas misalnya terpaksa terbatal kerana ada keputusan mahkamah mengatakan banyak pengundi-pengundi hantu dan sebagainya, tetapi syukur alhamdulillah rupanya kerajaan Barisan Nasional bukan menang kerana pengundi hantu. Kalau

tengok di by-election baru-baru ini, pilihan raya kecil baru-baru ini di Likas majoriti lebih banyak dan orangnya sama. Teck Lee pun sama. Teck Lee, ya, ...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yong Teck Lee.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Yong Teck Lee yang sama. Calon sama, majoriti 7000 lebih. Orang yang sama. Jadi bukan kerana wujudnya - seperti yang ditorohmah - wujudnya pengundi-pengundi hantu yang berdaftar secara dimanipulasi oleh mana-mana pihak. Tidak.

Dan saya menganggapkan kalau boleh dibuat secara automatik, apabila seseorang itu, Tuan Yang di-Pertua, dia kalau ikut pendaftaran bila lahirnya seorang itu. Akan datang saya mengharapkan terus wujud satu code number kepada bayi itu, code dia. Maknanya kita tengok sekarang ini kita ada kad pintar. Sepatutnya kad pintar itu seterusnya mewujudkan berasaskan tarikh lahir dan sebagainya sebagai kod yang central, yang pokok, lepas itu tokok tambah dari segi undi, dari segi kawasan, dari segi lesen memandu dan sebagainya, kita tambah-tambah daripada core daripada pusat, daripada pokok kod yang diwujudkan pada hari dia dilahirkan.

Jadi termasuklah bila sampai 21 tahun dia automatik sahaja jadi pengundi. Jadi ini senang. Dan kalau dia meninggal rekod orang yang meninggal pun ada. Jadi dia boleh flush out, boleh dikeluarkan sahaja. Dan umur 12 tahun kalau dia tidak meninggal lagi dia dapat IC dan sebagainya. Sampai umur 21 terus kita berikan kad baru. Orang yang 21 ke atas ini kad dia mungkin warna biru atau warna kuning, pasal dia sudah bebas dan boleh mengundi sebagai individu. Kita ini, Tuan Yang di-Pertua, kalau ikutkan orang putih dulu bila anak dia lahir sampai 21 tahun dia berikan kunci. Ini budaya barat. Kononnya pada sebelum 21 tahun orang ini terkunci. Bila sampai 21 tahun gadis atau lelaki boleh buka kunci itu dan jadi bebas. Jadi kita tunjukkan warna berbeza, ID itu maknanya kalau ada ID warna itu dia sudah tersenarai secara automatik sebagai pengundi untuk menentukan pucuk pimpinan negara seperti yang ditentukan oleh pengundi-pengundi di Likas dan di seluruh negara kita.

Dan anggota-anggota ini, Tuan Yang di-Pertua, kerana kita dapati kawasan kita ini kawasan pilihan raya, saya pun hendak bertanya sedikit kalau konsep dari segi timbang tara atau weightage, dari segi penumpuan yang diberi bukan sahaja kepada jumlah pengundi tetapi keluasan kawasan ataupun tahap pencapaian pembangunan sesuatu kawasan. Jadi saya tidak tahu apakah ciri-ciri yang diambil

perhatian oleh pihak Suruhanjaya Pilihan Raya bagi menentukan setiap kawasan pilihan raya peringkat Parlimen atau negeri. Kalau hanya bergantung kepada pengundi-pengundi bererti kawasan-kawasan yang luas macam negeri Pahang tetapi tidak ramai penduduk maka tidak ramailah orang yang boleh menjadi wakil. Kawasan-kawasan itu memerlukan pembelaan yang lebih kerana tahap pembangunannya belum sampai kepada tahap yang boleh dibanggakan.

Begitu juga Sabah dan Sarawak kawasannya luas. Pengundi tidak ramai tetapi masalah pembangunan masih wujud kalau dibandingkan dengan masalah-masalah di dalam bandar yang berbeza, pembangunan sudah cukup. Yang tidak cukup kemungkinan infrastruktur sosial yang boleh mengurang dan meredakan nisbah crime dan sebagainya. Jadi, saya hendak tahu daripada pihak kerajaan apakah peratusan weightage yang diberikan kepada input yang lain selain daripada jumlah pengundi, semoga setiap lapisan masyarakat yang paling mundur, yang jauh dapat juga mempunyai wakil-wakil yang effective yang ramai sikit. Kerana kalau kita biarkan seorang wakil rakyat, Tuan Yang di-Pertua, untuk menjaga satu kawasan - saya pernah menjadi Adun di negeri Pahang - pada waktu itu saya hendak pergi ke kawasan saya, saya kena pergi ke Negeri Sembilan dahulu, pasal saya mewakili Bera. Datuk Long Jidin tidak ada di sini? Kawasan ini orang asli pun banyak. Tidak ramai, tetapi ramai orang di FELDA. Saya terpaksa melintas Negeri Sembilan (kawasan Yang Berhormat) nun hendak pergi ke Temangau misalnya. Kena melintas begitu. Maknanya luasnyalah. Dan saya ingat kawasan saya waktu itu sebesar Melaka, lebih besar daripada Melaka dari segi kawasan. Jadi takkanlah Bera, sebagai satu contoh, mempunyai seorang wakil. Sekarang ini dipecahkan termasuk Bera, Triang dia ambil sikit selepas itu buat yang baru dinamakan Guai.

Jadi begitu juga di kawasan-kawasan Parlimen. Pahang pun luas. Jadi saya minta jawatankuasa yang ditambah daripada 5 ke 7 ini dapat memberikan pemikiran baru, input baru hendak menentukan wakil-wakil yang mewakili kawasan-kawasan pedalaman ini dapat dipertingkatkan jumlahnya kerana dari segi pembangunan mereka memerlukan aspek pembangunan ini dengan lebih daripada orang-orang yang telah pun maju. Tuan Yang di-Pertua, pertimbangan-pertimbangan baru saya minta kalau dapat diberi oleh ahli jawatankuasa yang ditambah ini untuk menentukan kawasan-kawasan pilihan raya yang baru, bukan sahaja ahli-ahli pengundi yang dititikberatkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana memberi peluang wujudnya Timbalan-Timbalan Yang di-Pertua sepenuh masa kerana sebenarnya tugas-tugas Timbalan Yang di-Pertua bertambah. Dan ucapan tahniah kepada Timbalan Yang di-Pertua hari ini kerana apabila lulus sahaja ini Timbalan Yang Di-Pertua tidak lagi buat benda lain hanya ditumpukan sepenuh masa, gaji pun meningkat - saya difahamkan - dengan segala-galanya meningkat sepenuh masa untuk menguruskan dari segi pentadbiran Dewan kita. Sungguh- pun kita hanya sekali-sekala ataupun dalam masa setahun 2, 3, 4 kali bertemu di sini kerja-kerja lain pun banyak bagi menyiap sediakan dengan lancarnya kegiatan-kegiatan Dewan dan kita mengharapkan Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja Timbalan Yang di-Pertua dipertimbangkan untuk sepenuh masa tetapi memikirkan dari segi anggota-anggota Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

Sebenarnya dalam satu lawatan, kita ke Jepun atas undangan kerajaan Negeri Jepun. Saya amat berterima kasih kepada kerajaan negeri Jepun kerana mengundang salah seorang daripadanya saya yang diketuai oleh Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara. Kita tengok ahli-ahli Dewan Negara dia mempunyai research staff bila dia bermesyuarat macam kita bermesyuarat ini Malaysia. Di situ senator-senator Jepun, di belakang senator-senator Jepun itu research assistants, semua cukup dengan maklumat masing-masing. Kita sudah umumkan kepada dunia bagaimana pentingnya ilmu pengetahuan. Bagaimana pentingnya dari segi komputer dan sebagainya tetapi wakil-wakil rakyat Dewan Rakyat dan Dewan Negara tidak ada seorang pun yang boleh membantu untuk hendak memberikan maklumat-maklumat yang terkini dan terbaru untuk hendak membincangkan isu-isu semasa di Dewan yang mulia ini.

Barulah sedap hendak berbincang, maklumat sudah ada cukup. Ini kena kerja sendiri. Saya sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, kalau tengok meja saya sekarang ini penuh dengan segala-gala benda. Pasalnya data-data ini berselerak tidak ada orang hendak mengatur hendak mengumpul untuk saya, buat sendiri semua ini. Tetapi elau serupa sahaja. Tidak ada bezanya. Jadi kalau boleh kita buatkan satu pertimbangan selain daripada mengemaskinikan kedudukan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan Dewan Negara, mempertimbangkan juga perkhidmatan sokongan kepada ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat supaya mereka dapat mempunyai maklumat-maklumat terkini yang boleh memberikan

peluang untuk mereka benar-benar membahaskan segala macam bil dan juga apa-apa sahaja di Dewan yang mulia ini.

Di Amerika memang wujud, Tuan Yang di-Pertua. Kita baca surat khabar bagaimana senator mengorat ahli-ahli research dia. Dia mengorat pula itu. Pasal ramai sangat.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang itu jangan ikut Dato'.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Itulah saya hendak cerita hal Amerika sahaja, budaya berbeza. Bagaimana kita tengok cerita seorang ahli senator atau ahli kongres hilang dengan assistant dia. Yang ambil bukan yang hendak bekerja, hendak menunjukkan cara dia sahaja. Jadi kita tidak perlu. Bererti wujud bukan seorang tetapi ramai pada setiap ahli Dewan, baik Dewan Senat mahupun kongres. Begitu juga di UK dan di tempat-tempat lain.

Jadi, saya mintalah pihak kerajaan bukannya pembaziran kalau pihak kerajaan memberi setiap 3, 4 orang seorang pembantu khas untuk membuatkan penyelidikan. Itu bukan pembaziran, itu mencanggihkan lagi prestasi ahli-ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara di Dewan yang mulia ini.

Begitu juga Tuan Yang di-Pertua, sistem jawatankuasa. Saya bercakap ini kerana ianya ada kaitan dengan mencanggihkan lagi pengurusan Dewan Rakyat ataupun Dewan Negara. Sistem jawatankuasa, Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan zaman-zaman dulu wujud di mana wujudnya jawatankuasa hal-hal luar negeri (foreign affairs committee), hal-hal pertahanan, hal-hal pendidikan dan ahli-ahli Dewan Negara atau Dewan Rakyat menduduki jawatankuasa itu. Setiap bil yang bersangkut paut dengan kementerian sebelum dibawa ke Dewan diperbincangkan di peringkat jawatankuasa dulu dan mereka yang cerdik pandai jawatankuasa mempunyai kuasa memanggil untuk membincangkan satu-satu bil yang hendak dibentangkan di Dewan yang mulia ini.

Tengok, kalau kita buat begitu pun alangkah canggihnya. Bila bil datang semuanya sudah kemas kini, inputs, pemikiran-pemikiran akademik, pemikiran-pemikiran korporat, pemikiran-pemikiran profesional yang lain pun dapat kita minta dan kementerian-kementerian boleh kita jemput. Menteri-menteri sendiri boleh kita panggil. kalau ikut jawatankuasa -jawatankuasa yang diwujudkan di England di mana Westminster merupakan satu model kepada kita. Kita tidak ambil semua, kita ambil sikit-sikit cara dia, selepas itu cara yang tidak baik itu kita tinggal. Jadi, saya minta kalau boleh pihak kerajaan memikirkanlah. Sekali lagi saya yakin dan percaya ini

tidak merupakan satu pembaziran kerana ia akan menguatkan lagi sistem pemikiran dan minda ahli-ahli untuk berkhidmat kepada rakyat serta negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai banduan-banduan. Kalau ikut cerita-cerita zaman dahulu, banduan-banduan ini bila kena tangkap, kalau daripada England dia akan dihantar ke Australia. Jadi, Australia sebenarnya is a nation of convicts, dalam bahasa Inggeris, iaitu satu negara banduan dan mereka di Australia bukan main bersemangat kalau dia tahu dia berketurunan banduan. Banduan-banduan itu ditangkap di England pada zaman itu kerana mencuri ayam, mencuri bir - semasa itu kuat minum - atau kerana perkara-perkara kecil. Wanita kena tangkap, lelaki pun kena tangkap, kadang-kadang anak-anak kecil pun kena tangkap, selepas itu mereka hantar ke Australia berkapal-kapal dan merekalah yang menjadi pengasas kepada benua Australia dan bekerja sebagai "hamba". Dia kena kerja kuat. Begitu juga banduan-banduan pada waktu itu semuanya kena kerah, dipaksa bekerja untuk membuat bangunan, jalan, kerja-kerja kuat, kerja-kerja berat tanpa ganjaran. Ganjaran mungkin dapat makanan sahaja.

Jadi, kalau sekiranya wujud satu sistem di mana banduan-banduan kita ini boleh diberi peluang untuk berkhidmat kepada masyarakat secara terurus, saya percaya mungkin dapat ganjaran juga. Kalau tak dapat ganjaran esok dia complain pula kepada Suhakam, ini kita tak mahu pula dia complain. Jadi dia dapat ganjaran. Katakanlah semak sangat di Jalan Bukit Bintang, jadi kita kerahkan banduan daripada Kajang naik lori pergi ke kawasan Bukit Bintang kutip sampah, kerana Bukit Bintang dahulu kalau Tuan Yang di-Pertua ingat, ada pula presiden daripada negara mana, saya lupa telah membuat komen. Khabarnya Bukit Bintang kotor maka menjerit semua orang. Jadi, kalau ada kerja-kerja semacam ini, tidak adalah orang yang pergi komen tempat kita ini kotor. Jadi, semuanya membersihkan keadaan, yang mana DBKL atau Alam Flora tidak mampu bekerja dengan baik dan selepas itu kita caj Alam Flora. Ini saya hendak minta pihak kerajaan kalau sekiranya banduan ini buat kerja untuk satu-satu tempat di mana sepatutnya diusahakan oleh DBKL atau Alam Flora atau Majlis Bandaran Seremban misal kata, mereka ini kita caj. Maknanya banduan pergi kerja, kita bil kepada pihak-pihak yang berkuasa yang tidak menjalankan tugas. Saya rasa ini akan menaikkan semangat banduan-banduan, dia bekerja keras kerana hendak membantu badan-badan tertentu yang tidak berupaya selepas itu duit gaji kepada dia daripada badan-badan itu, bukan daripada penjara. Itu kalau kita buat sistem semacam ini, saya rasa ini lebih effective.

Begitu juga kerja-kerja ringan, Tuan Yang di-Pertua, mereka yang ditangkap atas sebab-sebab yang tidak begitu penting tetapi memalukan, katakanlah mereka yang merokok di tempat awam yang mana ada sign tidak boleh merokok ataupun mereka yang menggunakan telefon di Dewan Negara di mana kita ada signboard kata tidak boleh guna; Ataupun ada telefon buni berdering, kadang-kadang. Mereka yang semacam ini sungguhpun tidak dikenai penjara tetapi di mana penjara dikenakan kerana kesalahan itu kita rasa elok dia buat kerja amal semacam itu, lebihkan daripada duduk di dalam penjara. Selepas itu kita tulis pada baju dia itu "Saya merokok di tengah orang rama". Kerja dia angkat puntung-puntung rokok di tepi-tepi jalan. Jadi, kita ambilkan satu tong atau bekas yang penuh dengan puntung-puntung rokok untuk dijadikan sebagai satu simbol. Saya tidak suka kalau sekiranya orang yang tidak berpuasa kita masukkan ke dalam kereta keranda selepas itu bawa di keliling. Itu saya rasa tidak tahu macam mana caranya. Saya tidak berapa faham adakah itu caranya atau tidak saya tidak tahu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga tertarik dengan pindaan yang dibuat oleh pihak kerajaan terutama daripada segi bahasa Melayu sebagai yang sahih, berani Yang Berhormat. Pasal lama sangat kita sudah merdeka - 43 tahun baru disebutkan tadi - dan bahasa Melayu dijadikan bahasa nasional negara. Tetapi dahulu entah macam mana teks yang sahih dari segi undang-undang adalah bahasa Inggeris. Kita ini sudah merdeka tetapi teks sahih adalah bahasa Inggeris. Jadi, saya amat berterima kasih, sudah sampai masanya selepas 43 tahun merdeka baru hari ini, itu menunjukkan tolerance kerajaan. Kemungkinan kita secara positifnya, menengok daripada segi tolerance kerajaan supaya kita bersiap sedia.

Tetapi Tuan Yang di-Pertua, di Dewan yang mulia ini banyak saya beri komen berkenaan dengan bagaimana kurangnya daripada segi penulisan-penulisan alih bahasa, bahasa-bahasa sains dan undang-undang. Dewan Bahasa sehingga ada 40 juta buku-buku yang tidak terjual pasal daripada segi lambat. Kalau lambat kita terjemah maka lewat. Macam daripada segi sains, satu teori dikeluarkan lima tahun dahulu kita baru hendak terjemah sekarang, teori itu sudah lapuk, teori baru akan timbul. Jadi, sentiasa kita kebelakangan kerana alih bahasanya, translationnya tidak begitu baik.

Jadi, sekarang ini biar orang Putih, biar orang Perancis, orang Inggeris, orang Jepun, orang Cina di China menggunakan teks bahasa Melayu sebagai asas perundungan negara, dia translate ke bahasa dia selepas itu dia kena kaji pula

bahasa kita kerana ini yang sahih, barulah menggunakan professionals yang mahir dalam bahasa. Jadi besok kita mempunyai lawyers antarabangsa datang ke sini, dia ambil orang-orang yang fasih dalam bahasa menjadi penterjemah kepada undang-undang, barulah betul, kerana undang-undang kita yang sahih ialah teks bahasa Melayu, bukan teks bahasa Inggeris seperti dahulu. Ini merupakan satu pendekatan baru. Saya minta lawyers - sahabat saya tidak ada di sini, tinggal seorang sahaja lawyer, Dato' William sudah tidak ada - mengambil kira supaya mengetahui benar-benar intisari dan semangat satu-satu perundangan yang dibuat menerusi bahasa Melayu, yang sahih teks asal dijadikan sebagai tapak perundangan dan yang lain itu terpaksa mengkaji. Jadi, benar-benar kita memastabatkan bahasa sebagai sebuah negara merdeka yang mempunyai bahasanya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengambil bahagian dan mengucap setinggi tahniah kepada pihak kerajaan kerana dapat merangkumi 10 lingkungan teks yang boleh menyesuaikan keadaan semasa mengikut tuntutan-tuntutan perubahan yang kita alami di negara kita ini. Mudah-mudahan semua pihak dapat menerima seperti yang diterima oleh setiap lapisan Ahli Dewan Rakyat dan juga Ahli Dewan Negara untuk menentukan ianya dapat digunakan sebagai Perlambagaan Malaysia yang kita kasihi.

Saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Melanie Chia Chui Ket.

#### 4.24 ptg.

**Puan Melanie Chia Chui Ket:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan untuk memindah Akta Perlembagaan Persekutuan.

Di sini dengan sukacitanya saya ingin menyentuh berkenaan dengan pindaan ke atas Perkara 6(8), 114 dan 119. Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan di bawah Perkara 6 bertujuan untuk membenarkan khidmat komuniti wajib dilaksanakan oleh mereka yang bersabit atau didapati bersalah oleh mahkamah undang-undang.

Pindaan ini sendiri merupakan satu cadangan yang baik. Ini kerana khidmat komuniti wajib yang dikemukakan merupakan satu sumbangan atau pulangan sosial kepada masyarakat. Seterusnya diharapkan khidmat komuniti ini dapat membantu mengetengahkan kepentingan tanggungjawab sivik. Bagi setengah-setengah penghuni penjara, khidmat komuniti wajib ini diharap dapat memberi kesedaran

kepada mereka dan sekaligus memperbaiki tingkah laku mereka apabila mereka kembali kepada masyarakat kelak.

Memang tidak dinafikan khidmat komuniti wajib ini merupakan satu langkah yang positif. Namun begitu, saya ingin memohon kepada pihak kerajaan untuk memberi penjelasan yang kukuh berkenaan dengan keberkesanan pelaksanaan keadaan ini terutamanya dalam konteks negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, laporan baru-baru ini mengatakan bahawa 70% daripada banduan yang menjalani hukuman penjara di Sabah terdiri daripada warga asing dan kebanyakan mereka adalah pendatang tanpa izin. Kos penahanan pendatang ini di penjara di negara ini tentunya memerlukan pembiayaan yang besar di mana ianya merupakan satu pembaziran kerana sumber ini lebih produktif jika digunakan untuk kepentingan orang tempatan.

Walau bagaimanapun, khidmat komuniti wajib ini merupakan satu langkah baik kerajaan untuk memaksimumkan penggunaan khidmat banduan. Namun persoalannya sekarang adalah risiko keselamatan yang kemungkinan akan timbul sekiranya mereka berada di luar kawasan penjara. Ini disebabkan oleh kebanyakan banduan di Sabah adalah pendatang asing yang mungkin juga pendatang tanpa izin. Adakah kita mempunyai keupayaan yang mencukupi untuk mengawasi mereka yang berada di luar kawasan penjara?

Tuan Yang di-Pertua, disebabkan risiko keselamatan, maka banduan-banduan ini dibiarkan terus dipenjara. Apakah panduan dan mekanisme yang perlu diperkenalkan untuk memastikan tiada risiko keselamatan yang akan timbul terhadap orang awam terutama sekali dalam konteks negeri Sabah ?

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ke atas Perkara 8 yang merujuk kepada perkataan jantina dimasukkan ke dalam senarai asal yang tidak boleh digunakan untuk mendiskriminasikan mana-mana warganegara. Walaupun Kerajaan Malaysia tidak pernah mempraktikkan polisi diskriminasi terhadap wanita, pindaan ini merupakan satu permulaan kepada pihak kerajaan bahawa sudah tiba masanya untuk kita mengambil kira taraf lelaki dan wanita sebagai sama.

Sebenarnya tindakan kerajaan dalam pindaan-pindaan Akta Kerja 1955, Akta Pembahagian 1958, Akta Penjagaan Budak 1961 dan Akta Cukai Pendapatan 1967 ialah contoh yang telah menyamai taraf lelaki dan wanita yang dapat dilihat menerusi pindaan-pindaan yang telah dibuat pada tahun-tahun sebelumnya. Satu akta baru pun telah dikemukakan dan diterima iaitu Akta Keganasan Rumah Tangga 1994.

Ekoran daripada itu, diharap juga Ordinan Imigresen 1959 dapat dipinda dalam masa yang terdekat ini bagi membenarkan bukan sahaja isteri rakyat Malaysia yang berwarganegara asing tetapi juga suami rakyat Malaysia yang berwarganegara asing untuk tinggal di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kini wanita merangkumi hampir separuh daripada populasi rakyat Malaysia. Oleh itu sektor tenaga sumber manusia negara juga merangkumi separuh daripada mereka. Kita dapat lihat ramai wanita di negara kita yang ada career dan sama-sama menyumbang secara langsung kepada pembangunan ekonomi negara.

Namun, bilangan yang sedia ada ini masih kecil jika dibandingkan dengan potensi tenaga wanita yang tidak tergolong dalam wanita yang bekerja. Oleh itu, kita berharap tindakan yang lebih affirmative, dengan izin, dapat diambil bagi pihak kerajaan untuk menyokong pindaan Perkara 8 ini supaya dapat memberi peluang kepada persamaan taraf di antara lelaki dan wanita. Ini merupakan Fasal yang penting untuk membangunkan negara dan saya yakin lebih ramai wanita yang sanggup menyumbang dan mengambil bahagian sekiranya diberi peluang yang terbuka.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh kepada pindaan ke atas Perkara 118 yang merujuk kepada bilangan ahli Suruhanjaya Pilihan Raya. Selain daripada pengerusi dan naib pengerusi, ditambah dari 3 kepada 5 orang ahli, ini lebih memudahkan agihan kerja kepada Suruhanjaya Pilihan Raya agar lebih efficient dan effective.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin mengambil peluang untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak kerajaan kerana bersikap proaktif dan pragmatik terutama sekali dalam mengendalikan masalah pengundian di Sabah. Dalam pengumuman yang dibuat oleh Suruhanjaya Pilihan Raya baru-baru ini, ada menyatakan yang mereka akan membuat penyemakan semula berkenaan dengan pengiraan undi untuk kesemua 48 kawasan Dewan Undangan Negeri di Sabah untuk memastikan isu pengundi hantu tidak akan dibangkitkan dalam pilihan raya akan datang. Ini sudah semestinya satu berita yang ditunggu-tunggu dan dialu-alukan oleh rakyat Malaysia di Sabah.

Jika kita melihat situasi yang berlaku di Sabah berkenaan dengan pengundi hantu telah memberi satu pengajaran yang berguna kepada negara dan negeri Sabah khasnya. Oleh itu dengan pengalaman ini, kita rakyat Malaysia di Sabah

berpendapat jika satu dari dua ahli baru kepada Suruhanjaya Pilihan Raya yang akan dilantik diwakili oleh seorang dari Sabah dan dia tentu dapat membantu pihak Suruhanjaya Pilihan Raya dalam tugas baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ke atas Perkara 119 dalam Fasal 4B menyatakan bahawa tarikh kelayakan bermaksud tarikh di mana seseorang memohon supaya didaftarkan sebagai pemilih dalam sesuatu bahagian pilihan raya atau tarikh dia memohon untuk menukar pendaftarannya sebagai pemilih dalam suatu bahagian pilihan raya yang lain.

Definisi tarikh kelayakan di sini menunjukkan bahawa proses lazim yang sepatutnya mengikuti peraturan pilihan raya pendaftaran pemilih 1971 tidak perlu lagi diikuti. Bukankah peraturan ini perlu dipatuhi merangkumi proses bagi tuntutan, bantahan dan siasatan awam sebelum pendaftaran pembeli disahkan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya ingin mengambil peluang ini untuk sekali lagi mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana bersikap proaktif dan pragmatik dalam membuat pindaan pada Perlembagaan yang kena pada masa dan saya dengan sepenuh hati menyokong pindaan-pindaan tersebut.

Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Jamilah binti Ibrahim.

#### 4.38 ptg.

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Bismillahir-Rahmanir-Rahim [Membaca sepotong ayat Al-Quran] yang bermaksud, “*Lelaki yang beriman dan wanita yang beriman hendaklah berganding bahu bagi membantu kerja-kerja yang baik dan mencegah kerja-kerja yang mungkar.*”

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut terpanggil untuk memberi sedikit pandangan di dalam Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2001. Syeikh Mustafar As Sibaei seorang ulama dari Syria telah pun menggaris kepada beberapa perkara iaitu hak-hak persamaan lelaki dan wanita tidak berbeza banyak.

Pertama ialah dua makhluk jantina ini mempunyai perasaan, emosi, minda, daya fikir yang seimbang. Cuma perbezaan yang dapat kita lihat ketara ialah bentuk fizikal yang sama-sama fungsi opera sinya lebih kurang kaum ayah pergi mendapatkan pampers, kaum ibu memberi susuan asli yang ada di sampingan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itu di dalam Al-Quran Allah S.W.T. menyebut [Membaca sepotong Al-Quran] “Memberi susuan dua tahun berturut-turut untuk menyempurnakan susuan ibu.”

Jadi, apa yang saya ingin menyebutkan di sini kepada kaum ayah, memberi tumpuan kepada kaum ibu di dalam waktu isteri-isteri mereka mengandung dengan pemakanan yang berkhasiat kerana melahirkan anak yang cerdas minda dan subur fizikalnya iaitu disebutkan ‘Qurataaina’ [cahaya mata]. Masalah yang kita hadapi sekarang ialah kaum ayah yang menjadi punca utama faktor penubuhan Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga ditubuhkan bagi melindungi keadilan dan hak-hak wanita wajib dilindungi dan diberi keadilan yang saksama.

Tuan Yang di-Pertua, memang fitrah dalam perjalanan mengikut neraca Islam. Akhir-akhir zaman kaum lelaki akan mati cepat, jangan para ayah bimbang. Ini ternyata di dalam beberapa hadis. Jadi, saya harapkan pada kaum bapa janganlah tunggu waktu penceran baru hendak bertaubat. Maka akhir zaman ini memang kaum wanita akan membanjiri di semua institusi yang ada. Oleh itu tidak timbul masalah diskriminasi kepada kaum wanita .....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat .....

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** ....lebih-lebih lagi bagi negara kita .....

**Timbalan Yang di-Pertua:** ....ada juga yang menyebutkan bahawa penghuni neraka ramai wanita. Kena ingatkan juga.

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Terima kasih. Ya, betul ada hadis penghuni neraka ramai daripada kalangan wanita kerana bisa mulut lidah, itu sahaja. Hendak masuk syurga senang tetapi mulut lidah suka dekat belakang, di depan manis gula batu tetapi di belakang itu. Saya tidak memperkecil-kecilkan dan itu adalah kenyataan daripada Baginda Rasulullah s.a.w.

Jadi, tidak timbul masalah diskriminasi seperti mana yang diperkatakan bahawa kami begitu dan begini lebih-lebih lagi dalam negara kita dalam soal mengarusperdanakan pendidikan. Memang Islam mewajibkan menuntut ilmu, tamadun ilmu menjadi fardhu ain kepada kaum lelaki, kaum wanita dalam mempertingkatkan budaya fikir dan mengintelektualkan manusia bagi memenuhi dan menyempurnakan operasi di perantauan sementara di dunia ini dengan fungsi-fungsi dan kerja-kerja mereka.

Jadi, sekarang oleh kerana cendekiawan daripada kalangan wanita melimpah ruah, mengapa kita tidak berikan peluang-peluang ini kepada kaum wanita di dalam

peringkat mana sekalipun? Jadi, mesti kita menggunakan sumber tenaga wanita ke peringkat maksimumnya dengan mekanisme yang disusun atur jangan sampai terjejas kerja-kerja asasi mereka iaitu pengurusan dan rumah tangga.

Bagi sedikit hendak menjawab – Dato' Abdul Aziz sudah keluar – kerana saya rasa suara-suara sinis mengatakan mengapa perlu mengambil wanita-wanita yang tidak comel bekerja/ Bagaimana nasib wanita yang comel? Saya ingin menyatakan di sini yang membimbangkan kita yang kita sebutkan perkara itu kerana kaum ayah juga puncanya. Cuba bayangkan seorang boss kalau dia mendapat secretary comel dan setiausaha peribadi comel, saya rasa tiga bulan sahaja sudah pening. Apabila mula melanda kepeningenan ini, mabuk, maka rumah tangga dan ketenteraman keluarga sudah menjadi muram, dan akhirnya kepincangan keluarga juga turut berlaku. Oleh itu institusi rumah tangga juga akan terjejas. Itu perkara pertama yang saya ingin sentuh.

Yang keduanya masalah Ahli Dewan Rakyat dan juga Ahli Dewan Negara. Saya ingin merayu kepada kerajaan berilah keadilan kepada kami pihak pembangkang di mana saya difahamkan bahawa kepada Ahli Dewan Rakyat dan Ahli Dewan Negara diberi peruntukan, kalau tidak silap saya tidak tahu berapa ratus amaunnya tetapi saya dengar ada RM100,000 kah ataupun kepada Ahli Dewan Negara bagi membuat projek-projek ataupun menampal tar jalan raya yang berlopak-lopak. Apakah kami tidak ada rakyat, apakah kami tidak pandai untuk menampalkan jalan-jalan raya di perkampungan dan kemiskinan rakyat kami juga menghadapi masalah yang sama?

**Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan:** *[Bangun]*

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Jadi, tolonglah kerajaan yang mesra rakyat berilah kembali keadilan ini kepada kami pembangkang sama ada di Dewan Rakyat dan juga Dewan Negara. Oleh kerana ....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada yang minta laluan.

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** ....Dato' Abdul Aziz tadi pun tidak beri laluan kepada saya. Saya belajar daripada bekanda Dato' Abdul Aziz. Jadi, saya rasa Yang Berhormat biarlah saya habiskan, saya pun rasa dahaga tełak.

Seterusnya saya merayulah supaya dipertimbangkan kembali peruntukan ini dan yang ketiga, saya dan kita kesemua Ahli Dewan Negara dan juga wakil-wakil daripada kerajaan kalau kita tidak memperkasakan bahasa ibunda kita, kita mengharapkan siapa? Kita mengharapkan siapa bagi memperkasakan bahasa

ibunda kita? Maka sudah sampai masanya walaupun bahasa lain kita boleh digalakkan. Bahasa international Arab, Perancis , Inggeris dan sebagainya tetapi kita memperkasakanlah, meletakkan status bahasa ibunda kita di tempatnya yang sebenar.

Yang keempatnya, saya ingin menyentuh sedikit sahaja iaitu umur persaraan 55 tahun mungkin boleh diubahsuai lagi kepada 56 tahun dan seterusnya kita melihat kepada pegawai-pegawai perkhidmatan awam yang mempunyai kesihatan yang cukup, mempunyai kemampuan, mempunyai pengalaman dan memperlihatkan kualiti kerjaya mereka bagi mengukuhkan lagi pentadbiran dalam negara, maka kita harus memberi kelonggaran dan memberi suatu inisiatif kepada mereka menggunakan pakai tenaga mereka selagi kemampuan itu dapat diguna dengan sebaik mungkin.

Jadi, saya rasa itu sahajalah pandangan dan beberapa perkara yang saya sentuh di dalam Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2001 dan akhirnya saya menyokong.

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan K.R.A. Naidu.

#### 4.45 ptg.

**Tuan K.R.A. Naidu:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin ucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian bagi membahaskan Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan.

Perbahasan ini adalah amat penting kerana Perlembagaan sesuatu negara merupakan apa yang boleh dikatakan kitab suci bagi negara. Kerajaan sentiasa berwaspada dan berfikir sematang-matangnya sebelum sesuatu pindaan kepada Perlembagaan dilakukan.

Saya bersetuju bahawa kerajaan in its wisdom, dengan izin, merasai pindaan-pindaan yang dibawa ke Parlimen hari ini adalah diperlukan untuk memenuhi keperluan zaman ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang pindaan dalam Fasal 2. Fasal 2 rang undang-undang ini bertujuan untuk meminda Fasal 3 (Perkara 6) Perlembagaan Persekutuan bagi memperuntukkan bahawa kerja atau khidmat yang dikehendaki supaya dilakukan akibat dari sesuatu sabitan dalam sesuatu mahkamah adalah dikira sebagai kerja paksa.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin mengemukakan dua cadangan untuk pertimbangan pihak kerajaan. Yang pertama, gaji yang diberi kepada banduan, saya

dapati bahawa gaji yang diberi kepada banduan hanyalah RM1.20 sehari kalau saya tidak silap. Gaji ini adalah difikirkan amat kurang dan kerajaan boleh menimbangkan untuk memberi bayaran gaji yang berpatutan atau hampir berpatutan kepada pekerja-pekerja yang diberi di luar penjara.

Ini adalah disebabkan gaji ini boleh digunakan oleh banduan ataupun oleh kerajaan untuk membantu seisi keluarga banduan itu ataupun apabila banduan itu keluar daripada penjara, wang yang dikumpul itu boleh digunakan untuk menjalankan penghidupan hariannya melalui menjalankan sesuatu business.

Kedua, saya juga berharap pihak kerajaan akan mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk membawa reformasi dalam akhlak dan kelakuan supaya banduan-banduan yang keluar dari penjara akan menjadi insan yang berguna kepada keluarganya, masyarakat dan negara.

Ini boleh dilakukan dengan beberapa cara, antaranya ialah banduan-banduan boleh diberi pendekatan kepada pendidikan moral dan agama.

Saya berharap bahawa pihak kerajaan dapat memastikan bahawa semua banduan di penjara -penjara kita mendapat ilmu ciri-ciri moral dan agama mengikut ajaran agama masing-masing. Jika perlu pakar-pakar sosiologi dan psikologi boleh juga digunakan untuk mendorong banduan-banduan ke arah kehidupan yang sihat.

Janganlah biarlah seorang pesalah yang masuk penjara sebagai pencuri, dan dia masuk semula tanpa reformasi sebagai perompak; kemudian dia keluar pula dari penjara selepas menjalani hukumannya dan dia masuk semula menjadi pembunuhan.

Saya berharap pihak kerajaan akan memberi perhatian dalam hal ini dan menentukan bahawa pesalah-pesalah boleh juga menjadi insan yang baik melalui pendidikan dan dorongan-dorongan ataupun pengajaran yang sihat.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan, tidak boleh ada diskriminasi terhadap warga negara atas alasan agama, ras, keturunan, dan tempat lahir.

Pindaan yang dicadangkan dalam Fasal 2 menambahkan jantina kepada Fasal yang tersebut. Dengan pindaan ini, hak wanita adalah sama rata dengan hak lelaki dari segi undang-undang, peluang dan layanan yang diberi dalam negara ini. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang membawa pindaan ini dan juga mengucapkan syabas kepada kaum wanita dan badan-badan wanita yang selama ini memperjuangkan hak ini, pengiktirafan ini juga menunjukkan bahawa

kerajaan kita adalah adil dan saksama kepada semua pihak, justeru hanya pelaksananya kadangkala tidak sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai pindaan yang dicadangkan dalam Fasal 4 dan Fasal 13 yang bertujuan membolehkan seseorang Ahli Dewan Negara menjawat jawatan mengikut satu tempoh yang penuh iaitu tiga tahun.

Ini adalah satu pengiktirafan yang perlu disambut baik kerana Ahli-ahli Dewan Negara merupakan satu kumpulan yang memegang jawatan yang tertinggi dan penting dalam sistem perundangan dan sistem amalan demokrasi negara kita. Ahli-ahli Dewan Negara juga merupakan satu kumpulan yang aktif yang memberi buah fikiran yang membina dan pandangan yang matang dalam menggubal undang-undang dan meluluskannya setelah diluluskan oleh Ahli-ahli di Dewan Rakyat.

Dewan yang mulia ini adalah lebih tinggi daripada Dewan Rakyat dan pengiktirafan yang diberikan melalui pindaan ini adalah kena pada masanya kerana Dewan ini tidak patut ditafsirkan sebagai hanya rubber stamp, dengan izin, kepada kerajaan oleh sesiapa. Keprihatinan kerajaan dalam perkara ini perlu dialu-alukan oleh semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, fasal 5 dan 6 rang undang-undang ini bertujuan menjadikan jawatan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat sebagai jawatan sepenuh masa. Jawatan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat merupakan satu jawatan yang penting dan tinggi kedudukannya. Menjadikan jawatan tersebut sepenuh masa akan meringankan beban kerja yang dipikul oleh Yang di-Pertua selama ini dan melicinkan perjalanan perkhidmatan kedua-dua Dewan ini. Mereka harus diberikan kemudahan selayaknya sesuai dengan kedudukan jawatan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengemukakan pandangan saya terhadap fasal 7 rang undang-undang ini. Pindaan yang dikemukakan kepada Dewan ini hanya menyebut tentang had tempoh persaraan wajib Setiausaha Dewan Negara dan Setiausaha Dewan Rakyat. Setahu saya kedua-dua setiausaha ini berkhidmat di dalam satu jabatan yang tertutup. Dengan cara ini, adalah sukar untuk mereka mendapat peluang yang saksama dalam kenaikan pangkat berbanding dengan pegawai-pegawai di jabatan-jabatan lain. Saya berpendapat bahawa pertimbangan harus diberikan supaya jawatan mereka ini dipertingkatkan sesuai dengan kedudukan tinggi Dewan Negara dan Dewan Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan Perlembagaan fasal 8 rang undang-undang untuk meminda fasal (1), perkara 114, Perlembagaan Persekutuan untuk menambah bilangan anggota Suruhanjaya Pilihan Raya daripada satu orang Pengerusi, satu orang Timbalan Pengerusi dan tiga orang Ahli kepada seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi dan lima orang Ahli adalah baik dan perlu dialu-alukan.

Memandangkan tugas-tugas SPR adalah berat dan tanggungjawab-tanggungjawab anggota-anggota SPR kepada negara adalah amat penting, pertimbangan harus juga diberi untuk melantik wakil-wakil dalam badan ini yang mempunyai pengalaman serta kemahiran yang terdiri daripada orang-orang kenamaan, orang-orang seperti bekas-bekas hakim, orang-orang politik yang mempunyai pengalaman yang luas serta mewakili semua kaum seperti orang Asli dan bumiputera lain dari Sarawak dan Sabah supaya Suruhanjaya Pilihan Raya dapat memainkan peranan yang diharapkan oleh rakyat negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, fasal 14 rang undang-undang ini bertujuan untuk memotong seksyen 46 Akta Tafsiran dan Fasal-fasal Am 1948 dalam Jadual ke XI kepada Perlembagaan Persekutuan dan menggantikannya dengan kemasukan perkara baru, 160B. Dengan pertukaran ini, teks bahasa Malaysia bagi Perlembagaan Persekutuan menjadi teks yang sahih. Saya menyokong penuh pemindaian fasal ini memandangkan negara ini telah mencapai kemerdekaan lebih 4 dekad dan bahasa Malaysia juga sudah berkembang dan penggunaannya pada masa ini adalah di tahap yang memuaskan.

Namun begitu, kita harus maklumkan kepada rakyat bahawa bahasa Inggeris sebagai bahasa antarabangsa perlu dipelajari oleh pelajar-pelajar kita supaya bahasa ini boleh digunakan dalam persidangan-persidangan antarabangsa, dalam business antarabangsa dan juga bahasa ini juga menjadi bahasa ICT.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berkongsi satu pengalaman yang berlaku, jika dibenarkanlah, pada tahun 1969. Pada ketika itu, Februari 1969, saya menjadi ketua rombongan mahasiswa Universiti Malaya ke Indonesia dan apabila saya tiba di sana untuk melawat institusi-institusi pengajian tinggi di Jogjakarta di Bandung, saya dapati bahawa di sana mereka amalkan bahasa yang bukan Bahasa Inggeris. Saya amat keliru. Keliru kerana Indonesia adalah di bawah jajahan Belanda dan bahasa yang mereka gunakan sebelum itu adalah bahasa Belanda tetapi pada ketika itu, pelajar-pelajar institusi-institusi pendidikan tinggi di Malaysia cuba mempelajari bahasa Inggeris dan saya keliru kerana pada ketika itu, tahap bahasa Inggeris di

negara kita adalah amat tinggi dan kedudukan pada masa itu di sini adalah kita tidak begitu menggalakkan penggunaan bahasa Inggeris.

Saya tidak mahu dianggap sebagai meminta supaya bahasa Inggeris digunakan di sini tetapi pengalaman saya pada ketika itu menunjukkan bahawa bahasa Inggeris perlulah dipelajari sekiranya negara dan rakyat kita mahu menjalankan perdagangan antarabangsa dengan negara-negara lain dengan berjaya dan juga menjadi pemimpin-pemimpin dan tokoh-tokoh di persidangan-persidangan antarabangsa di dunia.

Dengan kata-kata ini saya turut menyokong. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Lee Pit Chern.

#### 5.05 ptg.

**Datuk Lee Pit Chern:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan pindaan Rang undang-undang Perlembagaan Persekutuan. Pertamanya, saya ingin mengalukan pindaan Perkara 8 Fasal 2 yang melibatkan isu wanita. Masalah wanita masih banyak walaupun Perlembagaan ini dipinda. Dari segi perlembagaan, jantina ataupun janda tidak lagi menjadi satu masalah perbezaan di antara lelaki ataupun perempuan, tetapi dari segi amalan undang-undang dan masalah pentadbiran masih banyak berlaku. Undang-undang lama yang kita warisi daripada pihak penjajah dahulu masih mempunyai ciri-ciri dan titik yang mungkin mendiskriminasikan wanita.

Saya berharap pihak kementerian yang bertanggungjawab kepada persoalan wanita melihat undang-undang ini dan membuat pindaan yang sesuai. Di samping ini, masalah pentadbiran mestilah diselaraskan dengan pindaan perlembagaan. Janganlah ada undang-undang yang tidak mendiskriminasikan wanita tetapi dari segi pentadbiran masih ada unsur diskriminasi. Saya berharap masyarakat dapat memberi layanan yang sama kepada wanita bukan sahaja dari segi dasar tetapi juga amalan. Saya ingin memberikan satu contoh di sini bagaimana wanita didiskriminasikan.

Tuan Yang di-Pertua, seseorang wanita akan menerima pencen suaminya jika suaminya telah meninggal dunia. Sama juga bagi suami jika isterinya adalah seseorang kakitangan kerajaan yang telah meninggal dunia. Walau bagaimanapun, jika isteri yang menerima pencen suami itu kahwin dengan lelaki lain, isteri turut kehilangan pencen suaminya. Tetapi bagi suami di mana isteri telah meninggal dunia

dia tetap boleh berkahwin dengan wanita lain dan menerima pencen isteri yang telah meninggal dunia. Adakah pihak kerajaan sedar terhadap situasi sedemikian dan pada pendapat saya ini merupakan satu diskriminasi kepada kaum wanita. Kalau tidak mahu beri, kedua-dua pihak baik pun suami ataupun isteri harus tidak layak menerima pencen pasangan yang telah meninggal dunia.

Saya akan memberikan satu lagi contoh yang mendiskriminasikan wanita. Pindaan Akta Cukai Pendapatan telah memberi wanita satu pilihan untuk membuat tafsiran berasingan dari suami. Namun demikian, dalam kes-kes di mana seorang suami tidak bekerja, si isteri tidak dibenarkan *reduction* ataupun menolak daripada cukainya sebagai elauan untuk membiayai suami dan anak-anaknya. Potongan ini hanya peruntukan kepada pendapatan suami sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ini dia tidak memberi wanita menanggung lelaki agaknya.

**Dato' Lee Pit Chern:** [Ketawa] Adakah layanan seperti ini adil kepada kaum wanita yang perlu membela sekeluarganya. Dari segi kenaikan pangkat saya harap wanita juga boleh dipromosikan berdasarkan merit. Memang kita terima hakikat mungkin ada kerja-kerja yang tidak boleh dibuat oleh pihak wanita tetapi ada juga pekerjaan-pekerjaan di mana wanita lebih bijak, lebih pandai, lebih cekap daripada lelaki kerana lelaki biasanya melibatkan dari segi makro tetapi wanita lebih *meticulous* melihat benda-benda.

Tuan Yang di-Pertua, kaum wanita merupakan potensi sumber pembangunan yang penting dan perlu diberi pengiktirafan. Saya menyokong pindaan ini yang sejajar dengan era globalisasi dan liberalisasi yang mana wanita dan lelaki memainkan peranan yang penting dalam pembentukan keluarga yang bahagia dan menyumbang kepada pembangunan negara. Pindaan ini akan dapat menjamin perkongsian saksama antara wanita dan lelaki dalam memperolehi kemudahan sumber, peluang pendidikan dan manfaat pembangunan. Matlamat bersamaan perlu dijadikan teras dasar pembangunan yang berorientasikan rakyat supaya wanita yang lebih separuh jumlah penduduk negara dapat menyumbangkan dan mencapai potensi mereka sepenuhnya. Sekian, ucapan saya dan mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Rosli.

**Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat Tuan Yang di-Pertua tidak nampak saya..

**Timbalan Yang di-Pertua:** Nampak sudah.

**Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan:** Terima kasih daun keladi. Tuan Yang di-Pertua, saya bangun seperti rakan-rakan yang lain dengan merakamkan ucapan tahniah yang tidak terhingga kepada kerajaan kerana telah peka dengan tuntutan semasa perubahan-perubahan yang berlaku dalam negara kita. Saya yakin dan percaya perubahan-perubahan dan cadangan ini adalah banyak berasaskan kepada kajian dan perbincangan dari masa ke semasa, terutama sekali hampir 10 perkara penting yang akan kita pindah dalam rang undang-undang ini yang mana saya berhasrat untuk bercakap beberapa isu sahaja yang berkaitan dengan perkara-perkara yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri tadi.

Tuan Yang di-Pertua, perlembagaan kita telah diasaskan dengan begitu baik dan kita dapati tadi lebih daripada 30 kali kita telah meminda perlembagaan-perlembagaan kita. Sistem demokrasi berparlimen di negara kita hari ini yang telah meletakkan selaku raja berperlembagaan memang telah menjadi satu daripada paksi aturan dan peraturan di negara kita yang sekira-kiranya dengan amalan demokrasi yang kita amalkan selepas kita merdeka sehingga sekarang ini kita dapati negara kita telah dapat meneroka perkara-perkara yang berkaitan dengan banyak isu kepada pembangunan negara dan rakyat, apatah lagi perkara-perkara yang berkaitan dengan ekonomi pembangunan hal ehwal Islam dan agama kita serta kedudukan keadilan sosial serta perkara-perkara yang berkaitan dengan pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, banyak kita dengar tadi daripada rakan-rakan berkenaan dengan hak yang diberikan kepada wanita dan kita merakamkan ucapan tahniah juga kepada kerajaan dan telah ramai menyentuh dan rakaman terima kasih kepada kerajaan supaya wanita sama-sama dengan lelaki untuk memikul tanggungjawab membangunkan negara kita.

Jadi, dalam hal ehwal wanita ini saya rasa saya secara sepintas lalunya sama-sama merakamkan ucapan terima kasih dan saya rasa kerajaan kita amat peka kalau tidak Perlembagaan ini dipindah pun, kita telah pun melihat satu perkembangan baru baru-baru ini dengan wujudnya sebuah kementerian yang berkaitan dengan pengurusan hal ehwal wanita. Jadi, saya walaupun

Perlembagaan agak lewat dipinda sedikit berbanding dengan usaha-usaha yang dilakukan oleh kerajaan kita maka saya berpendapat ianya adalah sesuai dengan tuntutan semasa.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang keduanya ialah berkenaan dengan status Tuan Yang di-Pertua dan juga Timbalan Yang di-Pertua. saya menyokong baik keputusan kerajaan yang mengiktiraf kedudukan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua kebetulannya bos-bos kita dan rakan-rakan kita, saya mengucapkan tahniah dan diharapkan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua ini dapat menjadi satu kedudukan yang lebih bermakna di masa-masa yang akan datang dan saya berkeyakinan ada tambahan pindaan-pindaan lain yang sesuai dengan jawatan Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua. Cuma saya bercakap dari segi apa yang kita dapat laksanakan pada hari ini, saya tidak bercakap untuk hari ini tetapi untuk masa hadapan. Di dalam Perlembagaan kita, Dewan Negara memang diletakkan lebih tinggi dari segi statusnya berbanding dengan Dewan Rakyat. Tetapi kita dapati status dari segi kaca mata luar, mungkin dari kaca mata undang-undang Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara lebih kanan daripada Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat. Tetapi apa yang berlaku sekarang ini dilihat Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat diberi peluang yang lebih tinggi daripada Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara dari segi kerja-kerja harian dan kerja-kerja pengiktirafan oleh kerajaan.

Begitu juga dengan perkara-perkara yang berkaitan dengan protokol, dengan pemberian bintang dan sebagainya. Saya rasa Yang Berhormat menteri di Jabatan Perdana Menteri dapat memahami apakah yang tersirat dari pandangan saya ini. Berkemungkinan saya hanya ada dua tahun sahaja lagi untuk menjadi Ahli Dewan Negara tetapi untuk masa hadapan saya mahu melihat institusi Parlimen ini dapat kita laksanakan bersama kerana selepas penubuhan Kelab Senator pada tahun 1997 dahulu memang banyak isu berkaitan ahli Dewan Negara yang kita rasa harus dipinda dan nampaknya telah dipinda. Tetapi di peringkat perlaksanaannya masih tidak dapat dipenuhi oleh kerajaan. Saya mencadangkan pada kerajaan, kalau tidak lebih pun Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara biarlah ianya seimbang dengan kedudukan protokol dengan Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat. Kalau Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat diberi Tan Sri maka adalah wajar diberi Tan Sri kepada Tuan Yang di-Pertua bukan kepada batang tubuhnya tetapi di atas institusi

'keyangdipertuaannya' itu barulah saya rasa semangat pelaksanaan undang-undang di negara kita dapat diterjemahkan di peringkat pelaksanaan ini.

Saya yakin dan percaya perkara ini dapat diberi perhatian serius, berat dan saksama oleh kerajaan supaya dapat menilai kedudukan status Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara dan juga Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

Pada awal tahun 90-an dan pertengahan 90-an pembangkang-pembangkang di Dewan Rakyat terutama sekali Lim Kit Siang ketika itu senantiasa meletakkan Dewan Negara ini sebagai satu kumpulan ahli-ahli yang berhormat yang second class dan juga merupakan kumpulan *rubber stamp* dan sebagainya. Ini kali pertama saya rasa pada tahun 1998 di Dewan Negara ini meminta usul tergempar supaya menidakkan fakta yang dibentangkan oleh Lim Kit Siang terhadap ahli-ahli Dewan Negara. Saya rasa kita telah mengamalkan satu amalan yang sepatutnya. Apabila ada negeri diperintah oleh pembangkang, kita masih mengakurkan kepada aturan dan peraturan yang sedia ada iaitu dengan menerima ahli-ahli Dewan Negara yang dicadangkan oleh kerajaan negeri ataupun dewan undangan negeri masing-masing dan kita nampak setiap ahli Dewan Negara yang dipilih sama ada di dewan undangan negeri masing-masing ataupun oleh Yang di-Pertuan Agong memang mempunyai kelebihan masing-masing sehingga mereka mengikut lumrahnya, mereka telah menjalankan tugas hampir keseluruhannya dari semasa ke semasa.

Cuma masalah politiking secara publisiti dan sebagainya berkemungkinan di Dewan Negara, ahli-ahli Dewan Negara tidak bercakap secara emosi, secara budak-budak, secara mementingkan parti politik secara totok seperti di Dewan Rakyat. Apa yang berlaku seminggu dua yang lalu kita dapati ramai antara Ahli Yang Berhormat sama ada di peringkat *Back-bencher*, sama ada yang menyokong kerajaan ataupun yang menjadi pembangkang, mereka sebenarnya walaupun ada isu-isu penting untuk negara tetapi fokus kepada perbincangan dan juga ucapan-ucapan oleh Ahli-ahli Dewan Rakyat baru-baru ini agak cetek dan juga banyak di antara perkara hanya mementingkan ketaksuban dan menangguk di air yang keruh serta tidak begitu produktif serta memikirkan masalah parti masing-masing sahaja.

Jadi Ahli-ahli Dewan Rakyat terutama sekali daripada DAP dan PAS hanya bercakap masalah secara 80% lebihnya kerana saya sudah tengok keseluruhan *Hansard* yang ada walaupun ada pandangan-pandangan yang baik di tengah-tengahnya, tetapi secara keseluruhannya ia tidak memaparkan satu kedudukan yang sihat di Dewan Rakyat. Di Dewan Negara alhamdulillah, walaupun kita ada

sedikit-sebanyak pertentangan daripada segi pandangan dan ideologi serta pendapatan tetapi kita banyak memberi fakta kepada perkara-perkara yang kita bahaskan sama ada ianya berkaitan dengan pindaan Perlembagaan ataupun berkenaan dengan akta yang kita bahaskan.

Jadi, kedudukan ini juga harus dinilai oleh pengurusan Parlimen kerana saya ingin mencadangkan kemungkinan kita telah terheret begitu jauh. Kalau kita melihat bagaimakah Dewan Rakyat pada tahun 60-an dan 70-an, kita mempunyai penyatuan fikir kita untuk membina negara.

Dahulu saya berkesempatan mengikuti perkembangan-perkembangan pemimpin-pemimpin PAS, tokoh-tokoh besar PAS dan juga tokoh-tokoh daripada DAP, mereka banyak bercakap masalah keselamatan dan *survival* kedudukan negara sehingga banyak perkara yang telah dicadangkan sebagai contohnya oleh Allahyarham Datuk Asri Muda sendiri salah seorang yang telah menggerakkan penubuhan Barisan Nasional pada tahun 1974 bersama-sama dengan Allahyarham Tun Abdul Razak sebagai pelopornya sehingga kedudukan suasana pemikiran bersama kita sehingga kita dapat melahirkan satu kemajuan yang amat membanggakan ketika itu sehinggalah ada perkara-perkara yang telah memufarakahkan kembali PAS daripada Barisan Nasional.

Tetapi akhir-akhir ini apabila keadaan ini berlaku maka kita merasakan satu tanggungjawab baru kepada pemimpin-pemimpin yang mewakili kerajaan terutama sekali Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad meminta supaya melihat penyatuan Melayu umpamanya sebagai satu daripada faktor yang amat penting melebihi daripada kepentingan UMNO dan juga kepentingan PAS itu sendiri. Tetapi saya rasa agak malang perjumpaan pada 19 Mei atau April, saya sudah tidak ingat. Yang saya ingat cuma 19 Mei yang sepatutnya Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi melawat Terengganu tidak dapat melawat kerana semata-mata untuk hadir. Saya tidak tahu perkembangan apakah tujuan di sebalik tidak jadinya ini sama ada pelawaan UMNO dilihat untuk kepentingan UMNO ataupun memang PAS sendiri melihat dalam bentuk dan perspektif yang lain. Tetapi apa pun yang kita harap, kita berharap selepas daripada masalah yang dihadapi oleh kedudukan yang ada di negara kita pada hari ini, saya berharap kita harus meletakkan kepentingan *survival* bangsa kita dan agama kita melebihi daripada tunutan ataupun kehendak yang dikehendaki oleh parti kita. Berkemungkinan dalam kita menguruskan negara, Kerajaan Barisan Nasional dahulunya Perikatan yang

UMNOnya menjadi tunjang, memang ada sedikit-sebanyak kelemahan-kelemahannya, tetapi percayalah negara kita adalah merupakan negara yang aman damai yang kita dapat bina penyatuan fikir kita, tindakan kita, semua kaum, semua agama dan sebagainya dan kita dapat lihat perkembangan ini dari semasa ke semasa tetapi kita tidak hendak parti pembangkang dilihat sebagai suatu kumpulan yang hanya menuding jari dari semasa ke semasa.

Ini akan diteruskan di peringkat bawahan umpamanya apabila di Kelantan dan Terengganu diperintah oleh PAS, maka pemimpin-pemimpin UMNO juga akan melihat dalam bentuk yang lebih kecil sehingga akhirnya rakyat dan bangsa kita akan menjadi mangsa. Jadi, tujuan saya memaparkan perkara ini ialah supaya UMNO dan PAS dapat duduk semula dengan lebih intim, apakah kedudukan kita sebenarnya pada hari ini, statusnya, *survival* kita akan datang. Berkemungkinan pada hari ini kita hanya rugi sedikit, tetapi percayalah perpecahan bangsa kita, berkemungkinan Dato Seri Dr. Mahathir akan rugi sedikit, Dato' Haji Fadzil Noor mungkin rugi sedikit, tetapi yang rugi besar ialah bangsa kita yang tidak sampai pun 50 tahun kita merdeka.

Jadi, saya menyarankan sekali lagi kepada kedua-dua parti ini supaya dapat duduk semeja lagi berunding walaupun ada perkara-perkara yang diberi syarat oleh PAS supaya membubarkan syarat itu, tetapi meletakkan dalam perbincangan itu syarat-syarat dan sebagainya. Saya yakin dan percaya gerakan kerajaan, umpamanya seketika dahulu, ada desakan supaya perkataan 'Islam' umpamanya digugurkan. Saya sendiri pada 26 Jun, 1999 yang pertama sekali mencadangkan supaya 'Islam' digugurkan daripada PAS kerana tindakan. Jadi, kita tidak mahu mencari banyak sangat kelemahan-kelemahan ini, tetapi kita senantiasa akur dengan keputusan yang telah dibuat oleh Majlis Raja-raja melalui Majlis Fatwa. Jadi, saya ingin mencadangkan kalaularah perkara ini tidak dapat diselesaikan, apakah di peringkat Majlis Fatwa itu sendiri dapat menyelesaikan masalah perpaduan bangsa kita dan juga perpaduan agama kita, kerana kita kadang-kadang pening apabila melihat gelagat sama ada ianya lahir daripada beberapa parti pembangkang di negara kita.

Saya hendak tanya kepada kerajaan sama ada ini relevan ataupun tidak? Apabila kita merdeka dahulu, tuntutan UMNO khususnya adalah atas satu perkara yang penting iaitu untuk meletakkan raja sebagai ketua agama dan juga kita menentang Malayan Union dahulu pada tahun 1946 penubuhan UMNO dahulu,

adalah berasaskan kepada meletakkan agama Islam yang diletakkan di atas tanggungjawab Duli-duli Yang Maha Mulia Tuanku negeri-negeri dan perkara ini telah termaktub di dalam Perlembagaan, Islam sebagai agama rasmi dan banyak sangat polemik perbincangan yang mutakhir ini, perubahan-perubahan baru, khususnya apabila kita melihat PAS sendiri mahu menegakkan sebuah negara Islam

Kalau ianya mahu melibatkan sebuah negara Islam, bererti PAS tidak mengiktiraf negara hari ini, ialah sebuah negara Islam. Itu daripada segi analogi aritmetik biasa. Jadi, kalau PAS ingin menegakkan negara Islam, maka sekarang bagi mereka ini bukan sebuah negara Islam, apakah Majlis Fatwa Kebangsaan ataupun Majlis Raja-raja dapat membuat keputusan mutlak sama ada negara kita ini mencukupi syarat ataupun tidak sebagai sebuah negara Islam?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Rosli, oleh kerana masa tidak mengizinkan, boleh Yang Berhormat sambung esok pagi?

**Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan ini saya tangguhkan Majlis Mesyuarat Dewan ini ke hari esok, 14 Ogos 2001, jam 10.00 pagi.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.*

6 Ogos 2001

### **AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Dato' Michael Chen Wing Sum, D.P.M.S.  
(Dilantik)

- " Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Haji Gapar bin Gurrohu (Dilantik)
- " Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi,  
Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.  
(Dilantik)
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri,  
Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia (Dilantik)
- " Menteri Pendidikan,  
Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamed, P.S.M., D.P.M.N.,  
D.P.C.M. (Dilantik)
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri.  
Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin  
(Dilantik)
- " Timbalan Menteri Pendidikan,  
Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.  
(Dilantik)
- " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri,  
Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor, (Dilantik)
- " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Datuk M. Kayveas P.J.N. (Dilantik)
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan  
Datuk Zainudin bin Maidin, (Dilantik)
- " Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- " Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Abdullah bin Ayub (Dilantik)
- " Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- " Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani (Perlis)
- " Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- " Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun  
(Dilantik)
- " Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K.,  
B.K.M. (Kedah)
- " Tuan Benedict Bujang Tembak (Sarawak)
- " Dato' Charern Intachat, D.S.D.K., A.M.N., B.C.K. (Dilantik)

- “ Dr. Charlie Chau-Lap Chang (Dilantik)
- “ Puan Hajah Che Jam binti Haron (Dilantik)
- “ Puan Chew Poh Thoi (Dilantik)  
Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng (Pulau Pinang)
- “ Datuk Christina Tibok Vanhouten (Sabah)
- “ Datuk Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Datuk Ghazi bin Haji Ramli, D.P.M.S., D.I.M.P.  
(Selangor)
- “ Dato' Hamzah bin Zainudin (Perak)
- “ Tuan Hassan bin Haji Shukri (Terengganu)
- “ Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan (Melaka)
- “ Tuan Ho Lim Teck (Melaka)
- “ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)
- “ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye (Dilantik)
- “ Puan Jaya Partiban (Dilantik)
- “ Datuk Joseph Balan Seling (Dilantik)
- “ Datuk Haji Karim Ghani (Sabah)
- “ Tuan Haji Karim bin Salleh (Perlis)
- “ Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Tuan Kee Ah Kau (Selangor)
- “ Dato' Lee Pit Chern (Negeri Sembilan)
- “ Tuan Lim Eng Kok (Dilantik)
- “ Datuk Long bin Jidin (Dilantik)
- “ Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Haji Ahmad Raffae,  
(Dilantik)
- “ Dato' Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
- “ Dato' Haji Mazlan bin Abu (Johor)
- “ Puan Hajah Melati binti Ali (Pahang)
- “ Puan Melanie Chia Chui Ket (Dilantik)
- “ Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob, P.S.M., P.M.K.,  
S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T., P.G.D.K., D.A.  
(Dilantik)
- “ Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani (Dilantik)
- “ Tuan K. R. A. Naidu (Dilantik)
- “ Datuk Nor Azah binti Awin (Dilantik)

- “ Puan Nosimah binti Hashim (Dilantik)
- “ Dato' Poo Yew Choy, D.I.M.P., A.M.P. (Pahang)
- “ Puan Hajah Puizah binti Haji Abu Kassim (Dilantik)

- Yang Berhormat Tuan M. Ratnam (Dilantik)
- “ Tuan M. Saravanan (Dilantik)
  - “ Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan (Dilantik)
  - “ Tuan R. Sinniah (Dilantik)
  - “ Puan Safinah binti Jusoh (Terengganu)
  - “ Puan See Too Mee (Johor)
  - “ Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff (Kelantan)
  - “ To' Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad (Dilantik)
  - “ Datuk William Lau Kung Hui (Dilantik)
  - “ Tuan Wee Kok Tiong (Dilantik)
  - “ Tuan Yew Teong Look (Dilantik)
  - “ Tuan Yew Tuan Chiew (Perak)
  - “ Tuan Zainal bin Rampak (Dilantik)
  - “ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)

**DEWAN NEGARA**  
**PEGAWAI PEGAWAI KANAN**

**Setiausaha Dewan Negara**

Dato' Abdullah Abdul Wahab

**Ketua Penolong Setiausaha**  
 Roosme binti Hamzah  
 Zamani bin Haji Sulaiman  
 Haji Mustakin bin Salamat  
 Shahrom bin Haji Hasan

**Penolong Setiausaha**  
 Haji Mustafa bin Abdul Rahman  
 Ruhana binti Abdullah  
 Riduan bin Rahmat

JURUBAHASA SERENTAK  
 Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman  
 Mazidah binti Mohamed  
 Hajah Paizah binti Haji Salehuddin

BENTARA MESYUARAT  
 Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali  
 Mejar (B) Zakaria bin Salleh  
 Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah  
**Monarita binti Mohd. Hassan**

Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop  
 Mohamed bin Osman  
 Hajah Norishah binti Mohd. Thani  
 Shamsina binti Janor  
 Ramlah binti Mohd. Yusuff  
 Jamilah Intan binti Haji Bohari  
**Nurziana binti Ismail**  
 Noor Effarizan binti Mat Satib  
 Taharah binti Mohamed  
 Nik Elyana binti Ahyat  
 Marzila binti Muslim  
 Abu Bakar bin Hasan

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN KOMPUTER**

Mohd Shah bin Rahman  
 Sulaiman bin Sirad  
 Azzahar bin Hashim

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK**

Kamal bin Oyub  
 Haji Latif bin Ismail  
 Kamaroddin bin Mohd. Yusof

**MESYUARAT KEDUA**

**PARLIMEN KESEPULUH  
PENGGAL KETIGA**

---

**Jilid III**

**Bil. 22**

**Isnin**

**13 Ogos 2001**

---

**K A N D U N G A N**

**PENGUMUMAN TUAN YANG DIPERTUA**

- |                                   |             |
|-----------------------------------|-------------|
| - Perutusan Daripada Dewan Rakyat | (Halaman 1) |
| - Urusan Mesyuarat                | (Halaman 2) |

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 2)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

- |  |              |
|--|--------------|
| Rang Undang-undang Perancangan Bandar dan<br>Desa (Pindaan) 2001 | (Halaman 28) |
| Rang Undang-undang Bekalan Gas (Pindaan) 2001                    | (Halaman 51) |
| Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No.2) 2001            | (Halaman 69) |